

**PENGARUH FAKTOR DIRI, KELUARGA DAN PERSEKITARAN
SOSIAL TERHADAP RESIDIVISME DI PENJARA**

IBRAHIM SAMAD

**SARJANA SASTERA (KERJA SOSIAL)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2013**

Kebenaran Penggunaan

Saya dengan ini mengemukakan tesis saya sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sastera (Kerja Sosial) dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh memperolehi tesis ini secara percuma untuk tujuan pemeriksaan. Saya juga bersetuju untuk membenarkan mana-mana pihak untuk menyalin tesis ini dalam apa-apa cara sekalipun, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Bagi tujuan ilmiah boleh dimohonkan kepada penyelia saya (s) atau, dalam ketiadaan mereka, boleh memohon kepada Dekan Awang Had Salleh, Sekolah Siswazah Sastera dan Sains. Difahami bahawa mana-mana penyalinan atau penerbitan atau penggunaan tesis ini atau bahagian-bahagiannya untuk keuntungan kewangan tidak boleh dibenarkan tanpa kebenaran bertulis saya. Ia juga difahami bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia boleh menggunakan mana-mana bahagian dalam tesis saya jika didapati bersesuaian untuk tujuan ilmiah.

Permintaan untuk kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan yang lain dalam tesis ini, secara keseluruhan atau sebahagian, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Sekolah Siswazah Sastera dan Sains
Kolej Sastera dan Sains UUM
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Masalah residivisme di penjara sering diperbahaskan kerana masalah ini memberi impak terhadap masalah kesesakan, pindaan undang-undang, peraturan-peraturan penjara, peningkatan kos pengurusan keselamatan, penahanan dan layanan serta masalah pelaksanaan program pemulihan. Masalah keberkesanan pemulihan berlaku kerana tidak semua residivis dapat melengkapkan fasa-fasa program pemulihan yang ditetapkan kerana tempoh hukuman yang berbeza. Tempoh kemasukan semula residivis ke penjara selepas bebas juga meningkat. Objektif penyelidikan ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah residivisme di Penjara Malaysia, khususnya di Penjara Taiping. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan dibantu kaedah kualitatif. Kaedah temubual dengan responden dan kakitangan Penjara Taiping dijalankan. Maklumat kualitatif digunakan bertujuan untuk menyokong data kuantitatif dalam penemuan penyelidikan. Instrumentasi penyelidikan yang digunakan ialah borang soal selidik. Seramai 230 responden residivis dari Penjara Taiping telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel berasaskan tiga jenis kesalahan iaitu kes kesalahan jenayah kekerasan, kes jenayah kesalahan harta benda, dan kes kesalahan dadah. Soal selidik mempunyai enam bahagian, dan 76 soalan berkaitan demografi, penglibatan dengan jenayah dan hukuman, persepsi residivis terhadap program pemulihan, faktor keluarga dan masyarakat, faktor persekitaran sosial, dan faktor diri residivis. Pengukuran data dibuat dengan menggunakan Skala Likert. Penganalisan data dijalankan dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* atau SPSS versi 16.0. Analisis korelasi antara pemboleh ubah terikat dan pemboleh ubah bebas digunakan untuk melihat faktor yang mempengaruhi dan sebab berkaitan berlakunya masalah residivisme. Kaedah analisis data secara deskriptif dan inferensi digunakan bagi melihat perkaitan dan sebab residivisme. Penghuraian secara frekuensi, korelasi kekerapan menjalani hukuman penjara dengan persepsi residivis terhadap pelaksanaan Pelan Pembangunan Insan (PPI), hubungan dengan keluarga dan masyarakat, faktor diri residivis dan persekitaran sosial. Penghuraian juga berkaitan min, hubungan atau perbezaan, kekerapan menjalani hukuman penjara dan tempoh kemasukan semula residivis ke penjara dan tempoh mengikuti fasa-fasa program pemulihan. Hasil penyelidikan mendapati 82% responden bersetuju dan memberi persepsi positif terhadap pelaksanaan PPI. Sebanyak 66% bersetuju faktor diri residivis yang menjadi penyebab utama masalah residivisme. Dapatan penyelidikan juga menunjukkan bahawa sebanyak 41% bersetuju faktor persekitaran sosial menjadi penyebab yang agak kuat mempengaruhi masalah residivisme dan sebanyak 37% tidak setuju pengaruh keluarga dan masyarakat yang menyebabkan residivisme. Ini bermakna hubungan residivis dengan keluarga masih diperlukan walaupun interaksi untuk membincangkan masalah peribadi agak berkurangan. Selanjutnya cadangan dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan program pemulihan dan tindakan menangani masalah residivisme di penjara.

Kata kunci: Residivisme, Pemulihan, Kesalahan, Penjara.

Abstract

Recidivism in prison were oftenly debated since it gives an impact on congestion problem, an amendment of the law, prison regulations, the rising cost of security management, retention and treatment, and rehabilitation program implementation problems. Recovery efficiency problems occur because not all residivis can complete the phases of the rehabilitation program prescribed due to the diversity of time sentences. Reinstatement period of residivist that returned back to jail after released also increased. The objective of this research is to examine the factors that influence the occurrence of the recidivism problem in Malaysia, especially in Taiping Prison. This research uses quantitative methods with qualitative methods helped. Interview with the respondent and the Taiping Prison staff conducted. Qualitative information is used in order to support the quantitative data in research. Research instrument used was a questionnaire. A total of 230 respondents residivis from Taiping Prison was randomly selected as a sample based on three types of offenses of cases of violent crime, property crime offenses, and drug offenses. The questionnaire has six parts and 76 questions regarding demographics, involvement in crime and punishment, residivis perception of recovery programs, family and community factors, social environmental factors, and individual residivis. Data measurements made using a Likert Scale. Data analysis was conducted using the Statistical Package for the Social Sciences or SPSS version 16.0. The correlation between independent variables and bound variables are used to see the factors that influence the occurrence of problems and related causes Recidivism. Methods of data analysis used descriptive and inferential reason for the correlation and Recidivism. Description of the frequency, the frequency correlation prison sentence residivis perception of Human Development Plan (HDP), relationships with family and community, self-residivis factors and the social environment. Description is also related to the mean, correlation or difference, frequency and duration of prison sentence reinstatement residivis to jail and the following phases of the recovery program. The findings of the research found 82% of respondents agreed, and positive perceptions of the implementation of the program (HDP). 66% agreed that the factors themselves residivis become the leading cause of Recidivism. Research findings also showed that 41% agreed social environmental factors cause a relatively strong influence recidivism problems, and 37% do not agree that the influence of family and community causes Recidivism. This means that relationships with family residivis still needed though interaction to discuss personal problems are considerably reduced. Hence, a recommendation is presented to enhance the effectiveness of rehabilitation programs and action to encounter the problems of recidivism in prison.

Keywords: Recidivism, Rehabilitation, Offense, Jail.

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas taufik dan hidayahNya, serta limpah kurniaNya, dapat saya menyiapkan tesis ini dengan lancar walaupun menghadapi berbagai masalah dan cabaran.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jamaludin bin Mustafa selaku penyelia pertama dan Dr. Hj Kamal bin Hj. Ab. Hamid selaku penyelia kedua saya yang begitu banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan semangat kepada saya. Sumbangan beliau sangat bermakna dan sangatlah saya hargai dalam membantu saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Kolej Sastera dan Sains dalam bahagian Kerja Sosial (UUM), Mohd Hilmi Hamzah di atas segala curahan ilmu dan tujuk ajar yang telah diberikan. Terima kasih juga kepada kakitangan Bahagian Pemulihan, Unit Pengurusan Sistem Maklumat Pesalah, Unit Pengurusan Rekod dan Urusetia Penjara Taiping. Tidak lupa juga Bahagian Kepenjaran Ibu Pejabat Penjara Malaysia dan Bahagian Pemulihan kerana banyak membantu saya dalam menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri Zaiton bt Mohammed Zainul Abidin yang tidak jemu memberi semangat dan dorongan dan anak-anak yang saya kasihi Anees Izana, Muhammad Izrul, Mohd Zool Fadli, Mohd Arif Safwan dan Muhammad Aizat yang banyak memberi kerjasama, semangat dan membantu bagi menyiapkan tesis ini. Semoga Allah sentiasa melimpahi rahmat kepada semuanya, InsyaAllah.

Sekian terima kasih

Isi Kandungan

Kebenaran Penggunaan.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Senarai Lampiran.....	xi
Singkatan Perkataan.....	xii
BAB SATU: PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Penjara Malaysia.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	8
1.4 Persoalan Kajian.....	16
1.5 Objektif Kajian.....	16
1.6 Kepentingan Kajian.....	17
1.7 Limitasi Kajian.....	18
1.8 Rumusan.....	19
BAB DUA: ULASAN KARYA	20
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Kajian Luar Negara	20
2.3 Kajian Dalam Negara.....	28
2.4 Rumusan.....	33
BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN	34
3.1 Pendahuluan	34
3.2 Lokasi Penyelidikan	34
3.3 Klasifikasi Populasi Banduan Penjara Taiping.....	35
3.4 Definisi Konseptual.....	37
3.4.1 Residivisme.....	37

3.4.2 Residivis.....	40
3.4.3 Residivis Tegar	41
3.4.4 Pemulihan	42
3.4.5 Kesalahan.....	46
3.4.6 Pelan Pembangunan Insan (PPI).....	47
3.4.7 Persepsi Banduan	49
3.5 Kerangka Teoritikal Penyelidikan.....	49
3.6 Reka Bentuk Penyelidikan	53
3.7 Persampelan	54
3.8 Instrumentasi Penyelidikan	56
3.9 Penganalisan Data	58
3.10 Pentadbiran dan Pengumpulan Data Kuantitatif	60
3.11 Pengumpulan Maklumat Kualitatif	62
3.11.1 Temubual Dengan Residivis	62
3.11.2 Temubual Dengan Kakitangan.....	63
3.12 Rumusan.....	63
BAB EMPAT: ANALISIS HASIL PENYELIDIKAN	64
4.1 Pendahuluan	64
4.2 Demografi Residivis.....	64
4.2.1 Etnik	65
4.2.2 Agama	65
4.2.3 Umur	66
4.2.4 Status Perkahwinan	67
4.2.5 Bilangan Tanggungan	67
4.2.6 Pekerjaan.....	68
4.2.7 Pendapatan	69
4.2.8 Taraf Pendidikan	70
4.2.9 Institusi Pengajian	71
4.2.10 Pengajian Asas Agama	71
4.3 Penglibatan Dengan Jenayah dan Hukuman	73
4.3.1 Kesalahan.....	73

4.3.2 Tempoh Menjalani Hukuman	74
4.3.3 Institusi Yang Pernah Menjalani Hukuman	75
4.3.4 Kekekapan Menjalani Hukuman	77
4.3.5 Rawatan Pemulihan	78
4.3.6 Tempoh Ditangkap Semula Selepas Bebas.....	79
4.3.7 Kesalahan Tatatertib	80
4.3.8 Mengikuti Fasa Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)	82
4.4 Pesepsi Residivis Terhadap Pelaksanaan Program	82
Pelan Pembangunan Insan (PPI)	
4.5 Faktor Diri Residivis	95
4.6 Faktor Keluarga dan Masyarakat	104
4.7 Faktor Persekitaran Sosial.....	122
4.8 Rumusan.....	130
BAB LIMA: CADANGAN PENYELIDIKAN.....	134
5.1 Pendahuluan	134
5.2 Menjelaskan Semula Konsep Residivisme	134
5.3 Kajian Masalah Residivisme Mengikut Jenis Kesalahan Jenayah dan	139
Tempoh Menjalani Hukuman	
5.4 Kajian Edah (Cohorts) Pembebasan Residivis Terlibat Semula Dengan.....	141
Kesalahan Jenayah	
5.5 Tempoh Mengikuti Fasa Program PPI Perlu Dikaji Semula	144
5.6 Meningkatkan Pendidikan Agama Dalam Insitusi Penjara.....	147
5.7 Meningkatkan Pendidikan dan Pencegahan.....	149
5.8 Mengkaji Semula Pelaksanaan Program Kemasyarakatan	152
5.9 Meningkatkan Taraf Professionalisme Kakitangan	154
5.10 Meningkatkan Latihan Kemahiran Vokasional	155
5.11 Rumusan.....	157
5.12 Penutup.....	157
RUJUKAN	159

Senarai Jadual

Jadual 1.1: Kemasukkan Semula Residivis Selepas Mengikuti Program PPI Ke Penjara Taiping Bagi Tahun 2009 & 2010	10
Jadual 1.2: Kemasukkan Semula Residivis Ke Penjara Taiping Selepas Bebas Bagi Tahun 2009 & 2010	11
Jadual 1.3: Kemasukkan Banduan Residivis di Penjara Taiping Tahun 2005 – 2010	15
Jadual 1.4: Kadar Residivisme di Penjara Malaysia dari Tahun 2000 – 2009	15
Jadual 3.1: Jumlah Populasi Banduan di Penjara Taiping 30 Jun 2010	36
Jadual 3.2: Pemilihan Sampel	55
Jadual 3.3: Kerangka Pemilihan Sampel	56
Jadual 3.4: Pengiraan Nilai Skor - Skala Likert	57
Jadual 3.5: Bahagian Soal Selidik	58
Jadual 3.6: Data Kebolehpercayaan Ujian Rintis (n=30)	60
Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Etnik	65
Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Agama	66
Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Umur	66
Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	67
Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Bilangan Tanggungan	68
Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	68
Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Pendapatan	69
Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	70
Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Institusi Pengajian	71
Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Pengajian Asas Agama	72
Jadual 4.11: Pengajian Asas Agama Bagi Yang Beragama Islam	72
Jadual 4.12: Taburan Responden Mengikut Kesalahan	73
Jadual 4.13: Taburan Responden Tempoh Menjalani Hukuman	74
Jadual 4.14: Taburan Responden Mengikut Institusi - Pernah Menjalani Hukuman/Ditahan	76
Jadual 4.15: Taburan Mengikut Institusi Penjara Yang Pernah Menjalani Hukuman	76
Jadual 4.16: Taburan Responden Mengikut Ke kerap an Menjalani Hukuman	78
Jadual 4.17: Taburan Responden Yang Pernah Mengikut Pernah Menjalani Rawatan Pemulihan Di Pusat Seranti	79

Jadual 4.18: Taburan Kekeperan Responden Menjalani Rawatan.....	79
Pemulihan Di Pusat Serenti	
Jadual 4.19: Tempoh Ditangkap Semula Selepas Bebas Dari Penjara	80
Jadual 4.20: Taburan Responden Mengikut Pernah Melakukan Kesalahan Tatatertib.....	81
Jadual 4.21: Taburan Responden Mengikut Kesalahan Tatatertib Yang Dilakukan	81
Jadual 4.22: Taburan Responden Mengikut Fasa Program PPI	82
Jadual 4.23: Persepsi Residivis Terhadap Program PPI	85
Jadual 4.24: Hubungan Silang Kekeperan dan Persepsi Residivis Terhadap	86
Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)	
Jadual 4.25: Faktor Diri Residivis.....	101
Jadual 4.26: Jadual Silang Hubungan Kekeperan dan Faktor Diri Residivis.....	103
Jadual 4.27: Faktor Keluarga dan Masyarakat.....	105
Jadual 4.28: Jadual Silang Kekeperan dan Faktor Keluarga & Masyarakat	120
Jadual 4.29: Persepsi Responden Terhadap Faktor Persekitaran Sosial	123
Jadual 4.30: Jadual Silang Kekeperan dan Faktor Persekitaran Sosial	129
Jadual 4.31: Faktor-Faktor Masalah Residivisme.....	130

Senarai Rajah

Rajah 1.1: Carta Organisasi Kementerian Dalam Negeri Jabatan Penjara Malaysia.....	7
Rajah 3.1: Kerangka Teoritikal Penyelidikan	53
Rajah 5.1: Taksiran Residivis	137

Senarai Lampiran

- A Surat Kebenaran dari Jabatan Penjara Malaysia
- B Borang Soal Selidik – Inventori Kecenderungan Tingkah Laku Residivis (IKTR)
- C 1 Temubual dengan Residivis
- C 2 Temubual dengan Kakitangan Penjara Taiping
- D Analisis Kebolehpercayaan Ujian Rintis
- E 1 Lokasi Penyelidikan Penjara Taiping
- E 2 Pelan Lokasi Penyelidikan

Singkatan Perkataan

ASK	Attitude, Skill , Knowledge
APPCA	Asia and Pacifik Confrence of Correctional Administrators
CIDB	Contruction Industry Deverlopment Bord
HL	Hukuman Lama
HS	Hukuman Singkat
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KASIH	Knowledge, Attitude, Skill, Intelligence and Humanity
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
NKRA	National Key Results Areas
ODP	Orang Dalam Penyeliaan
NGO	Non Gerverment Organization
PPI	Pelan Pembangunan Insan
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
RJ 1	Register Jenayah 1
RJ 2	Register Jenayah 2
SMPP	Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah
SPSS	Statistik Package for Social Science
SS	Sangat Setuju
S	Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
TP	Tak Pasti
TS	Tidak Setuju
TMR	Tahanan Mahkamah Rendah
TMS	Tahanan Mahkamah Session
TMT	Tahanan Mahkamah Tinggi
UNSMR	United Nation Standard Minimum Rule

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Penjara merupakan institusi terakhir dalam proses Sistem Keadilan Jenayah. Selain memberi perkhidmatan perlindungan kepada masyarakat dan keselamatan kepada negara, penjara juga berperanan sebagai institusi koreksional untuk membentuk dan memulih tingkah laku banduan agar selaras dengan keperluan norma dan nilai-nilai masyarakat. Menurut Maltz (2001) institusi koreksional mempunyai kaitan dengan tiga matlamat utama kepada kumpulan. Pertama kepada pesalah, kedua kepada masyarakat dan ketiga kepada institusi koreksional itu sendiri. Apabila memperkatakan tentang residivisme dan pengukuran sudah tentu ianya mempunyai perkaitan dengan pelbagai kegagalan, termasuk kegagalan individu, masyarakat dan institusi koreksional dalam penyediaan program pemulihan yang berkesan.

Kini sejarah dan perkembangan penjara telah banyak berubah mengikut peredaran dan keperluan semasa. Penubuhan penjara diperingkat awal sebagai tempat untuk menghukum pesalah yang melanggar undang-undang agar mereka sedar dan insaf. Hukuman merupakan balasan pencegahan di atas kesalahan yang dilakukan. Menurut Zulkifli (2009) fungsi penjara kini bukan lagi sebagai tempat menghukum tetapi lebih kepada tindakan memulih. Masyarakat meletakkan ekpektasi yang amatlah tinggi terhadap penjara. Masyarakat mengharapkan agar banduan yang

menjalani hukuman penjara dapat dipulihkan tingkah laku mereka supaya menjadi insan yang berguna.

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang Jabatan Penjara Malaysia dan struktur pentadbirannya, jenis institusi dan data kemasukkan populasi banduan residivis yang terdapat di Penjara Malaysia dan Penjara Taiping yang dipilih sebagai lokasi kajian. Objektif dan fungsi Bahagian Rawatan dan Pemulihan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan program pemulihan yang terkandung dalam modul Pelan Pembangunan Insan (PPI) terhadap residivis. Program pemulihan yang dirangka berkaitan aspek fizikal, pembentukan diri, pengurusan diri, pembentukan disiplin, kemahiran sosial, pengetahuan kenegaraan dan latihan kemahiran. Seterusnya akan membincangkan tentang permasalahan kajian, persoalan kajian kajian dan objektif kajian. Penyelidikan ini mempunyai lima bab. Bab dua akan membincangkan sorotan kajian yang lalu yang dijalankan oleh penyelidik sains sosial di luar negara dan dalam negara. Bab tiga akan membincangkan metodologi penyelidikan. Bab empat akan membincangkan analisis hasil kajian. Akhir sekali bab lima akan mengemukakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan dalam pelaksanaan program pemulihan di Penjara Malaysia bagi menangani masalah residivisme

1.2 Latar Belakang Penjara Malaysia

Jabatan Penjara Malaysia dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Komisioner Jeneral Penjara dengan mendokong misi

Jabatan Penjara Malaysia bersama kakitangan '*kami melindungi masyarakat dengan menyediakan penahanan yang selamat dan sistem pemulihan yang berkesan*'. Untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran penjara terdapat dua orang Timbalan Ketua Pengarah Penjara. Seorang Bahagian Pengurusan dan seorang Bahagian Keselamatan dan Koreksional. Pusat pentadbiran dan pengurusan Jabatan Penjara Malaysia terletak di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Bukit Wira, Kajang, Selangor Darul Ehsan. Manakala di Sabah dan Serawak terdapat Ibu Pejabat Penjara masing-masing.

Sehingga kini terdapat 29 buah institusi penjara, 3 Sekolah Henry Gurney, 1 Tempat Tahanan Perlindungan bagi tujuan menahan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan 4 Pusat Pemulihan Akhlak bagi menahan tahanan di bawah Perintah Darurat dan Ketenteraman Awam 1969 dan tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Langkah-Langkah Pencegahan Khas-1985 (LLPK)). Di samping itu terdapat 14 Pengarah Parol Negeri di setiap negeri di Malaysia dan terdapat 4 institusi latihan kakitangan pegawai kanan dan pegawai rendah.

Menurut sumber Bahagian Keselamatan Ibu Pejabat Penjara Malaysia, (23 Mac 2009) Jumlah kapasiti penghuni institusi Penjara Malaysia ialah 36,380 orang. Pecahan mengikut insitusi, penjara mempunyai 32,200, Pusat Pemulihan Akhlak 3,180, Sekolah Henry Gurney 650 dan Tempat Tahanan Perlindungan 350. Nisbah kakitangan dengan banduan 1:3. Untuk mewujudkan perkhidmatan yang berkesan, struktur pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia terkini telah diwujudkan. Struktur

Organisasi baru mempunyai 11 bahagian sepertimana yang tercatat dalam Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia dalam Rajah 1.1 seperti berikut;

1. Bahagian Keselamatan dan Inteligen
2. Bahagian Pengurusan Banduan
3. Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti
4. Bahagian Pembangunan dan Perolehan
5. Bahagian Pemindahan Banduan Asing
6. Bahagian Kewangan
7. Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
8. Bahagian Dasar Kepenjaraan
9. Bahagian Teknologi Maklumat
10. Bahagian Pembangunan Profesionalisme
11. Bahagian Perundangan

Tiap-tiap bahagian diketuai oleh Pengarah Bahagian. Ketua Seksyen adalah bertanggungjawab kepada Pengarah Bahagian bagi memastikan semua dasar kepenjaraan di peringkat institusi dilaksanakan selaras dengan prosidur, objektif dan matlamat yang ditetapkan oleh Jabatan dan Kementerian Dalam Negeri. Pusat Pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan dasar ialah Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Bukit Wira, Kajang, Selangor. Ketua insituti bertanggungjawab memastikan semua dasar, arahan, undang-undang dan peraturan di dilaksanakan mengikut prosidur yang ditetapkan. Pelaksanaan dasar dan arahan di peringkat institusi adalah selaras dengan dasar dan arahan Jabatan Penjara Malaysia. Bagi mengatasi masalah kesesakan


beberapa buah penjara baru telah dibina dan telah beroperasi. Penjara-Penjara tersebut seperti Penjara Keluang, Penjara Tapah, Penjara Pokok Sena, Penjara Bentong, Penjara Puncak Borneo Kuching, Penjara Seberang Perai, Penjara Sungai Udang di Melaka, Penjara Perlis dan Pusat Pemulihan Akhlak Machang. Penjara-Penjara lama telah diubahsuai bagi mewujudkan suasana kepenjaraan yang lebih selesa, selaras dengan matlamat keselamatan dan prosidur pemulihan yang ditetapkan dalam *United Nation Standard Minimum Rules of The Treatment of Prisoners. N. York 1984* dan *Akta Penjara 1995*.

Seksyen Pemulihan dan Rawatan terletak di bawah Bahagian Pengurusan Banduan. Antara objektif utama seksyen ini ialah memastikan banduan mengikuti program pemulihan secara berkesan agar kadar residivisme dapat dikurangkan sehingga tidak melebihi 17 peratus. Terdapat tiga fungsi utama bahagian ini iaitu;

1. Pemulihan akhlak penghuni iaitu dengan melaksanakan program pemulihan ke atas banduan bagi memperbaiki fizikal, mental dan akhlak berteraskan nilai-nilai murni masyarakat.
2. Layanan keatas penghuni iaitu memastikan banduan diberi layanan berasaskan nilai kemanusiaan dari segi kesihatan, keperluan asas, perhubungan dengan keluarga dan masyarakat dengan berpandukan garis panduan yang termaktub dalam *United Nation Standard Minimum Rules of The Treatment of Prisoners (UNSMR)*, *Akta Penjara 1995* dan *Peraturan – Peraturan Penjara 2000*.

3. Rawatan kesihatan penghuni iaitu memastikan semua banduan yang memerlukan rawatan kesihatan mendapat rawatan yang sempurna di klinik penjara dan hospital luar.

CARTA ORGANISASI
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENJARA MALAYSIA



Rajah 1.1: Carta Organisasi Kementerian Dalam Negeri Jabatan Penjara Malaysia

Sumber: www.prison.gov.my

Sementara Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti mempunyai dua Seksyen iaitu Seksyen Parol dan Seksyen Perkhidmatan Komuniti. Bahagian ini berfungsi untuk memastikan setiap dasar yang ditetapkan dilaksanakan dengan berkesan. Bahagian Dasar Kepenjaraan mempunyai dua Seksyen iaitu Seksyen Dasar dan *Seksyen Penilaian Residivis*. Antara objektif bahagian ini ialah memastikan perancangan dan penyelidikan dijalankan dengan berkesan dari segi kecekapan dan kesesuaian program. Memastikan setiap dasar pemulihan khususnya mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan. Bahagian ini juga bekerjasama dengan institusi penyelidikan dalam dan luar negara bagi meningkatkan impak program.

1.3 Permasalahan Kajian

Masalah residivisme di Penjara Malaysia mula dikesan pada awal tahun 1980an apabila meningkatnya kemasukan banduan berulang kali yang pernah menjalani hukuman ke penjara terutama banduan yang bersabit dengan kes penagihan dan pengedaran dadah. Fenomena ini memberi impak kepada pengurusan penjara. Masalah residivisme ini telah menimbulkan masalah lain seperti kesesakan, peningkatan kos pengurusan, masalah pelaksanaan program pemulihan, pengurusan keselamatan, penahanan dan layanan serta rawatan kesihatan kepada banduan.

Bagi mengatasi masalah ini, proses pemulihan banduan yang berkaitan dengan sistem peringkat banduan telah di pinda dalam Peraturan-Peraturan Penjara 1953, Perkara 37(2) yang berkaitan dengan ‘rancangan upah kerja’. Pindaan tersebut bertujuan untuk memberi keinsafan dan kesedaran yang lebih mendalam kepada

banduan. Maka pada 20 Februari 1984 dalam Pengwartaan Kerajaan P.U. (A) 77. KDN.S.32/27 : PN (PU) 163 syarat-syarat naik peringkat banduan ini telah dipinda.

Untuk memastikan sistem pengurusan kepenjaraan dilaksanakan dengan lebih berkesan maka Akta Penjara 1995 dan Peraturan-Peraturan Penjara 2000 telah diwujudkan bagi menggantikan Undang-Undang Penjara 1952 dan Peraturan Penjara 1953. Dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000, P.U.(A) 325: 2349–Bahagian 4-Pengkategorian Banduan, Perkara 34(1), (e) yang digunakan pada hari ini menyatakan;

'Kategori pengulang laku jenayah, yang hendaklah dibezakan daripada banduan yang dengan memakai nombor penjara warna hitam di kiri kemeja mereka'...

Masalah residivisme ini terus menjadi agenda perbincangan dalam persidangan *Asia and Pacific Confrence of Correctional Administrators (APCCA)* ke 19 di Shanghai (1999). Persidangan tersebut merumuskan bahawa masalah residivisme tidak hanya menjadi tanggungjawab pentadbir penjara semata mata tetapi juga menjadi tanggungjawab pihak-pihak lain. Sistem koreksional yang dipraktiskan sekarang mesti mampu berusaha mengurangkan masalah tersebut. Masalah residivisme ini terus menjadi agenda dalam persidangan yang sama pada tahun 2004.

Didapati masalah kemasukkan semula banduan residivis ke penjara setelah mengikuti Program Pembangunan Insan (PPI) juga meningkat. Masalah ini memberi implikasi kepada pelaksanaan program pemulihan di penjara. Jadual 1.1 dan 1.2

menerangkan kemasukkan semula residivis ke Penjara Taiping selepas bebas dari tahun 2009 dan 2010. Kebanyakan residivis yang bebas hanya mampu mengikuti program PPI fasa 1 dan 2 sahaja. Pada tahun 2009 jumlah kemasukkan semula ialah 372 banduan residivis. Residivis yang mengikuti PPI fasa 1 sebanyak 13.7 peratus, fasa 2 sebanyak 43 peratus, fasa 3 sebanyak 43.3 peratus dan tiada residivis yang mengikuti program hingga ke fasa 4. Bagi tahun 2010 pula kemasukkan semula residivis ke penjara berjumlah 520. Residivis yang mengikuti fasa 1 sebanyak 14.6 peratus, fasa 2 sebanyak 48.8 peratus, fasa 3 sebanyak 36.2 peratus dan hanya 0.03 peratus mengikuti program PPI ke fasa 4. Ini membuktikan peratusan besar residivis tidak dapat melengkapkan fasa pemulihan yang dirancang kerana tempoh hukuman yang berbeza.

Jadual 1.1: Kemasukkan Semula Residivis Selepas Mengikuti Program PPI Ke Penjara Taiping Bagi Tahun 2009 & 2010

Kemasukkan Semula Residivis Selepas Mengikuti Fasa PPI	Tahun			
	2009	Peratus	2010	Peratus
Fasa 1	51	13.7	76	14.7
Fasa 2	160	43.0	254	48.8
Fasa 3	161	43.3	188	36.2
Fasa 4	0	0	2	0.03
JUMLAH	372	100	520	100

Sumber: Bahagian Rawatan dan Pemulihan Penjara Taiping, Perak

Jadual 1.2: Kemasukkan Semula Residivis Ke Penjara Taiping Selepas Bebas Bagi Tahun 2009 & 2010

Tempoh Kemasukan Semula Residivis Penjara Selepas Bebas	Tahun			
	2009	Peratus	2010	Peratus
< 6 bulan	47	12.6	94	18.2
6 – 12 bulan	120	32.3	133	25.5
> 12 bulan	205	55.1	293	56.3
JUMLAH	372	100	520	100

Sumber: Bahagian Rawatan dan Pemulihan, Penjara Taiping

Implikasi masalah ini juga menyebabkan kemasukkan semula residivis mengikut tempoh pembebasan dari penjara juga meningkat. Pada tahun 2009 jumlah kemasukkan semula residivis 372 orang. Kemasukkan semula bagi tempoh kurang 6 bulan sebanyak 47 (12.6%), 6 bulan hingga 12 bulan sebanyak 120 (32.3%) dan melebihi 12 bulan sebanyak 205 (55.1%). Manakala bagi tahun 2010 jumlah kemasukkan semula residivis ke penjara berjumlah 520 orang. Kemasukkan semula bagi tempoh kurang 6 bulan sebanyak 94 (18.2%), 6 bulan hingga 12 bulan sebanyak 133 (25.5%) dan melebihi 12 bulan sebanyak 293 (56.3%).

Maka berdasarkan data yang dinyatakan di atas membuktikan pelaksanaan program PPI di Penjara Taiping khususnya kurang berkesan. Kemasukkan semula banduan ke penjara dalam tempoh 3 tahun selepas pembebasan terakhir yang menjadi pengukuran agak tinggi. Keadaan ini jelas memberi impak terhadap program

pemulihan. Maka kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk mengenal pasti mengapa permasalahan ini berlaku.

Seterusnya, masalah residivisme ini juga telah menyebabkan masalah kesesakan banduan, peningkatan kos pengurusan, pengurusan keselamatan dan layanan terhadap banduan di penjara. Hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (2004) diketuai oleh Bahaman Abu Samah '*Keberkesanan Program Pemulihan Jabatan Penjara Malaysia Dalam Menangani Residivisme*' yang mana masalah residivisme menjadi faktor utama yang menyebabkan kesesakan di penjara. Apakah pelaksanaan program pemulihan kurang berkesan atau disebabkan faktor-faktor yang lain. Dapatan kajian mengenalpasti masalah residivisme adalah antara sebab berlaku kesesakan banduan di penjara.

Penjara Malaysia yang mempunyai kapasiti sebanyak 32,200 (23.3.2009) terpaksa memuatkan 36,037 orang banduan lebih 3,837 bersamaan 12 peratus. Manakala bagi insituti-institusi seperti Penjara Wanita Kajang yang mempunyai kapasiti 800 orang terpaksa menampung 1379 banduanita (28.2.2010) melebihi 42 peratus. Penjara Kajang yang mempunyai kapasiti 3500 banduan terpaksa mengisi 3894 banduan iaitu melebihi 10 peratus dan bagi Penjara Kota Kinabalu yang mempunyai kapasiti 700 banduan terpaksa mengisi 1093 banduan iaitu melebihi 26 peratus. Perangkaan ini menunjukkan kesesakan di penjara terus berlaku.

Kajian ini juga penting bagi menentukan adakah pelaksanaan program pemulihan khususnya Pelan Pembangunan Insan (PPI) melalui ‘*track*’ yang betul sepertimana yang ditetapkan dalam Kerangka Pelan Strategik Jabatan Penjara Malaysia. Penyelidikan ini amat penting bagi menentukan pencapaian visi jabatan untuk menjadi sebuah organisasi koreksional bertaraf dunia menjelang 2020. Dapatan kajian boleh dijadikan sebagai panduan dalam proses pembentukan dan pembangunan akhlak, sahsiah, pengetahuan, emosi, kerohanian bagi banduan yang menjalani hukuman penjara.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak (Berita Harian 13.7.09) untuk menangani masalah peningkatan kadar jenayah dan memberi perlindungan keselamatan rakyat maka suatu kajian perlu dijalankan. Kementerian Dalam Negeri telah mengarahkan agar Jabatan Penjara mengambil tindakan perlu bagi mengurangkan jumlah banduan masuk berulang kali ke penjara. Arahan ini merupakan suatu dasar kementerian yang perlu diambil tindakan segera.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein dalam ucapannya di Majlis Perasmian Penjara Pokok Sena, Kedah (Utusan Malaysia: 14 Jun 2010:3) menegaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri mahu mengurangkan jumlah banduan masuk berulang kali ke penjara tidak melebihi 17 peratus daripada kemasukan tahunan. Ketika ini jumlah kemasukkan hanya 16.8 peratus daripada keseluruhan 78,360 banduan sabitan berbanding dengan negara lain lebih tinggi termasuk United Kingdom 59 peratus, Kanada 44 peratus, New Zealand 42 peratus

dan Australia 34.1 peratus. Masalah kemasukkan banduan berulang kali ini perlu diturunkan dengan pelbagai pendekatan holistik yang perlu diambil oleh Jabatan Penjara. Beliau mahu banduan yang dibebaskan perlu benar-benar pulih, insaf, berkemahiran, berdikari dan tidak mengulangi kesalahan. Beliau juga menyatakan dengan pertambahan bilangan banduan yang disabitkan menyebabkan kesesakan dalam penjara dan memberi kesan terhadap program pemulihan yang menyebabkan banduan sering terperangkap dalam '*vicious circle*' dan kembali melakukan jenayah dan menghuni semula penjara.

Bagi menangani masalah ini langkah pengasingan telah pun dilakukan oleh semua institusi penjara bagi mengasingkan banduan residivis daripada bukan residivis melalui surat arahan Pengarah Pemulihan yang dikeluarkan (JP/PML/Am/24 (21) pada 22 Mac 2010).

Merujuk Statistik Kemasukan Pesalah Residivis pada bulan Oktober 2009 daripada Bahagian Pemulihan sesetengah penjara menghadapi masalah residivisme yang agak tinggi seperti Penjara Pulau Pinang 45.77 peratus, Penjara Taiping 35.2 peratus, Penjara Kajang 22.77 peratus dan Penjara Penor 38.3 peratus.

Jadual 1.3: Kemasukkan Banduan Residivis di Penjara Taiping Tahun 2005 – 2010

Tahun	Pertama kali	Residivis	Peratus	Jumlah
				Kemasukan
2005	1818	825	31.2	2643
2006	1709	867	33.7	2576
2007	1758	1014	36.6	2772
2008	1604	876	35.3	2479
2009	924	372	20.7	1793
2010	1286	520	28.8	1806

Sumber: Unit Pengurusan Sistem Maklumat Pesalah-Pesalah dan Bahagian Pemulihan Penjara Taiping

Jadual 1.4: Kadar Residivisme di Penjara Malaysia dari Tahun 2000 – 2009

Tahun	Kali Pertama Masuk		Berulang kali		Jumlah Populasi
	Penjara		(Residivis)		
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	
2000	27,579	71.2	11,157	28.8	38,736
2001	29,253	70.5	12,215	29.5	41,468
2002	32,574	66.1	16,669	33.9	49,243
2003	49,757	75.8	15,878	24.2	65,635
2004	46,564	70.8	19,202	29.2	65,766
2005	41,477	67.62	19,857	32.38	61,334
2006	55,869	76.9	16,746	23.1	72,615
2007	62,966	76.9	18,918	23.1	81,884
2008	79,144	90.7	8,019	9.3	87,163
2009	56,503	70.7	23,375	29.3	79,878

Sumber : Laporan Statistik Kemasukan Unit Sistem Maklumat - IPPM Tahun 2000 m.s. 7, dan Laporan Tahunan JPM 2001 – 2009

Oleh yang demikian, maka suatu kajian perlu dijalankan yang mana dapatan kajian dijangka dapat digunakan sebagai panduan utama dalam semakan modul rawatan dan pemulihan yang lebih praktikal dan dinamik. Selain itu perancangan sumber tenaga dengan memberi penekanan kepada isu-isu yang berkaitan dengan pemulihan, harga diri, psikopendidikan kepada ibubapa, komuniti dan implimentasi kumpulan sokong bantu dalam mengekalkan kepulihan. Dapatan kajian juga berpotensi untuk dijadikan asas dan panduan dalam merangka pelan strategik rawatan dan pemulihan dengan memberi penekanan kepada aspek demografi yang dikaji.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang telah dikenalpasti dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah persepsi residivis terhadap program Pelan Pembangunan Insan (PPI)?
- 1.4.2 Adakah faktor jati diri residivis mempengaruhi masalah residivisme?
- 1.4.3 Adakah faktor keluarga dan masyarakat mempengaruhi masalah residivisme?
- 1.4.4 Adakah faktor persekitaran sosial mempengaruhi masalah residivisme?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah residivisme di Penjara Malaysia, khususnya

Penjara Taiping. Kajian ini dijalankan kerana masalah residivisme boleh memberi impak kepada beberapa masalah lain seperti masalah kesesakan banduan di penjara, keberkesanan pelaksanaan program pemulihan, pengurusan keselamatan, pengurusan penahanan dan layanan, pengurusan rawatan kesihatan dan peningkatan kos pengurusan.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Mengenalpasti persepsi residivis terhadap pelaksanaan program Pelan Pembangunan Insan (PPI).
- 1.5.2 Mengenalpasti faktor jati diri residivis yang mempengaruhi masalah residivisme.
- 1.5.3 Mengenalpasti faktor keluarga dan masyarakat yang mempengaruhi masalah residivisme.
- 1.5.4 Mengenalpasti faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi masalah residivisme.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini penting bagi membantu pembuat dasar, pelaksanaan dasar, institusi dan organisasi, informasi akademia, ibubapa dan orang ramai memahami seterusnya menyumbang kepada pelaksanaan program rawatan dan pemulihan yang lebih konkrit kepada Penjara Malaysia. Kajian ini akan memberi gambaran yang lebih

jelas tentang kualiti rawatan dan pemulihan serta faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya residivisme.

Dapatan kajian akan dapat memberi penambahbaikan pelaksanaan program pemulihan melalui pendekatan yang lebih dinamik bersesuaian dengan keperluan semasa. Ini selaras dengan perkhidmatan teras jabatan “*menahan dengan selamat dan memulih*“. Langkah ini adalah sejajar dengan tanggungjawab dan dasar Bahagian Pemulihan untuk menyediakan program berteraskan pembentukan sikap positif, memberi kemahiran untuk berdikari dan memberi pengetahuan hidup bermasyarakat dengan moto ‘KASIH’ (*Knowledge, Attitude, Skill, Intelligence and Humanity*) (2007).

1.7 Limitasi Kajian

Limitasi yang dihadapi dalam kajian ini antaranya terdapat responden tidak ingat fakta kes. Ini termasuk tahun mereka menjalani hukuman dan melakukan kesalahan yang pada masa lalu. Responden juga pernah menjalani hukuman di Penjara-Penjara lain di Malaysia, pernah menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti dan Pusat Pemulihan Akhlak. Oleh itu untuk memudahkan pengurusan penyelidikan, mengelak kesilapan semasa mengisi borang soal selidik item-item penyelidikan maka penerangan dan bimbing telah diberikan kepada responden secara kumpulan di blok penempatan. Semakan rekod peribadi responden telah dijalankan untuk mengetahui fakta kes yang sebenar. Secara umumnya, proses penyelidikan dapat dijalankan dengan lancar dan mendapat kerjasama daripada semua pihak.

1.8 Rumusan

Oleh itu perbincangan di atas memberi gambaran tentang senario masalah residivisme di Penjara Malaysia, khususnya di Penjara Taiping. Senario residivisme ini memberi gambaran peri pentingnya penyelidikan ini dijalankan bagi menangani masalah tersebut. Melalui penyelidikan ini penyelidik dapat mengetahui persepsi atau pandangan residivis sendiri terhadap kekuatan dan kelemahan pelaksanaan program pemulihan khususnya program Pelan Pembangunan Insan. Selanjutnya dapat mengenal pasti adakah faktor diri residivis, keluarga, masyarakat dan persekitaran sosial yang mempengaruhi berlakunya masalah residivisme di penjara. Penemuan penyelidikan ini boleh dijadikan panduan penyelidikan di masa akan datang dan juga dapat memberi penambahbaikan dalam pelaksanaan program pemulihan banduan di penjara amnya.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan sorotan karya berkenaan dengan hasil kajian residivisme yang telah dijalankan oleh penyelidik di luar negara dan dalam negara. Hasil kajian pelbagai faktor ditemui yang saling mempengaruhi menyebabkan berlakunya masalah ini. Ini termasuk masalah sosiekonomi, persekitaran sosial, masalah pengukuran residivisme, penyeliaan, masalah psikososial dan personaliti. Melalui kajian yang lalu pelbagai cadangan dikemukakan oleh penyelidik bagi menangani masalah ini.

2.2 Kajian Luar Nagara

Hasil kajian yang dijalankan berkaitan dengan tafsiran masyarakat terhadap sesuatu kesalahan dan mengaitkannya dengan residivisme (Christiansen,1969). Manakala masalah stigmatisasi dan penolakan sosial adalah merupakan masalah utama yang dihadapi oleh bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara (Box 1971). Sementara mensosialisasikan semula penjenayah mengikut landasan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh masyarakat adalah merupakan masalah bagi institusi penjara dalam melaksanakan polisi pemulihan yang ditetapkan. Krisis identiti terus dihadapi oleh banduan yang tidak memandang masa depan secara positif. Apatah lagi apabila berhadapan dengan audian iaitu komuniti yang mempunyai sistem nilai dan norma yang tersendiri. Oleh yang demikian, kebanyakan ahli teori pelabelan

beranggapan bahawa penolakan sosial dan stigmatisasi menjadi penghalang utama yang dihadapi oleh bekas banduan.

Keputusan mahkamah yang menjatuhkan hukuman terhadap pesalah tidak sahaja diinstitusikan atau dipenjarakan tetapi dilabel dengan identiti negatif. Pesalah atau residivis menghadapi kebimbangan dalam masyarakat (Erickson, 1954).

Kajian yang dijalankan oleh Shaw dan Mckay (1969) merumuskan bahawa remaja yang tinggal dikawasan jenayah yang tinggi, kebanyakannya menjadi residivis dan kebanyakan residivis ini didakwa semula di mahkamah. Dapatan kajian mendapati dalam masyarakat yang kucar kacir menunjukkan kadar jenayah adalah tinggi. Pengaruh dari penjenayah adalah kuat dan residivisme merupakan masalah yang kompleks.

Sementara menurut Glueck dan Sheldon (1978) menyatakan penglibatan seseorang dengan jenayah dipengaruhi oleh tahap usia dalam hidupnya. Manakala Thomson pula melaporkan 1380 residivis yang dirawat di Court of General Session pada tahun 1935 sebanyak 8.8 peratus menunjukkan gejala rencat mental.

Dari perspektif psikologi sosial Sutherland dan Cressey (1978) menerangkan bahawa residivisme terbentuk daripada '*simple habit formation*' yang mana perlakuan jenayah yang berterusan akan menjadi suatu kebiasaan. Penagih dadah dan alkohol sering mengulangi tabiat ini. Seseorang yang tinggal di kawasan jenayah yang

rendah kurang terlibat kembali dengan jenayah selepas menerima rawatan di institusi pemulihan. Pengasingan atau kejahilan undang-undang yang ditetapkan boleh menyebabkan seseorang itu melakukan jenayah berulang. Oleh itu residivisme dari perspektif psikologi sosial menggambarkan psikologikal mekanisme dan keadaan sosial yang tidak selamat, kurang pengetahuan undang-undang boleh menyebabkan seseorang itu berulang kali melakukan jenayah.

Glaser (1966) dalam kajiannya mendapati dua pertiga daripada banduan yang dibebaskan dari penjara menjadi residivis. Menurut beliau kaedah terbaik mengkaji pengukuran masalah residivisme ialah melalui *cohort* pesalah yang dibebaskan dari penjara bagi tempoh tertentu.

Sementara itu menurut Wolfgang (1972) dalam mengkaji masalah pesalah juvana mendapati 46 peratus remaja berhenti melakukan jenayah bagi kesalahan pertama, 35 peratus melakukan kurang daripada tiga kali kesalahan, selebihnya mereka yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan jenayah yang kronik yang terdiri remaja kulit hitam yang mempunyai latar belakang taraf sosioekonomi yang rendah. Ini menunjukkan perlakuan jenayah berulang kali adalah tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh England (1965) dalam mengkaji 500 pesalah mendapati 17.7 peratus sampel yang dikaji terlibat dengan kesalahan jenayah yang lain selepas bebas dari penyeliaan (*probation*). Beliau mendapati 27.6 peratus terlibat dengan kesalahan jenayah dalam tempoh satu tahun pertama terdiri daripada belia bandar

yang melanggar undang-undang, mempunyai masalah sosioekonomi dan masalah personel.

Kajian yang dijalankan oleh Watts dan Wright (1990) yang melihat perkaitan antara penagihan dadah dan perlakuan jenayah remaja Mexican-Amerikan berlaku berpunca daripada kurangnya kawalan ibu bapa. Kajian memilih 165 remaja dari *Texas Youth Commission (TYC)* sebagai sampel. Perlakuan jenayah berlaku disebabkan faktor keluarga, rakan sebaya dan faktor sosioekonomi. Remaja daripada keluarga kelas pertengahan lebih cenderung terlibat dengan aktiviti keganasan sosial dan jenayah. Rata-rata mereka yang bermasalah seperti dinyatakan di atas sebahagian besar mereka terlibat dengan najis dadah. Rangsangan dari keinginan hendak menghisap dadah dan mendapatkan bekalan dadah inilah yang mendorong individu itu melakukan jenayah curi, samun, ragut, pecah rumah dan sebagainya. Kesan dari pengambilan najis dadah inilah juga yang menjadikan individu itu mengalami kemurungan seterusnya melakukan jenayah.

Selanjutnya kajian oleh Gendreau dan Goggin (1999) '*The effects of Prison Sentences on Recidivism*' melihat hukuman penjara dan residivisme bertujuan untuk menentukan samaada tempoh lama masa dalam penjara dan residivisme. Kajian mendapati tempoh menjalani hukuman penjara dengan menerima '*sanction*' iaitu hukuman daripada komuniti (*community-based sanction*) mempunyai hubungan dan perkaitan. Mereka mendapati kedua elemen iaitu hukuman penjara dan residivisme mempunyai perkaitan. Tempoh menjalani hukuman penjara dengan menerima sanksi

(*sanction*) daripada komuniti memberi sedikit kesan terhadap meningkatnya residivisme. Pesalah berisiko rendah didapati lebih memberi kesan negatif pengalaman kepenjaraan. Ini bermakna pesalah yang kerap menjalani hukuman singkat lebih banyak mempelajari perlakuan jenayah.

Menurut laporan kajian '*Current Strategies for Reducing Recidivism*', dari Center for Impac Research, (CIR) Chicago, United State, oleh McKean dan Charles Ransford (2004) melaporkan kadar residivisme adalah kesan balas daripada banduan yang dibebaskan dari penjara dan kesan pelaksanaan program koreksional yang dijalankan untuk mengintegrasikan semula banduan dalam masyarakat. Di United State dianggarkan dua pertiga daripada banduan yang dibebaskan menjalani semula hukuman penjara dalam tempoh 3 tahun selepas dibebaskan. Oleh itu untuk mengurangkan kadar residivisme secara efektif, CIR merumuskan tiga komponen program dalam penjara dan *aftercare* program dalam komuniti perlu dilaksanakan. Program tersebut ialah;

- i. Rawatan terhadap penyalahgunaan bahan kimia, dadah dan pesakit mental.
- ii. Memberi pendidikan dan latihan kemahiran.
- iii. Menyediakan perkhidmatan pekerjaan kepada bekas banduan yang dibebaskan.

Kajian Petersilia (1985) terhadap 16,000 pesalah yang terlibat dengan jenayah serius dalam tahun 1980 di California, 1600 yang terlibat dengan penyeliaan. Hasil kajian

mendapati 51 peratus terlibat semula dengan jenayah dan 34 peratus menjalani semula hukuman penjara. Residivis yang mengulangi perlakuan jenayah ini terlibat dengan jenayah harta benda seperti mencuri, merompak dan ragut.

Disamping itu, Jones (2006) telah menjalankan kajian terhadap parole. Kajian berbentuk penerokaan ini telah dijalankan terhadap 2,793 pesalah di New South Wales yang bebas dari penyeliaan sistem parol dalam tahun 2001–2002. Kesalahan berulang ini ditentukan melalui kemunculan semula pesalah di mahkamah, disabitkan dengan kesalahan baru dan dipenjarakan semula. Hasil kajian terhadap parole ini mendapati residivisme dalam kalangan parole meningkat:

- i. 68 peratus Parole muncul semula di mahkamah dalam tempoh 2 tahun.
- ii. 64 peratus disabitkan semula dengan kesalahan
- iii. 41peratus di penjarakan.

Hasil kajian ini menunjukkan residivisme dalam kalangan parole iaitu pesalah yang menjalankan perintah penyeliaan, didakwa di mahkamah, disabitkan dengan kesalahan dan menjalani hukuman penjara peratusannya agak tinggi.

Hasil penyelidikan komprehensif secara berbanding yang dijalankan terhadap 190,000 juvana tentang masalah residivisme di Pennsylvania oleh David E. Kalist dan Lee (2009; 9) dalam tajuk '*Measuring and Analyzing Juvenile Recidivism in Rural and Urban Pennsylvania* ' dari tahun 1997 – 2005 didapati kadar residivisme

di luar bandar agak rendah berbanding dengan kawasan membangun (*urban*). Di kawasan luar bandar 16 peratus dan bandar 20 peratus. Hasil penyelidikan juga mendapati 3 peratus hingga 30 peratus juvena tinggal dengan ibu tunggal, penglibatan dengan jenayah pada masa lepas dan taraf sosioekonomi yang rendah serta pendapatan perkapita yang rendah antara punca menyebabkan residivisme. Laporan dan kajian seumpama ini penting bagi menentukan program intervensi yang sesuai untuk javana bagi menangani masalah jenayah berulang atau residivisme.

Hasil laporan yang dikeluarkan oleh ‘Correctional Association of New York (2009) bertajuk “*Education from the Inside, Out*” oleh Sanusi, Daa’ya L. - *post-secondary correctional education*’ menyatakan kadar residivisme dapat dikurangkan dengan memberi hak-hak asasi banduan dan seterusnya dapat meningkatkan pengurusan penjara. Laporan menyarankan melalui pendekatan pembelajaran dan pendidikan kepada banduan masalah residivisme dapat dikurangkan.

Satu kajian yang dilakukan oleh Solicitor General Canada bertajuk ‘*The Effects of Prison Sentences on Recidivism*’ yang mengkaji kolerasi antara tempoh hukuman dan residivisme. Kajian mendapati bahawa kadar residivisme lebih tinggi bagi banduan yang menjalani tempoh hukuman pendek berbanding dengan banduan yang menjalani tempoh hukuman yang lama.

Kajian yang dijalankan oleh Chen (2005) ‘*The Transition from Juvenile to Adult Criminal Careers*’ di New South Wales, Australia. Data dikumpul dari Mahkamah

Kanak-Kanak dan Mahkamah Megistret. Sebanyak 5,476 juvana sebagai sampel yang berumur antara 10 dan 18 tahun. Laporan daripada hasil kajian menunjukkan:

- i) Majoriti 68 peratus juvana muncul semula di mahkamah.
- ii) Sebanyak 43 peratus muncul semula sekurang-kurangnya sekali di Mahkamah Kanak-Kanak (*Children Court*).
- iii) Sebanyak 57 peratus muncul semula sekali di Mahkamah Majistret (*Magistret Court*) sebagai penjenayah dewasa.
- iv) Sebanyak 13 peratus ditahan sebagai pesalah dewasa.

Menurut Reisig, Bales, Hay dan Wang (2007) di Amerika Syarikat, residivisme agak tinggi. Menurut laporan dalam tempoh 3 tahun selepas bebas dari penjara lebih 60 peratus bekas penghuni ditangkap kembali, lebih kurang 50 peratus terlibat dengan kegiatan jenayah yang baru, 25 peratus kembali menjalani hukuman penjara.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Lailly, Cullen dan Ball (2007), kadar residivisme yang tinggi berlaku kerana pegawai koreksional tidak memberi perhatian dan keutamaan terhadap masalah pesalah yang kembali semula kepada masyarakat. Mereka sering menghadapi cabaran, tekanan dan pengasingan. Penyelidik-penyelidik juga mempertikaikan bahawa data mengenai residivisme yang signifikan juga sukar diperolehi.

Kajian yang dijalankan oleh Payne (2009) dari Australian Institute of Criminology (AIC) hampir 60 peratus banduan yang ditahan pernah dipenjarakan. Hasil kajian

residivisme berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya kerana taraf pendidikan yang rendah, tiada pekerjaan yang tetap, masalah mental dan keadaan kesihatan yang kurang baik. Kajian yang dijalankan oleh AIC berkaitan dengan masalah ini mendapati 32 peratus peserta yang tidak menyertai program pemulihan masuk balik ke penjara memberi pendidikan dan 23 peratus peserta yang menyertai program tidak masuk balik ke penjara. Ini bermakna pendidikan dan latihan vokasional yang diterima dapat menangani masalah residivisme.

2.3 Kajian Dalam Negara

Hasil kajian Keberkesanan Program Pemulihan Dadah di Penjara Khas Seremban Fasa III /1996 yang bermula dari tahun 1993 berakhir 1995 yang dijalankan oleh Penjara Khas Seremban dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, UPM merumuskan bahawa 37.5 peratus responden yang dapat dikesan didapati menagih semula. Kajian melibatkan 50 banduan yang berulang kali dihukum penjara. Kajian ini menyimpulkan bahawa program pemulihan di penjara tersebut tidak begitu berjaya kerana bilangan responden sedikit dan gagal dikesan.

Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Ezani Yaakub, Mohd Takiyuddin dan Kamariah Yusoff (2005) menyatakan individu yang tidak mendapat didikan agama yang baik banyak melakukan jenayah. Ini membuktikan bahawa pendidikan agama menjadi benteng utama kepada perlakuan jenayah. Banduan yang mempunyai pendidikan agama yang minima kerap mengulangi kesalahan jenayah terutama

banduan yang terlibat dengan kes najis dadah. Pendidikan agama amat mempengaruhi perlakuan jenayah.

Bahagian Rawatan dan Pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia (2008) telah menjalankan satu kajian di beberapa buah institusi penjara utama dengan menggunakan sampel kajian yang terdiri daripada banduan dan banduanita. Kajian yang menggunakan kaedah temubual dan soal selidik ini telah berjaya memberikan input baru kepada pihak penjara yang mana ianya boleh dijadikan *indicator* baru kepada berlakunya residivis di negara ini. Hasil kajian, menerangkan berlakunya masalah residivisme disebabkan faktor konflik dalaman dan konflik sosial.

Dalam konflik dalaman, faktor yang menyumbang peratusan tertinggi ialah hilang keyakinan diri 19 peratus, diikuti rasa rendah diri dan gangguan emosi masing-masing 15 peratus dan tekanan perasaan 11 peratus. Manakala faktor-faktor kurangnya didikan agama, kemurungan (*depression*), tiada ilmu kemahiran hidup dan akibat dorongan perasaan dendam dan cemburu, masing-masing 10 peratus, menyumbang terhadap berlakunya masalah residivisme.

Dalam konflik sosial pula, 18 peratus adalah akibat faktor pengaruh rakan sebaya, 17 peratus pengaruh setempat, 15 peratus faktor-faktor penolakan keluarga, 12 peratus akibat sukar mendapatkan pekerjaan. Ini diikuti pula faktor tiadanya sokongan dari komuniti terdekat 10 peratus dan tahap pendidikan yang rendah 10 peratus dan sebab putus cinta 3 peratus. Peratusan besar residivis adalah mereka yang terlibat dengan

jenayah harta benda dan penagihan dadah. Rangsangan dari keinginan hendak mendapatkan bekalan dadah boleh mendorong individu itu melakukan jenayah curi, samun, ragut, pecah rumah dan sebagainya. Kesan dari pengambilan najis dadah inilah juga yang menjadikan individu itu mengalami kemurungan seterusnya melakukan jenayah. Oleh itu kesan pengambilan najis dadah boleh menyebabkan masalah residivisme dan menyumbang peratusan yang agak tinggi.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Afezan (2011) daripada Universiti Teknologi Malaysia, terhadap 50 orang responden Islam, bertajuk '*Persepsi Banduan Terhadap Program Pembangunan Sahsiah di Penjara*' yang bertujuan untuk mengenalpasti pandangan banduan terhadap pembangunan sahsiah dan faktor penerimaan program tersebut. Hasil kajian mendapati persepsi banduan terhadap program pembangunan sahsiah di penjara adalah baik dan perlu dipertingkatkan lagi terutama dalam aspek kerohanian.

Kajian kes yang dijalankan oleh Mohd Zawawi (2008) kearah penambahbaikan program pemulihan penghuni, 5 buah institusi Penjara Serawak, terhadap 38 orang penghuni melaporkan bahawa punca berlakunya masalah residivisme ialah 18.4 peratus kerana dadah, 23.7 peratus tiada pekerjaan, 23.7 peratus tidak diterima keluarga, 10.5 peratus stigma masyarakat dan 9.23 peratus kerana pengaruh kawan. Oleh itu bagi menangani masalah residivisme mencadangkan supaya memantapkan program terapeutik komuniti yang sedia ada, menyediakan program pemulihan yang berasingan untuk kes dadah, menerapkan modul kemahiran kepada penghuni agar

boleh mendapat pekerjaan apabila bebas, merapatkan hubungan kekeluargaan, meningkatkan hebahan kepada masyarakat berhubung peranan penjara dalam konteks pemulihan, perkongsian dan kerjasama dengan Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela (NGO) dan menubuhkan rumah perantaraan (*'half way house'*). Seterusnya memperkukuhkan jati diri residivis melalui modul pemulihan yang bersesuaian.

Menurut kajian Hamzani (2010) di Penjara Marang, Terengganu, dapatan kajian menunjukkan faktor relaps kes penagihan dadah 60 peratus, kurang keyakinan diri 20 peratus, tidak diterima oleh masyarakat 10 peratus, pengaruh rakan-rakan 5 peratus dan tidak mendapat perhatian keluarga dan masyarakat 5 peratus. Hasil kajian ini membuktikan bahawa banduan yang terlibat dengan kes dadah, menagih semula dan menjalani hukuman penjara menjadi penyebab utama berlakunya masalah residivisme.

Menurut laporan penyelidikan yang di jalankan oleh Fauziah, Bahaman, Mansor dan Mohamad (2008) bertajuk '*Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN Di Semenanjung Malaysia*'. Terdapat tiga faktor utama yang mempunyai kecenderungan relaps. Pertama kerana kurang keyakinan diri. Kedua kerana kurang intraksi dan sokongan keluarga dan ketiga kerana kurang sokongan daripada masyarakat sekeliling. Hasil kajian ke atas 400 responden penagih dadah di lapan buah PUSPEN. Tiga faktor utama inilah yang menyebabkan berlakunya relaps atau penagihan berulang selepas penghuni bebas dari Pusat Seranti. Hasil kajian menunjukkan 58 peratus responden mempunyai keyakinan diri

yang lemah, cepat putus asa dan sering mengelak untuk menghadapi cabaran baru. Sebanyak 63 peratus menyatakan mereka tidak diterima baik oleh masyarakat sekeliling dan 57 peratus tidak mempunyai intraksi dan komunikasi yang baik dengan keluarga. Faktor-faktor yang dinyatakan ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah yang dihadapi oleh bekas banduan yang dibebaskan dari penjara yang tidak diterima baik oleh masyarakat sekeliling yang menyebabkan masalah residivisme, terutama residivis yang bersabit dengan kes dadah

Menurut Noor Azniza Ishak (2010) hasil penyelidikan yang dijalankan bahawa untuk mengurangi masalah residivisme dan memaksimumkan koreksional atau pemulihan, terdapat tiga faktor utama yang perlu diberi perhatian iaitu penyediaan pekerjaan, sokongan keluarga dan penempatan. Jelas bahawa faktor-faktor tersebut menjadi penyebab utama masalah residivisme yang mana keperluan asas mereka gagal dipenuhi. Budaya tidak mahu menerima bekas banduan sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat, dendam dan 'padan muka' perlu dikikis dan digantikan dengan budaya memberi peluang dan bantuan.

Hasil kajian Foong Kin dan Navaratnam (1987) mendapati penagih dadah yang dipenjarakan serta penagih dadah yang ditahan polis, antara tahun 1985 hingga 1986, terlibat dalam penagihan dadah disebabkan pengaruh rakan sebaya dan untuk mencari keseronokan.

Kajian Navaratnam, Foong Kin dan Kulalmoli (1992) menunjukkan bekas penagih menagih semula disebabkan rakan sebaya dan perasaan ingin tahu mempunyai hubungan dengan penagih dadah. Penagih mempunyai harga diri yang negatif.

2.4 Rumusan

Kesimpulannya mendapati hasil kajian di luar negara dan dalam negara tentang masalah residivisme ini terus menjadi persoalan penyelidikan dalam bidang sains sosial terutama dalam masalah pengukuran residivisme. Hasil penyelidikan yang dijalankan di luar negara dan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah tersebut dapat dijadikan panduan dan menggambarkan permasalahan yang berlaku dalam kajian ini. Pihak penguatkuasaan undang-undang dan institusi koreksional menghadapi masalah ini dalam situasi yang universal. Penemuan hasil penyelidikan luar negara hampir mempunyai persamaan dan perkaitan dengan kajian yang dijalankan dalam negara. Oleh yang demikian sorotan kajian yang lalu dapat dijadikan panduan yang lebih konprehensif kepada pengkaji-pengkaji sains sosial bagi menangani masalah residivisme. Maka dengan mengetahui kekuatan dan kelemahan penyelidikan yang terdahulu, suatu pendekatan program koreksional yang konkrit dapat dibentuk dalam menangani isu-isu sosial amnya. Walaubagaimanapun, residivisme merupakan suatu pengukuran yang kompleks dan subjektif.

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan. Kaedah kajian melalui pendekatan kuantitatif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen penyelidikan dan data primari yang sedia ada. Pendekatan kualitatif yang dijalankan ialah temubual dengan banduan residivis yang sedang menjalani hukuman penjara dan juga temubual dengan kakitangan penjara dari Bahagian Pemulihan yang mengendalikan program PPI. Kombinasi dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan bertujuan untuk mendapat maklumat sebenar yang lebih jelas tentang tentang faktor-faktor yang mempengaruhi masalah residivisme di penjara.

3.2 Lokasi Penyelidikan

Penjara Taiping, Perak dipilih sebagai lokasi penyelidikan. Sebab Penjara Taiping dipilih sebagai lokasi penyelidikan. Pertama kerana Penjara Taiping menjadi model kepada penjara-penjara lain yang terdapat di Malaysia terutama dalam pelaksanaan program pemulihan Pelan Pembangunan Insan (PPI), pengurusan keselamatan, pengurusan personel, pengurusan banduan serta latihan kemahiran vokasional kepada banduan. Pelaksanaan program PPI kepada banduan dijalankan agak tersusun walaupun dalam keadaan keperluan asas yang berkurangan.

Kedua, Penjara Taiping merupakan sebuah institusi penjara yang besar yang mempunyai pelbagai kategori banduan termasuklah Hukuman Singkat (HS),

Hukuman Lama (HL), Banduan hukuman seumur hayat, hukuman seumur hidup, Banduan Akhir (BA) iaitu banduan hukuman mati dan tahanan reman. Jumlah banduan agak padat dan menghadapi masalah kesesakan. Struktur asal bangunan dan reka bentuk penjara berkonsepkan penahanan dan hukuman. Pelan struktur penjara yang mempunyai kawasan latihan kemahiran lebih sistematik. Penjara ini mempunyai bangunan bengkel kamahiran di kawasan khas yang menepati ciri-ciri keselamatan penjara. Terdapat bengkel-bengkel kemahiran vokasional seperti bengkel kayu, kimpalan, percetakan, kasut, plastik, rotan, dobi dan kraftangan. Penjara ini mempunyai lebih 1600 populasi banduan yang menjalani hukuman dengan pelbagai kesalahan. Pada peringkat awal penubuhannya penjara ini menempatkan banduan hukuman lebih 3 tahun '*bintang merah*' iaitu banduan yang pertama kali menjalani hukuman penjara terdiri banduan lelaki dan wanita. Peratus kemasukkan residivis agak tinggi sepertimana yang tercatat dalam Jadual 1.1 dan 1.2. Maka berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan itu, Penjara Taiping, Perak dipilih sebagai lokasi penyelidikan.

3.3 Klasifikasi Populasi Banduan Penjara Taiping

Menurut statistik pada akhir Jun 2010 jumlah populasi banduan yang terdapat di Penjara Taiping, Perak ialah 1606 orang. Klasifikasi utama populasi banduan yang ditahan di Penjara Taiping ialah banduan sabitan yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dan tahanan reman. Mereka ditahan kerana terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah. Kedudukan klasifikasi banduan mengikut etnik, sabitan dan reman adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Jumlah Populasi Banduan di Penjara Taiping 30 Jun 2010

Etnik	Sabitán (Convicted)	Reman (Unconvicted)	JUMLAH
Melayu	721	181	902
Cina	163	43	206
India/Sikh	207	62	269
Lain-Lain- (W/Negara)	14	0	14
Warganegara Asing	151	64	215
JUMLAH	1256	350	1606

Sumber: Unit Statistik Penjara Taiping

Terdapat 1256 banduan sabitan ini terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah. Kesalahan di bawah Kanun Keseksaan sebanyak 441, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Rawatan dan Pemulihan Dadah 1985 sebanyak 674 dan Akta Senjata Api Penalti Lebih Berat 1971 sebanyak 6 orang, Kesalahan di bawah Akta Imigresen sebanyak 100 dan lain-lain kesalahan sebanyak 66 orang. Jumlah banduan reman (*unconvicted*) yang ditahan di penjara berjumlah 350 orang, terdiri Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT) sebanyak 47 orang, Tahanan Mahkamah Seksyen (TMS) sebanyak 70 orang dan Tahanan Mahkamah Rendah/Majistret (TMR) sebanyak 233 orang. Tahanan reman ini terdiri daripada pelbagai kategori kesalahan jenayah. Mereka akan menghadiri perbicaraan pada tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah. Tempoh penahanan adalah berbeza mengikut keseriusan kesalahan jenayah yang dilakukan. Demografi mengikut umur 29.3 peratus berumur 21-29

tahun, sebanyak 37.8 peratus berumur 30-39 tahun, sebanyak 21.5 peratus berumur antara 40-49 tahun. Sebanyak 9.3 peratus berumur antara 50-59 tahun dan selebihnya berumur lebih 60 tahun.

3.4 Definisi Konseptual

Bahagian ini akan membincangkan beberapa konsep utama dalam penyelidikan. Langkah ini bertujuan untuk memberi penjelasan yang lebih mendalam tentang isu-isu yang dibincangkan dalam penyelidikan. Konsep-konsep tersebut termasuk dalam skop kepenjaraan iaitu residivisme, pemulihan, residivis, residivis tegar, Pelan Pembangunan Insan (PPI) dan persepsi banduan.

3.4.1 Residivisme

Perkataan '*Recidivism*' berasal dari perkataan Latin *recidere* bermaksud '*fall back*'. '*Recidive + ism*' umumnya bermaksud pengulangan tingkah laku jenayah. Dalam konteks Keadilan Jenayah, residivisme boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku berulang seseorang itu melakukan jenayah, menjalani hukuman penjara di atas kesalahan yang dilakukan dan seterusnya melalui proses pemulihan.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1991) '*recidivism*' bermaksud pengulang laku jenayah. *Recidivist* bermaksud orang yang pernah melakukan kesalahan jenayah, melakukan perbuatan atau kesalahan yang sama setelah berhenti beberapa waktu.

Di United States, dalam bidang kriminologi, residivisme pada umumnya merujuk kepada tingkah laku jenayah yang berulang sekalipun menerima akibat negatif daripada perbuatan yang dilakukan itu seperti ditangkap, didakwa dan dipenjarakan. Manakala dalam bahasa undang-undang (*in legal parlance*) perkataan '*habitual offender*' digunakan untuk membincangkan sesiapa yang terlibat dalam kesalahan jenayah yang sama.

Menurut laporan '*The Audit Office of New South Wales (NSW)* (2006) di Australia, residivisme berlaku apabila seseorang itu disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh mahkamah, pernah ditahan di penjara sebelumnya, atau diperintah menjalani khidmat komuniti. Pengukuran yang digunakan dalam tempoh 2 tahun. Pengukuran residivisme tidak diambil kira sekiranya selepas tempoh pembebasan yang dinyatakan, tidak disabitkan kesalahan oleh mahkamah dan ditahan semula semasa menjalani hukuman.

Menurut Drabsch (2006) di Australia, pengukuran kadar residivisme bergantung kepada bentuk pengukuran yang digunakan iaitu termasuk tempoh jangka masa yang ditentukan, tentang jenis kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dan tangkapan semula oleh pihak polis atau dipenjarakan.

Menurut Harry, Clen dan Simon (1992), menjelaskan Recidivisme;

'the repetition of criminal behavior: habitual criminality. In statical practice, a recidivism rate may be any of a number of possible counts of instances of arrest, conviction, correctional commitment, and correctional status

changes, related to the number of repetitions of these events within a given period of time'.

Menurut Maltz (2001) residivisme biasanya diukur dalam masa perantaraan (*time interval*) antara dua peristiwa. Pertama, masa individu dibebaskan. Kedua, masa berlakunya residivisme atau perlakuan jenayah berulang. Masa individu dibebaskan termasuk masa pembebasan dari penjara atau tahanan, masa tamat menjalani penyeliaan perintah parol, rumah perantaraan (*halfway house*) atau program *work-study*. Residivisme berlaku bergantung kepada keadaan atau peristiwa yang berlaku semasa bebas.

Biasanya residivisme diukur dalam tempoh 2 tahun atau 3 tahun selepas banduan dibebaskan. Pengukuran ini penting untuk menentukan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan semasa menjalani hukuman penjara atau semasa dalam penyeliaan.

Menurut Mc Kean dan Ransford (2004) dari Center for Impact Research, Chicago, Illinois, dalam laporan *Current Strategies for Reducing Recidivism*, menjelaskan;

'recidivism is the relapse into criminal activity and is generally measured by a former prisoners return to prison for a new offence'. Rates of recidivism reflect the degree to which released inmates have been rehabilitated and the role correctional program play in reintegrating prisoners into society'.

Menurut Robert (1989) memberi tiga bentuk definisi konsep residivisme. Pertama seseorang yang pernah dihukum penjara atau memasuki institusi kurungan berulang kali. Kedua kemasukan semula seseorang ke dalam insituti kerana melakukan

jenayah. Ketiga melanggar apa-apa undang-undang dan peraturan yang ditetapkan selepas menyertai program pemulihan.

Menurut Hadi Zakaria (1998) daripada Universiti Malaya dalam penyelidikannya yang dijalankan berhubung residivisme di institusi penjara bersama Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia mentakrifkan;

“Residivisme merujuk kepada bilangan kesalahan ulangan yang boleh dilakukan seseorang yang pernah dihukum penjara kerana sesuatu kesalahan jenayah. Menjadi petunjuk utama bagi menentukan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan di institusi penjara dan institusi kurungan yang lain”

Oleh itu, residivisme dalam konteks kajian ini bermaksud;

‘Merujuk bilangan kesalahan jenayah berulang yang dilakukan oleh seseorang yang pernah menjalani hukuman penjara masuk semula ke penjara dalam tempoh 3 tahun setelah dibebaskan. Menjadi pengukuran utama bagi menentukan keberkesanan program pemulihan di penjara.

3.4.2 Residivis

Bagi Jabatan Penjara Malaysia, residivis yang ditetapkan oleh Bahagian Pemulihan (2004) ialah *‘Banduan yang dijatuhkan hukuman dan dimasukkan semula ke penjara dalam tempoh tiga (2) tahun selepas pembebasan terakhir’*. Namun bagitu dalam keputusan Mesyuarat Matinpen Bil. 5/2008 penafsiran pengkategorian banduan residivis telah diubah semula berasaskan tempoh pembebasan iaitu:

“Banduan yang dijatuhkan hukuman dan dimasukkan semula ke penjara dalam tempoh tiga (3) tahun selepas pembebasan terakhir ” (2008).

Dalam konteks penyelidikan ini banduan yang bebas dalam tempoh edah tiga tahun, terlibat kembali dengan kesalahan jenayah, dihukum penjara oleh mahkamah, termasuk dalam kategori residivis. Dalam konteks ini, residivis (*recidivist*) adalah individu yang berulang kali melakukan kesalahan jenayah, disabitkan dengan kesalahan (*convicted*), dihukum penjara oleh mahkamah dan serusnya berulang kali pula menjalani hukuman penjara di mana-mana institusi penjara di Malaysia dalam tempoh yang sama. Ini bermakna mana-mana banduan yang pernah menjalani hukuman penjara lebih daripada sekali dan menjalani semula hukuman penjara dalam tempoh 3 tahun diklasifikasikan sebagai residivis.

3.4.3 Residivis Tegar

Residivis tegar bermaksud residivis yang sukar dipulihkan. Berulang kali melakukan kesalahan jenayah dan berulang kali menjalani hukuman penjara selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembebasan terakhir dari penjara. Sering kali menimbulkan masalah kepada pengurusan penjara serta bersikap agresif. Residivis ini boleh mengancam keselamatan dan menggugat ketenteraman penjara. Cenderung melakukan kesalahan jenayah dan melakukan penyelewengan dan melanggar peraturan-peraturan penjara. Merujuk Modul Residivis Tegar, yang dikeluarkan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan, Penjara Malaysia, residivis tegar mempunyai kecenderungan untuk mempengaruhi banduan lain, sukar dipulihkan, degil, keras kepala, keras hati, kurang mematuhi perintah dan tidak mudah mengubah pendirian.

Bagi menentukan pelaksanaan program pemulihan residivis tegar ini dijalankan dengan lebih berkesan, kini mereka yang bersabit dengan kes penagihan dadah ini ditempatkan di Penjara Seremban. Aktiviti pemulihan fizikal, pendidikan keagamaan, moral dan motivasi dijalankan lebih intensif. Di insitusi-institusi penjara kaedah mengklasifikasikan residivis tegar ini ditempatkan di blok yang berasingan bertujuan untuk mengurangkan pengaruh '*prisonization*'.

Profil residivis tegar ini sama dengan banduan tegar yang dijelaskan oleh Bahagian Pemulihan dan Rawatan yang diterangkan dalam Modul Banduan Tegar. Modul tersebut bertujuan mencegah pengulangan jenayah dan pelanggaran undang-undang samaada semasa banduan berada di dalam penjara atau selepas dibebaskan. Modul ini merupakan panduan dalam pelaksanaan aktiviti pemulihan. Banduan tegar melibatkan banduan yang pertama kali menjalani hukuman penjara, menunjukkan tingkah laku agresif, degil dan bersikap negatif.

3.4.4 Pemulihan

Merujuk Kamus Dewan (1991) 'Pemulihan' asal dari perkataan 'pulih' bermakna kembali seperti biasa (keadaan semula) sembuh atau baik semula, menjadi baik. Dalam konteks penjara, pemulihan akhlak penghuni bermaksud melaksanakan program pemulihan ke atas banduan bagi memperbaiki keadaan fizikal, mental, membentuk akhlak berteraskan nilai-nilai murni masyarakat. Disamping itu memberi latihan kemahiran yang bersesuaian, layanan yang adil dan rawatan kepada penghuni

semasa menjalani hukuman supaya menjadi rakyat yang berguna dan bertanggungjawab apabila bebas.

Sementara itu merujuk kepada Wikipedia pemulihan (*rehabilitation*) bermaksud '*To restore to useful life, as through therapy and education or To restore to good condition, operation, or capacity*. Tafsiran ini berasaskan andaian seseorang yang melakukan kegiatan jenayah itu tidaklah akan terus melakukan jenayah tetapi harus dipulihkan pemikiran, sikap dan tingkah laku supaya menjadikan hidupnya berguna dan dapat diintegrasikan semula kepada masyarakat. Manakala dalam perspektif Islam perkara pokok yang perlu dipulihkan ialah iman dan akhlak atau budi pekerti. Pemulihan melibatkan perbuatan zahir dan batin manusia dalam hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan Allah. Al Quran menerangkan '*dan bahawa sesungguhnya (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia*' (Al-Qalam:4).

Daniel Glaser (1964) telah memperkenalkan latihan vokasional sebagai pendekatan pemulihan. Penyelidikan tentang keberkesanan pemulihan ini telah dijalankan oleh kriminologis dan penyelidik koreksional. Francis Cullen dan Karen Gilbert (1982) merumuskan bahawa pendekatan mengintegrasikan semula banduan kepada masyarakat dan pendekatan kemanusiaan merupakan pendekatan yang dipraktis sekarang di Penjara Malaysia.

Pemulihan adalah merupakan sebahagian fungsi utama Jabatan Penjara. Program pemulihan dilaksanakan secara komprehensif, bersepadu dan dinamik bagi mencapai

objektif dan visi jabatan. Walaupun perbagai pendekatan pemulihan dipraktikan bagi membentuk sikap, pemikiran, tingkah laku dan memberi pengetahuan dan skil kemahiran kepada banduan ke arah kebaikan supaya dengan adanya pengetahuan dan kemahiran ini akan lebih mudah bekas banduan mendapat pekerjaan dan diintegrasikan semula dalam masyarakat. Namun, tidak semua banduan berjaya dipulihkan.

Peranan utama Jabatan Penjara Malaysia selain daripada memberi kawalan yang selamat terhadap banduan, memberi layanan yang adil dan saksama, memberi perlindungan kepada masyarakat. Penjara juga berperanan sebagai agen pemulihan. Ini kerana banduan datang dari masyarakat, menjadi anggota keluarga dan masyarakat. Oleh itu kepada masyarakatlah mereka harus dikembalikan apabila dibebaskan kelak. Maka untuk menjadi insan yang produktif, akhlak terpuji pandangan hidup positif maka sikap dan nilai-nilai kerohanian perlu dipulihkan.

Pendekatan pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia terus melalui proses perubahan dari masa ke semasa. Sebelum merdeka, pendekatan menghukum dan memulih merupakan balasan yang perlu diterima oleh penjenayah yang menjalani hukuman penjara sebagai balasan di atas kesalahan yang dilakukan. Pendekatan ini dilakukan melalui latihan kemahiran dan kerja keras. Selanjutnya pendekatan pemulihan ini terus mengalami perubahan. Kerangka pencegahan dan hukuman kepada pendekatan pemulihan yang lebih tersusun ini bermula pada awal tahun 1980an iaitu ketika ramai banduan yang menjalani hukuman disabitkan dengan kes pengedaran

dan penagihan dadah. Reformasi pendekatan pemulihan ini terus berlaku dan dapat dilihat dari skop latihan vokasional, pendidikan dan bimbingan, kaunseling, rawatan dan pengurusan kesihatan, pendidikan akedamik, pendidikan agama, latihan kerohanian, pendidikan moral, khidmat masyarakat dan juga aspek-aspek yang berkaitan kebajikan dan layanan terhadap banduan. Perubahan yang berlaku ini menjadikan sistem kepenjaraan lebih terbuka. Dasar kepenjaraan lebih terbuka kepada masyarakat di mana banduan Pra Bebas dapat bekerja di kawasan luar penjara dan latihan usahasama dengan pihak swasta telah dijalankan. Kerjasama dengan pihak swasta telah di dakan. Bengkel-bengkel usahasama telah di adakan di dalam penjara dan di luar penjara. Langkah ini memberi peluang pekerjaan kepada banduan dan memperoleh pendapatan bagi membantu keluarga atau sebagai keperluan apabila bebas. Dasar dan pendekatan pemulihan terus mengalami kemajuan yang lebih berstruktur di mana pada tahun 2004 Pelan Pembangunan Insan (PPI) telah diperkenalkan. Modul pemulihan dari aspek fizikal, mental, kemahiran dan kerohanian telah dirangka dengan lebih konfrehensif dan sistematik. Isu pemulihan terhadap banduan yang menjalani hukuman penjara sering diperdebatkan dan dikaitkan dengan kemasukkan pesalah berulang atau residivis. Menurut Darussalam (2007) Pengarah Bahagian Rawatan dan Pemulihan, bagi mengelak berlakunya salah anggapan dan pandangan serong masyarakat berkaitan peranan Jabatan Penjara Malaysia dalam Sistem Keadilan Jenayah maka adalah penting untuk menentukan pelaksanaan aktiviti pemulihan dilaksanakan dengan berkesan mengikut garis panduan dan objektif yang ditetapkan. Pendekatan memasyarakatkan banduan telah dilakukan dengan mengadakan pelbagai aktiviti pencegahan dan

pendidikan di luar penjara. Selanjutnya dalam tahun 2008 pendekatan pemulihan lebih mirip kepada pendekatan koreksional. Dasar pemulihan yang lebih terbuka dilaksanakan. Sistem parol dan Program Jalanan Kasih sebagai pendekatan baru dalam konteks pemulihan diperkenalkan. Ini termasuklah penubuhan Rumah Perantaraan (*half way house*) dan Pusat Wajib Hadir.

Oleh itu, dasar pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia terus mengalami perubahan dan kemajuan selaras dengan keperluan dan cabaran semasa. Perubahan ini adalah selaras dengan moto KASIH (*Knowledge, Attitude, Skill, Intelligence and Humanity*) (2007) yang dirancang oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Jabatan Penjara Malaysia.

3.4.5 Kesalahan

Dalam konteks penyelidikan ini kesalahan merujuk kepada pelakuan jenayah kekerasan terhadap tubuh badan manusia, jenayah harta benda dan kesalahan penagihan dan pengedaran dadah. Jenayah terhadap tubuh badan manusia seperti membunuh, membunuh tanpa niat, rompakan bersenjata samaada secara individu atau kumpulan merupakan jenayah serius. Jenayah harta benda termasuk kesalahan mencuri, menyimpan barang curi, ragut, pecah rumah waktu siang atau malam dan samun tanpa senjata. Kesalahan jenayah ini terkandung dalam Kanun Kesiksaan. Manakala kesalahan bersabit dengan penagihan dan pengedaran dadah termasuklah kesalahan penyalahgunaan dadah terhadap diri sendiri, memiliki, menyimpan dan

mengedar dadah. Semua kesalahan terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Rawatan dan Pemulihan Dadah (1985).

3.4.6 Pelan Pembangunan Insan (PPI)

Pelan Pembangunan Insan (PPI) ialah suatu pelan pemulihan atau koreksional yang dirancang terhadap banduan yang ditahan dan menjalani hukuman di penjara. Elemen-elemen yang dipulihkan atau dibangunkan kembali ialah dari aspek fizikal, sikap, tingkah laku, kognitif dan kerohanian. Program PPI ini mengandungi Modul-Modul pemulihan yang disediakan bagi kategori banduan sabitan dan reman. Kategori banduan yang terlibat adalah terdiri daripada banduan kes jenayah dan kes penagihan dadah dan pengedaran dadah. Modul PPI mengandungi empat fasa. Fasa Pertama, pembinaan disiplin dijalankan selama (6) bulan. Fasa Kedua, pengukuhan sahsiah dijalankan selama (18) bulan. Fasa Kedua ini mengandungi lima program iaitu *therapeutic community (TC)*, halaqah, pendidikan dan pencegahan dadah, kaunseling dan modul seksual. Fasa Ketiga memberikan latihan kemahiran vokasional dan kemahiran sosial. Fasa Keempat yang ini dinamakan Pra Bebas yang mana banduan akan berada dalam fasa ini sehingga mereka bebas. Banduan yang layak dan memenuhi syarat-syarat prabebas akan berpeluang menjalankan aktiviti kemasyarakatan di luar penjara. Langkah ini merupakan pendekatan mengintegrasikan semula bandu kepada masyarakat. Tempoh banduan berada di dalam sesuatu fasa ini telah dipinda dari masa ke semasa mengikut kesesuaian program.

Sebelum banduan dinaikan ke mana-mana fasa, suatu penilaian dilakukan oleh Lembaga Penilai Institusi berkaitan dengan pengetahuan, sikap, disiplin, tingkah laku, perkembangan sahsiah, kerohanian dan bidang kemahiran yang dipelajari. Setelah mendapat sokongan dan kelulusan daripada Lembaga Penilai Institusi dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan banduan akan dinaikan ke fasa berikutnya. Untuk menentukan pelaksanaan program pemulihan dapat dijalankan dengan berkesan maka Bahagian Pemulihan dan Rawatan Jabatan Penjara Malaysia (2008) telah mewujudkan Modul Residivis PPI. Antara objektif modul tersebut;

- i) Membentuk disiplin penghuni agar patuh kepada peraturan dan arahan.
- ii) Mewujudkan keseimbangan aktiviti pemulihan penghuni dari aspek mental, fizikal dan kerohanian.
- iii) Menanam sikap positif dan keyakinan diri dalam kalangan penghuni.
- iv) Menanam kekentalan sahsiah dalam diri penghuni agar mampu menangkis cabaran kehidupan dalam penjara.

Maka dalam penyelidikan ini meninjau sejauhmanakan konsep ini dapat diimplimentasikan kepada residivis melalui kandungan modul-modul yang ada untuk mencapai objektif pemulihan. Apakah reaksi atau maklum balas banduan amnya terhadap pelaksanaan program ini.

3.4.7 Persepsi Banduan

Menurut Chaplin (1985) mendefinisikan persepsi sebagai proses pengetahuan objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang objektif melalui kederaiaan. Beliau juga menyatakan bahawa persepsi ialah kesedaran tentang proses-proses organik. Persepsi tidak hanya tertumpu pada alam luaran sahaja, malahan ia juga berkaitan proses-proses fisiologikal serta perkara-perkara dalam jiwa manusia.

Dalam konteks penyelidikan ini, persepsi banduan terhadap penjara bukan mengaggap penjara sebagai tempat mereka menjalani hukuman semata-mata tetapi dalam konteks pemulihan, penjara adalah tempat memulihkan tingkah laku mereka. Pelaksanaan Program Pembangunan Insan (PPI) adalah suatu proses pemulihan yang lebih sistematik dalam proses membentuk sahsiah, akhlak, sikap, mentaliti dan nilai-nilai hidup yang positif melalui modul-modul pemulihan. Apakah persepsi residivis khususnya dalam proses pelaksanaan program ini. Bagaimanakah banduan atau residivis memberi respon dan menilai program pemulihan ini yang berupaya membentuk tingkah laku, sikap dan pemikiran mereka. Sejauhmanakah pengetahuan dan bimbingan yang disampaikan oleh fasilitator dan pegawai pemulihan melalui ceramah, kaunseling dan sebagainya dapat memberi kesedaran, difahami dan dihayati oleh residivis khususnya.

3.5 Kerangka Teoritikal Penyelidikan

Dalam penyelidikan ini beberapa teori yang akan diperbincangkan adalah yang berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan masalah residivisme. Teori

berkenaan ialah teori tingkahlaku, teori pembelajaran sosial dan teori labeling. Menurut Skinner (1953) pembentukan tingkah laku seseorang adalah melalui proses pembelajaran. Konsep teori ini ialah merangsang gerak balas.

Daripada perspektif teoritikal kriminologis menyatakan bahawa pembentukan tingkah laku jenayah ditentukan oleh proses sosialisasi, bukan kelas sosial dan masyarakat. Unsur-unsur pembentukan tingkah laku jenayah ini adalah hasil dari pembangunan sosial individu seperti bentuk intraksi sosial yang wujud. Proses pembelajaran, hubungan sosial individu dengan persekitaran, persepsi, kawalan persekitaran dan pembentukan imej individu. Maka melalui perspektif dan teoritikal ini tingkah laku jenayah merujuk kepada proses sosial. Teori ini mempunyai perkaitan dengan teori pembelajaran sosial, teori tingkah laku, teori kawalan sosial dan labeling.

Teori pembelajaran sosial merumuskan bahawa teknik-teknik melakukan jenayah adalah merupakan tingkah laku yang dipelajari oleh individu. Donald Clemmer (1940) seorang sosiologis Amerika Syarikat pernah menjalankan suatu penyelidikan yang mendalam ke atas banduan di Penjara Illinois dalam tahun 1930an. Hasil penyelidikan beliau '*The Prison Community*' telah menghuraikan bagaimana cara banduan baru masuk penjara dipengaruhi atau mempelajari nilai, norma dan sub budaya anti sosial kepenjaraan daripada banduan (*prison culture*). Proses ini telah dikenali sebagai '*Prisonization*'. Dalam proses intraksi dengan banduan, kakitangan penjara, mempelajari dan mematuhi undang-undang dan peraturan penjara yang

ditetapkan maka menerapkan budaya kepenjaraan berlaku. Proses sosialisasi ini merupakan pembelajaran sosial semasa menjalani hukuman. Dalam konteks ini adakah tempoh hukuman lama dan hukuman pendek boleh menyebabkan masalah residivisme. Blumstein, Cohen dan Nagin (1978) dan U.S. Department of Justice (1992) menyokong bahawa tempoh hukuman yang lama dapat melindungi masyarakat dan mengurangkan kadar residivisme. Manakala Sutherland (1947), telah menyatakan bahawa penjara adalah sekolah untuk penjenayah (*prison is a school of criminal*) yang mana pemenjaraan akan lebih meningkatkan banduan mempelajari perlakuan jenayah. Jadi jelas membuktikan tempoh pemenjaraan memberi kesan positif dan negatif. Tingkahlaku jenayah berulang berlaku apabila elemen-elemen kawalan dan pencegahan dalam masyarakat menjadi longgar dan pecah dan seterusnya gagal mengawal individu. Teori pembelajaran sosial menyokong kenyataan di atas.


Teori labeling yang dipopularkan oleh Tannenbaum (1938), Lemert (1951) dan Becker (1963) merupakan cabang dari teori proses sosial. Menurut Becker dalam bukunya *The Outsiders* sebab berlakunya penyelewengan kerana terdapat kelompok-kelompok tertentu dalam masyarakat yang boleh menentukan peraturan-peraturan kepada kelompok lain. Kelompok yang berkuasa menentukan apakah yang dianggap sebagai penyelewengan dan apa pula yang tidak. Teori ini merumuskan bahawa seseorang itu menjadi penjenayah apabila ahli-ahli yang terpengaruh dan signifikan dalam masyarakat melabel sebagai penjenayah. Apabila label ini diterima maka personal identiti sebagai penjenayah menjadi semakin kukuh. Kesannya akan

wujud sosial stigma yang memberi label negatif terhadap penjenayah. Masyarakat akan memandang serong terhadap individu yang pernah melakukan jenayah. Masyarakat akan mengelakkan berintraksi, merasa takut, curiga, kurang kepercayaan dan sukar menerima kembali bekas penjenayah. Begitu juga kesannya terhadap banduan yang berulang kali melakukan kesalahan jenayah dan berulang kali menjalani hukuman penjara. Akibat kesalahan jenayah yang dilakukan berulang kali itu menimbulkan kebimbangan kepada individu dan masyarakat. Keluarga dan masyarakat merasakan kehidupan mereka kurang selamat. Kurang selamat dari sudut fizikal dan emosi. Merasakan persekitaran sosial tidak selamat.

Oleh itu, rangka teoritikal dalam kajian ini mencakupi teori pembelajaran sosial, teori kawalan sosial dan teori labeling. Teori ini akan dijustifikasikan secara bersepadu bagi menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah residivisme dan impak ke atas program pemulihan di Penjara Malaysia. Berasaskan kepada teori ini dapat menjelaskan persoalan penyelidikan tentang residivisme dan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan.

Dalam penyelidikan ini, faktor yang mempengaruhi residivisme iaitu program pemulihan. Ini termasuk aktiviti-aktiviti pemulihan yang dilaksanakan dalam modul PPI. Faktor demografi, persekitaran sosial, keluarga, masyarakat dan faktor diri residivis menjadi pemboleh ubah bebas (IV). Manakala residivisme menjadi pemboleh ubah bergantung (DV). Kerangka teoritikal ini sepertimana ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

IV



Rajah 3.1: Kerangka Teoritikal Penyelidikan

3.6 Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan. Data dianalisis secara diskriptif bagi menghurai ciri-ciri variable termasuk profil responden. Dalam kajian ini dua kaedah digunakan iaitu kaedah kuantitatif dengan disokong kaedah kualitatif. Bagi pendekatan kuantitatif data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Manakala kaedah kualitatif di mana temubual dengan residivis dan kakitangan penjara. Sebelum penyelidikan sebenar dijalankan, ujian rintis telah dilakukan terhadap 30 responden. Perjumpaan secara bersemuka dengan responden yang dipilih.

Langkah ini bertujuan untuk menerangkan tujuan penyelidikan, memberi kefahaman dan mengelak kesilapan semasa responden menjawab soal selidik. Maklumat dikumpul, disemak dan dianalisis untuk menentukan semua item dan persoalan yang dikemukakan dapat difahami dan seterusnya menjawab persoalan kajian.

3.7 Persampelan

Protokol pentadbiran dan pemilihan sampel dilakukan melalui rekod peribadi banduan di Unit Kemasukkan dan Pembebasan Banduan Penjara Taiping. Rekod-rekod peribadi banduan residivis yang dipilih mengikut tahun kemasukkan dan tempoh hukuman yang terdapat sehingga September 2010. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah ke atas kumpulan strata.

Dalam penyelidikan ini jumlah populasi yang terdapat ialah 650 residivis sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual 3.2.

Berasaskan keperluan sampel mengikut Krejcie dan Morgan (1970) sebanyak 242 bersamaan 37 peratus daripada populasi. Penetapan penstrataran iaitu 3 stratum iaitu Jenayah Kekerasan, Jenayah Harta Benda dan Penagihan dan Pengedaran Dadah. Sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Pemilihan Sampel

Populasi (N)	Sampel (s)
500	217
550	226
600	234
650	242
700	248

Sumber: Krecie dan Morgan (1970)

Manakala penetapan sampel dari setiap stratum pula;

i) Jenayah Kekerasan sebanyak 15 peratus	= 15×242	
	$\frac{\text{-----}}{100}$	= 36 sampel
ii) Jenayah Harta Benda sebanyak 35 peratus	= 35×242	
	$\frac{\text{-----}}{100}$	= 85 sampel
iii) Jenayah Penagihan dan Penedaran Dadah sebanyak 35 peratus	= 50×242	
	$\frac{\text{-----}}{100}$	= 121 sampel
	Jumlah	= 242 sampel

Jumlah sampel yang dipilih tidak seimbang (*unpropotionate*) kerana populasi yang terdapat di Penjara Taiping mengikut jenis kesalahan dan atnik tidak seimbang. Populasi sebenar yang terdapat lebih 50 peratus kesalahan kes penagihan dan penedaran dadah, 35 peratus kes jenayah harta benda dan 15 peratus kes jenayah kekerasan. Oleh itu penetapan peratusan sampel adalah berasaskan jenis kesalahan

dan etnik yang terdapat di Penjara Taiping. Sampel yang dipilih ini mewakili ciri-ciri populasi residivis yang terdapat di penjara.

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang diambil dari Uma Sekaran, jumlah populasi 650 yang terdapat di Penjara Taiping bulan Jun 2010 saiz sampel yang dipilih sebanyak 242 responden.

Jadual 3.3: Kerangka Pemilihan Sampel

Jenis Kesalahan	Etnik				Peratus	Jumlah
	Melayu 64 %	India 18%	Cina 17 %	Lain Bangsa 1%		
Jenayah Kekerasan	23	7	5	1	15	36
Jenayah Harta Benda	55	15	14	1	35	85
Penagihan & Pengedaran Dadah	77	22	21	1	50	121
JUMLAH	155	44	40	3	100	242

3.8 Instrumentasi Penyelidikan

Instrumentasi penyelidikan yang digunakan ialah borang soal selidik. Borang soal selidik ini dinamakan *Inventori Kecenderongan Tingkah Laku Residivis (IKTR)*. Menurut Tuckman (1988) instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang paling berkesan bagi mendapat maklumat daripada responden selain daripada membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka.

Sementara itu, menurut Cates (1990) kaedah soal selidik adalah baik dan amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang boleh dipercayai. Melalui kaedah soal selidik dan temu bual ini, skil pengukuran nominal dan ordinal digunakan untuk mengukur angkuabah yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Lima darjah angkuabah diukur mengikut peringkat ordinal yang bersifat kuantitatif. Berpandukan kepada soal selidik yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu maka soalan-soalan kaji selidik maka pengkaji telah merangka soal selidik mengikut kesesuai dan keperluan kajian ini. Soalan-soalan kaji selidik ini adalah berdasarkan kepada permasalahan dan objektif kajian.

Kunci pengiraan skor mengikut teknik Skala Likert (1972) digunakan dalam penyelidikan ini dengan skala pengukuran seperti yang tercatat dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Pengiraan Nilai Skor - Skala Likert

Skala	5	4	3	2	1
Pengukuran	Sangat Setuju (SS)	Setuju (S)	Tidak Pasti (TP)	Tidak Setuju (TP)	Sangat Tidak Setuju (STS)

Soalan kaji selidik mempunyai 6 Bahagian dengan jumlah 76 soalan sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 3.5 di bawah.

Jadual 3.5: Bahagian Soal Selidik

Bahagian Soal Selidik	Jumlah Soalan
Bahagian A - Demografi	11
Bahagian B - Kesalahan	10
Bahagian C - Persepsi Residivis	16
Bahagian D - Faktor Keluarga	13
Bahagian E - Faktor Persekitaran sosial	9
Bahagian F - Faktor diri residivis	17
Jumlah	76

Bahagian A – Demografi Respondan mempunyai 11 soalan. Soalan bahagian ini terdiri kumpulan etnik, umur, agama, taraf perkahwinan, pekerjaan, pendapatan dan taraf pendidikan.

Bahagian B – Soalan-soalan yang berkaitan dengan penglibatan kesalahan jenayah. Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Soalan-soalan termasuk jenis kesalahan, hukuman, kekerapan menjalani hukuman penjara, tempuh melakukan kesalahan selepas dibebaskan dari penjara, peringkat mengikuti fasa pemulihan pada masa lalu, penahanan di insitusi penjara yang lain, Sekolah Henry Gurney, Pusat Pemulihan Akhlak dan Pusat Serenti. Akhirnya kesalahan tatatertib penjara yang dilakukan semasa menjalani hukuman. Soalan bahagian C hingga F, menggunakan Skala Likert (1972) sebagai pengukuran skor.

3.9 Penganalisaan Data

Penganalisaan data dijalankan dengan menggunakan program *Statistical Parkage for the Social Science* atau SPSS versi 16.0. Sebelum kajian sebenar ujian rintis telah

dijalankan. Menurut Wan Ibrahim (2009) ujian rintis dijalankan terhadap sampel sebelum kajian sebenar dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesesuaian soalan dan kefahaman responden, untuk mengenalpasti reaksi responden, untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan maksud item dalam soal selidik dan juga untuk menguji kebolehpercayaan dan keesahan soal selidik. Menurut Sabitha (2006) ujian rintis dilakukan sebagai langkah awal untuk menilai dan mengenalpasti keteguhan dan kebolehpercayaan soal selidik. Di samping itu, untuk memastikan responden faham tentang perkataan, frasa-frasa dalam pengukuran dan untuk memudahkan responden menjawab dan tidak mengelirukan.

Ujian rintis tersebut dilakukan di lokasi penyelidikan iaitu Penjara Taiping, Perak. Responden dipilih secara rawak seramai 30 orang mengikut kategori kesalahan sepertimana yang ditetapkan dalam rangka persempalan. Responden telah memberikan jawapan dan maklum balas terhadap semua soalan. Hasil ujian rintis menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Sekaran (1982) menjelaskan Cronbach Alpha merupakan *reliability coefficients* yang menunjukkan kesesuaian hubungan item-item dalam set soalan. Semakin hampir nilai Alpha kepada 1, maka semakin tinggi kebolehpercayaan serta baik pengukuran instrumen penyelidikan yang digunakan. Nilai Alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah, nilai 0.7 boleh diterima dan nilai yang melebihi 0.8 dianggap baik.

Nilai Alpha yang diperolehi dalam ujian rintis ini ialah 0.8. Oleh itu soal selidik ini adalah sesuai dan tidak perlu penambahbaikan. Soal selidik ini digunakan untuk

menjalankan kajian sebenar kerana ianya mencapai objektif dan persoalan penyelidikan. Cronbach Alpha ujian rintis ini tertera dalam Jadual 3.6 di bawah:

Jadual 3.6: Data Kebolehpercayaan Ujian Rintis (n=30)

Pembolehubah	Cronbach Alpha
Persepsi Terhadap Program PPI	0.88
Faktor Diri Residivis	0.88
Faktor Keluarga dan Masyarakat	0.88
Faktor Persekitaran Sosial	0.88

n = jumlah keseluruhan responden

3.10 Pentadbiran dan Pengumpulan Data Kuantitatif

Kategori responden dipilih berasaskan tiga jenis kesalahan. Jumlah sampel yang dipilih berasaskan jumlah populasi residivis yang terdapat di Penjara Taiping dari semua bahagian blok penempatan. Soalan dan item soal selidik dibangunkan berpandukan kepada penyelidikan yang terdahulu. Kemudian item-item disesuaikan dengan objektif dan keperluan kajian. Sebanyak set 242 soal selidik telah diedarkan kepada responden di Penjara Taiping mulai bulan Jun 2010. Penyelidikan memakan masa selama lebih 4 bulan dan berakhir bulan September 2010. Set soal selidik dipungut kembali, disemak dan di analisis. Didapati 12 soal selidik rosak. Penganalisan data daripada 230 soal selidik dijalankan dengan menggunakan program *Statistical Parkage for the Social Science* atau SPSS versi 16.0.

Sebelum penyelidikan sebenar dijalankan responden telah dikumpul dan diberi penerangan secara bersemuka. Penerangan diberikan secara berkumpulan di Bilik Bahagian Rawatan dan Pemulihan Penjara Taiping. Setiap kumpulan mempunyai 45 hingga 50 responden. Sebanyak 6 sesi penerangan telah diadakan. Penerangan diberi daripada setiap soalan dan bahagian dengan dibantu oleh pembantu penyelidik daripada Unit Pemulihan. Masa yang diambil oleh responden untuk melengkapkan semua soal selidik selama lebih kurang 45 hingga 60 minit. Langkah ini bertujuan untuk memastikan item-item atau pernyataan yang terkandung dalam soal selidik itu benar-benar difahami oleh responden. Langkah ini juga dijangka dapat mengelak kesilapan semasa responden mengisi soal selidik. Maklumat yang dikumpul dianalisis untuk menjawab persoalan kajian.

Penyelidikan menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah mendapatkan data melalui pendekatan kuantitatif ialah dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah dibangunkan oleh penyelidik yang lalu dengan menggunakan kaedah pembangunan instrumen model Abdullah Al Hadi, Rozumah, Maznah dan Safidah (1996), Hadi Zakaria (1998), Fauziah, Abu Samah dan Mansor dan Mohamad Shatar (2007), di mana proses pembangunan item dimulakan melalui pendekatan teoritikal yang membantu menghasilkan gagasan-gagasan yang sesuai diwujudkan sebagai kandungan utama. Item-item soal selidik telah disesuaikan dengan keperluan penyelidikan ini. Sementara kaedah kualitatif yang digunakan ialah temu bual berstruktur dengan kumpulan

fokus yang terdiri daripada residivis dan kakitangan Penjara Taiping. Langkah ini dilakukan bertujuan menyokong dan memperkukuhkan data kuantitatif.

3.11 Pengumpulan Maklumat Kualitatif

Maklumat kualitatif diperolehi dengan cara temubual dengan dua kumpaulan fokus iaitu residivis dan kakitangan yang bertugas di bahagian pemulihan. Temubual merupakan suatu pendekatan yang penting untuk menentukan serta menjelaskan situasi sebenar tentang masalah yang dikaji. Mula dijalankan pada bulan Jun 2010.

Dalam penyelidikan ini setiap sesi temubual dengan residivis mengambil masa lebih kurang dua jam dan sesi temubual dengan kakitangan menganbil masa lebih kurang satu jam setengah. Maklumat kualitatif yang diperolehi daripada residivis dan kakitangan ini dapat menyokong data kuantitatif dan memperkukuhkan permasalahan penyelidikan. Langkah ini juga bertujuan untuk mendapat maklumat sebenar secara langsung yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah residivisme.

3.11.1 Temubual Dengan Residivis

Temubual dengan empat orang residivis telah mula dijalan pada bulan Jun 2010. Temubual dengan residivis yang terpilih terdiri daripada residivis yang berulang kali menjalani hukuman penjara dan lain-lain penjara. Residivis ini terlibat dengan kesalahan jenayah kekerasan, harta benda, penagihan serta pengedaran dadah. Temubual dijalankan di Bahagian Pemulihan, Penjara Taaiping. Setiap temubual

mengambil masa lebih dua jam. Temubual mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada responden.

3.11.2 Temubual Dengan Kakitangan

Temubual dengan kakitangan Bahagian Pemulihan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program Pelan Pembangunan Insan di Penjara Taiping. Mereka ini terdiri daripada kakitangan penjara yang mempunyai pengalaman yang luas, pernah bertugas di beberapa buah penjara di Malaysia. Tempoh maksima bertugas selama 25 tahun dalam bidang kepenjaraan. Bidang tugas kakitangan penjara ini ialah memberi bimbingan dan kaunseling, mengendalikan kelas-kelas bimbingan, memberi pendidikan agama dan juga mengawal keselamatan banduan amnya. Mereka terdiri daripada fasilitator, pegawai penjara, kaunselor dan pembantu guru agama.

3.12 Rumusan

Perbincangan di atas secara umum latar belakang Jabatan Penjara Malaysia, Penjara Taiping yang dipilih sebagai lokasi penyelidikan. Perbincangan telah memberi informasi umum tentang fungsi penjara dan skop penyelidikan yang akan dijalankan. Perbincangan juga menyentuh struktur pentadbiran penjara dan klasifikasi banduan yang menjalani hukuman. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan disokong oleh kaedah kualitatif. Kombinasi dua kaedah ini digunakan bertujuan untuk memantapkan hasil penyelidikan dan menyokong kesahihan data kuantitatif yang diperolehi.

BAB EMPAT

ANALISIS HASIL PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menganalisis hasil penyelidikan yang dijalankan. Ianya mencakupi profil demografi residivis, penglibatan dengan jenayah berulang, faktor-faktor yang menyebabkan masalah residivisme. Analisis penyelidikan termasuk persepsi residivis terhadap program PPI, faktor keluarga dan masyarakat, faktor persekitaran sosial dan faktor diri residivis. Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis daripada 230 responden. Kaedah analisis deskriptif yang melihat dari sudut frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan. Analisis juga difokuskan dari sudut hubungan silang atau perkaitan kekerapan menjalani hukuman penjara dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah residivisme. Bab ini akan membincangkan juga hubungan silang antara angkuh kekerapan residivis menjalani hukuman penjara dengan faktor-faktor mempengaruhi yang menyebabkan masalah residivisme.

4.2 Demografi Residivis

Data demografi responden yang diperolehi daripada soal selidik diuraikan secara deskriptif yang mencakupi latar belakang sosioekonomi responden, latar belakang penglibatan dengan jenayah, hukuman penjara, penglibatan dengan program pemulihan dan pengalaman kepenjaraan.

4.2.1 Etnik

Seramai 230 orang responden telah memberi maklum balas terhadap soal selidik yang telah diedarkan. Jadual 4.1 menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 154 orang (67%). Manakala mereka yang berbangsa India adalah seramai 44 (19%), diikuti bangsa Cina seramai 29 orang (13%) dan lain-lain seramai 3 orang atau 1 peratus. Jadual 4.1 di atas memerihalkan jumlah responden mengikut etnik masing-masing.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Etnik

Etnik	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Melayu	154	67
Cina	29	13
India	44	19
Lain-lain	3	1
Jumlah	230	100

4.2.2 Agama

Responden beragama Islam mencatatkan peratusan tertinggi iaitu seramai 157 orang (68%), Hindu 44 orang (19%) diikuti responden yang beragama Budhha seramai 23 orang (10%) dan mereka beragama Kristian iaitu seramai 4 orang (2%). Selebihnya mereka beragama lain-lain iaitu seramai 2 orang (1%). Jadual 4.2 memerihalkan jumlah responden mengikut agama masing-masing.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Agama

Agama	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Islam	157	68
Budha	23	10
Hindu	44	19
Kristian	4	2
Lain-lain	2	1
Jumlah	230	100

4.2.3 Umur

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini berumur antara 30 hingga 39 tahun, iaitu seramai 81 orang (35%), 67 orang responden (29%) berumur dalam lingkungan 21 hingga 29 tahun, 53 orang responden (23%) berumur dalam lingkungan 40 hingga 49 tahun, 27 orang responden (12%) berumur dalam lingkungan 50 hingga 59 tahun dan selebihnya 2 orang responden (1 %) berumur dalam lingkungan 60 tahun ke atas.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan (f)	Peratus (%)
21-29	67	29
30-39	81	35
40-49	53	23
50-59	27	12
60 ke atas	2	1
Jumlah	230	100

4.2.4 Status Perkahwinan

Taraf perkahwinan menunjukkan golongan bujang lebih ramai terlibat dengan jenayah dan ditempatkan di penjara tersebut iaitu seramai 135 orang (59%). Mereka yang berkahwin mencatatkan 60 orang (26%) dan duda mencatatkan seramai 26 orang (11%). Selebihnya sebanyak 9 orang (4%) berpisah. Jadual 4.4 memerihalkan hasil dapatan kajian mengikut status perkahwinan.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Berkahwin	60	26
Bujang	135	59
Duda	26	11
Berpisah	9	4
Jumlah	230	100

4.2.5 Bilangan Tanggungan

Jadual 4.5 menunjukkan kebanyakan responden yang ditahan di penjara tersebut tiada tanggungan iaitu seramai 145 orang (63%). Ini adalah kerana 59 peratus responden bujang. Terdapat juga dalam kalangan responden yang berkahwin dan duda 24 responden (10%) mempunyai anak lebih dari 4 orang. Seramai 22 responden (10%) mempunyai tanggungan anak seramai 1 orang.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Bilangan Tanggungan

Bilangan Tanggungan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Tiada	145	63
1 orang	22	10
2 orang	22	10
3 orang	17	7
Lebih dari 4 orang	24	10
Jumlah	230	100

4.2.6 Pekerjaan

Jadual 4.6 menunjukkan peratusan responden yang mempunyai pekerjaan sangat tinggi, samada di sektor swasta, berniaga atau bekerja sendiri. Ini menunjukkan peratusan besar responden mempunyai pekerjaan yang boleh menjana ekonomi kehidupan mereka. Seramai 125 (54%) bekerja sendiri, 69 orang (30%) bekerja swasta 24 orang (10%) berniaga dan menganggur seramai 11 orang (5%).

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Swasta	69	30
Berniaga	24	10
Bekerja sendiri	125	54
Menganggur	11	5
Tidak menjawab	1	1
Jumlah	230	100

4.2.7 Pendapatan

Pendapatan bulanan dalam kalangan responden agak rendah. Namun ada juga dalam kalangan mereka mempunyai pendapatan yang baik. Tetapi sikap mereka yang terbabit dengan kesalahan jenayah menyebabkan mereka hilang sumber pendapatan yang menjadi nadi kepada ekonomi mereka. Jadual 4.7 menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pendapatan rendah di bawah RM501 hingga RM1000 iaitu seramai 82 orang (36%) dan 74 orang (32%) mempunyai pendapatan bawah RM500. Namun ada juga di kalangan responden mempunyai pendapatan yang sederhana dan tinggi. Seramai 57 orang (25%) mempunyai pendapatan dari RM1001 hingga RM2000, 8 orang (4%) mempunyai pendapatan sekitar RM2001 hingga RM2500 dan 3 orang (1 %) mempunyai pendapatan sekitar RM2501 hingga RM3000. Selebihnya ada 6 orang (3%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa 93 peratus responden mempunyai pekerjaan dengan pendapatan kurang RM 2000.00 sebulan.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Pendapatan

Pendapatan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Bawah RM500	74	32
RM501 hingga RM1000	82	36
RM1001 hingga RM2000	57	25
RM2001 hingga RM2500	8	4
RM2501 hingga RM3000	3	1
Lebih Daripada RM3000	0	0
Tidak Menjawab	6	3
Jumlah	230	100

4.2.8 Taraf Pendidikan

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai taraf pendidikan, baik dari sekolah rendah, sekolah menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Jadual 4.8 menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini memiliki taraf pendidikan tertinggi pada tahap sekolah menengah, iaitu seramai 157 orang (68%). Manakala mereka yang berkelulusan sekolah rendah ialah seramai 55 orang (24%) dan seramai 6 orang (3%) daripada responden berkelulusan daripada IPT. Namun ada juga di kalangan responden tidak pernah bersekolah, iaitu seramai 10 orang (4%) dan 2 orang (1%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Ini bermakna peratusan besar responden hanya mempunyai taraf pendidikan sekolah rendah dan menengah. Ada dalam kalangan responden ini tercicir dari sekolah dan kebolehan menulis dan membaca adalah rendah.

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Tidak Pernah Bersekolah	10	4
Sekolah Rendah	55	24
Sekolah Menengah	157	68
Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	6	3
Tidak Menjawab	2	1
Jumlah	230	100

4.2.9 Institusi Pengajian

Rata-rata responden dalam kajian ini mengikuti pengajian di sekolah pembiayaan kerajaan iaitu seramai 178 orang (77%). Hanya seramai 33 orang (14%) mengikuti pengajian di bawah swasta dan sebanyak 19 orang (8%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Ini menunjukkan mereka yang tidak menjawab berkemungkinan tidak pernah bersekolah atau buta huruf. Jadual 4.9 memerihalkan dapatan kajian mengikut institusi pengajian.

Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Institusi Pengajian

Institusi Pengajian	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Swasta	33	14
Kerajaan	178	77
Tidak Menjawab	19	8
Jumlah	230	100

4.2.10 Pengajian Asas Agama

Dapatan daripada analisis Jadual 4.10 menunjukkan bahawa seramai 165 orang responden (72%) mempunyai pengajian asas dalam agama. Ini menunjukkan kebanyakan responden menerima pendidikan agama sejak kecil lagi yang telah diterapkan oleh ibu bapa mereka. Selebihnya, iaitu seramai 30 orang (13%) yang menyatakan tidak pernah ada asas agama. Sebanyak 15 % tidak menjawab. Besar kemungkinan keadaan ini berlaku kerana responden sendiri tidak mengetahui setakat mana asas pendidikan agama yang diketahui.

Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Pengajian Asas Agama

Institusi Pengajian	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Ya	165	72
Tidak	30	13
Tidak Menjawab	35	15
Jumlah	230	100

Jadual 4.11: Pengajian Asas Agama Bagi Yang Beragama Islam

Institusi Pengajian	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Sembahyang	40	16
Membaca Muqadam	24	10
Membaca Al-Quran	20	9
Puasa	34	14
Zakat	17	7
Zakat Fitrah	30	16
Jumlah	165	72

Jadual 4.11 menunjukkan hasil kajian berkaitan pengetahuan asas agama dengan amalan bagi residivis yang beragama Islam. Seramai 40 orang (16%) menyatakan mereka tahu tentang sembahyang dan 34 orang (14%) menyatakan mereka tahu hal berkaitan dengan puasa. Kebolehan mengenal, membaca Muqadam dan Al Quran sangat rendah. Kebanyakan responden mengamalkan agama secara ikutan dan paksaan bukan di atas hukum dan kehendak diri sendiri. Oleh kerana kurang pengetahuan asas agama, maka inilah yang menyebabkan residivis terlibat dengan jenayah, penagihan dadah dan menjadi salah satu sebab berlakunya masalah residivism.

Tahap keimanan dan amalan yang rendah, jati diri yang lemah menyebabkan mereka berulang kali melakukan jenayah terperangkap dalam jerat najis dadah. Menurut Abdullah Al Hadi dan Iran Herman (1997) menyatakan kebanyakan penagih dadah mempunyai tahap pendidikan yang rendah, kurang terlibat dengan kegiatan kokurikulum dan juga tahap pengetahuan agama yang rendah menyebabkan mereka terlibat dengan kegiatan jenayah dan penagihan dadah.

4.3 Penglibatan Dengan Jenayah dan Hukuman

4.3.1 Kesalahan

Jadual 4.12 menunjukkan kebanyakan responden yang masuk semula ke Penjara Taiping terlibat dengan kes di bawah Akta Dadah Berbahaya iaitu seramai 110 responden (48%). Selebihnya sebanyak 78 responden (34%) terlibat dengan kes jenayah harta benda dan 39 responden (17%) terlibat dengan kes jenayah kekerasan. Sebanyak 3 responden tidak menjawab soalan yang dikemukakan.

Jadul 4.12: Taburan Responden Mengikut Kesalahan

Kesalahan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Akta Dadah Berbahaya	110	48
Jenayah Harta Benda	78	34
Jenayah Kekerasan	39	17
Tidak Menjawab	3	1
Jumlah	230	100

4.3.2 Tempoh Menjalani Hukuman

Dapatan daripada analisis kajian menunjukkan kebanyakan responden telah menjalani hukuman di Penjara Taiping di bawah 1 tahun iaitu seramai 104 orang (45%), 64 orang (28%) menjalani hukuman antara 1 hingga 2 tahun, 30 orang (13%) menjalani hukuman antara 2 hingga 3 tahun dan 13 orang (6%) menjalani hukuman antara 3 hingga 4 tahun. Selebihnya seramai 19 orang (8%) menjalani hukuman antara 4 hingga lebih daripada 13 tahun. Tiada seorang pun daripada responden menjalani hukuman seumur hidup dan sepanjang hayat. Jadual 4.13 memerihalkan dapatan kajian mengikut tempoh menjalani hukuman.

Jadual 4.13: Taburan Responden Tempoh Menjalani Hukuman

Hukuman	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Bawah 1 Tahun	104	45
1 Hingga 2 Tahun	64	28
2 Hingga 3 Tahun	30	13
3 Hingga 4 Tahun	13	6
4 Hingga 5 Tahun	3	1
5 Hingga 6 Tahun	4	2
7 Hingga 8 Tahun	3	1
9 Hingga 10 Tahun	4	2
11 Hingga 12 Tahun	3	1
Lebih Dari 13 Tahun	2	1
Seumur Hidup	0	0
Sepanjang Hayat	0	0
Jumlah	230	100

4.3.3 Institusi Yang Pernah Menjalani Hukuman

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 191 responden (83%) pernah menjalani hukuman di institusi penjara. Ini bermakna mereka pernah berulang kali melakukan kesalahan jenayah dan dihukum penjara. Responden pernah menjalani hukuman di Penjara Taiping iaitu serbanyak 129 orang (56%). Ini disebabkan peratusan besar responden melakukan kesalahan di negeri Perak maka mereka menjalani hukuman di Penjara Taiping. Sebanyak 62 orang (32.5%) pernah menjalani hukuman di insitusi penjara lain di Malaysia. Jadual 4.15 menunjukkan pecahan mengikut institusi penjara.

Terdapat juga dalam kalangan responden pernah menjalani hukuman di penjara atau ditahan di pemulihan akhlak iaitu seramai 18 orang (8%) dan selebihnya respoden pernah di tahan di Sekolah Henry Gurney, Pusat Pemulihan Akhlak dan Penjara dan Sekolah Henry Gurney iaitu seramai 3 orang (1%). Seramai 11 orang (5%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Jadual 4.14 memerihalkan dapatan kajian mengikut institusi di mana responden pernah menjalani hukuman.

Jadual 4.14: Taburan Responden Mengikut Institusi - Pernah Menjalani Hukuman/Ditahan

Institusi Hukuman	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Penjara (P)	191	83
Sekolah Henry Gurney (SHG)	3	1
Pusat Pemulihan Akhlak (PPA)	6	3
Penjara dan SHG	1	1
Penjara dan PPA	18	8
Penjara, SHG dan PPA	0	0
Tidak Menjawab	11	5
Jumlah	230	100

Jadual 4.15: Taburan Mengikut Institusi Penjara Yang Pernah Menjalani Hukuman

Institusi Penjara	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jelebu	1	1
Johor	4	2
Kajang	10	4
Marang	7	3
Pengkalan Chepa	2	1
Pulau Pinang	10	4
Pokok Sena	1	1
Penor	1	1
Sungai Buloh	7	3
Sungai Petani	3	2
Taiping	129	56
Tapah	15	7
Jumlah	191	83

4.3.4 Kekerapan Menjalani Hukuman

Jadual 4.16 menunjukkan kekerapan menjalani hukuman. Kekerapan menjalani hukuman, kali pertama dalam penyelidikan ini bermaksud kali pertama seseorang itu menjadi residivis. Ini bermakna seseorang responden itu pernah dua kali menjalani hukuman penjara termasuk menjalani hukuman sekarang. Kebanyakan responden menjalani hukuman kali kedua iaitu seramai 69 orang (30%), kali ketiga seramai 41 orang (18%) diikuti seramai 35 orang (15%) menjalani hukuman kali keempat, 22 orang (10%) menjalani hukuman kali kelima, 12 orang (5%) menjalani hukuman kali ketujuh, 11 orang (5%) menjalani hukuman kali ke lapan seramai 6 orang (3%) menjalani hukuman kali ke sembilan sebanyak 7 orang (3%) menjalani hukuman kali ke sepuluh dan 11 orang (5%) menjalani hukuman penjara lebih daripada sebelas kali. Oleh itu, dapatan hasil penyelidikan menunjukkan kecenderungan residivis melakukan kesalahan berulang bagi kali kedua, ketiga, keempat dan kelima adalah tinggi. Ini bermakna, selepas residivis dibebaskan dari penjara potensi melakukan kesalahan berulang dan menjalani semula hukuman di institusi penjara adalah tinggi. Fenomena ini memberi impak terhadap keberkeanaan pelaksanaan program pemulihan banduan di penjara amnya.

Jadual 4.16: Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menjalani Hukuman

Kekerapan Menjalani hukuman	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kali 1	6	3
Kali 2	69	30
Kali 3	41	18
Kali 4	35	15
Kali 5	22	10
Kali 6	10	4
Kali 7	12	5
Kali 8	11	5
Kali 9	6	3
Kali 10	7	3
> 11 kali	11	5
Jumlah	230	100

4.3.5 Rawatan Pemulihan

Jadual 4.17 dan Jadual 4.18 menunjukkan sebanyak 102 (44%) responden menyatakan pernah menjalani rawatan pemulihan di Pusat Serenti dan sebanyak 120 orang (52%) menyatakan tidak pernah menjalani rawatan. Berkaitan dengan kekerapan menjalani rawatan pemulihan di Pusat Serenti daripada jumlah 102 orang yang menyatakan demikian didapati sebanyak 48 (21%) responden pernah menjalani sekali rawatan, 22 (9%) responden pernah menjalani 2 kali rawatan dan sebanyak 32 (14%) responden pernah menjalani rawatan lebih daripada 3 kali. Terdapat juga responden tidak menjawab soalan yang dikemukakan iaitu seramai 8 orang (4%). Ini menunjukkan sebanyak 19.19 peratus responden adalah residivis penagih dadah yang

pernah menerima rawatan dan pemulihan dadah di Pusat Serenti di seluruh negara, penagih berulang sebanyak 23 peratus.

Jadual 4.17: Taburan Responden Yang Pernah Mengikut Pernah Menjalani Rawatan Pemulihan Di Pusat Serenti

Rawatan Pemulihan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Ya	102	44
Tidak	120	52
Tidak menjawab	8	4
Jumlah	230	100

Jadual 4.18: Taburan Kekerapan Responden Menjalani Rawatan Pemulihan Di Pusat Serenti

Kekerapan Rawatan Pemulihan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1 kali	48	21
2 kali	22	9
Lebih dari 3 kali	32	14
Jumlah	102	44

4.3.6 Tempoh Ditangkap Semula Selepas Bebas

Jadual 4.19 menunjukkan dapatan analisis mengikut tempoh residivis ditangkap semula selepas dibebaskan dari penjara bagi kesalahan yang lalu. Kebanyakan responden memberi maklum balas mereka ditangkap semula dalam tempoh antara 1 bulan hingga 6 bulan selepas dibebaskan iaitu seramai 23 peratus menyatakan sedemikian. Selebihnya 20 peratus tangkap semula selepas pembebasan antara 7

hingga 12 bulan diikuti seramai 17 peratus di tangkap semula selepas pembebasan antara 13 hingga 18 bulan, 13 peratus ditangkap semula selepas pembebasan antara 19 hingga 24 bulan dan 8 peratus ditangkap semula selepas pembebasan lebih daripada 49 bulan. Selebihnya seramai 18 peratus ditangkap semula selepas pembebasan antara 25 hingga 48 bulan. Kesimpulannya, sebanyak 38 peratus (83) responden menjalani semula hukuman penjara selepas bebas dalam tempoh kurang 3 tahun.

Jadual 4.19: Tempoh Ditangkap Semula Selepas Bebas Dari Penjara

Ditangkap Semula	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1 bulan hingga 6 bulan	52	23
7 bulan hingga 12 bulan	45	20
13 bulan hingga 18 bulan	38	17
19 bulan hingga 24 bulan	30	13
25 bulan hingga 30 bulan	14	6
31 bulan hingga 36 bulan	9	4
37 bulan hingga 42 bulan	8	4
43 bulan hingga 48 bulan	8	4
Lebih daripada 49 bulan	19	8
Tidak Menjawab	7	3
Jumlah	230	100

4.3.7 Kesalahan Tatatertib

Hasil dapatan kajian juga melihat kepada kekerapan melakukan kesalahan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Penjara 2000 semasa residivis menjalani hukuman

penjara. Jadual 4.20 dan 4.21 menunjukkan sebanyak 32 responden (14%) menyatakan pernah melakukan kesalahan tatatertib. Sebanyak 18 responden melakukan kesalahan besar (8%) dan 14 responden (6%) melakukan kesalahan kecil. Ini bermakna residivis bukan sahaja melakukan kesalahan berulang di luar penjara malah terus melakukan kesalahan semasa menjalani hukuman penjara. Terdapat segelintir residivis yang tegar melanggar undang-undang dan peraturan penjara yang ditetapkan. Ini bermakna mereka kurang kesedaran dan keinsafan.

Jadual 4.20: Taburan Responden Mengikut Pernah Melakukan Kesalahan Tatatertib

Pernah Melakukan Kesalahan Tatatertib	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Ya	32	14
Tidak	185	80
Tidak Menjawab	13	6
Jumlah	230	100

Jadual 4.21: Taburan Responden Mengikut Kesalahan Tatatertib Yang Dilakukan

Kesalahan yang Dilakukan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kesalahan Kecil	14	6
Kesalahan Besar	18	8
Jumlah	32	14

4.3.8 Mengikuti Fasa Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)

Hasil analisis data menunjukkan taburan responden mengikuti fasa program pemulihan di penjara adalah seperti tercatat dalam Jadual 4.22. Fasa pertama yang melibatkan program orientasi (program residivis) iaitu seramai 127 responden (55%), fasa kedua yang melibatkan pengukuhan sahsiah sebanyak 50 responden (22%), fasa ketiga yang melibatkan aktiviti kemahiran, fasa keempat pra bebas sebanyak 21 responden (9%). Sebanyak 13 responden (6%) tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Keadaan ini berlaku mungkin kerana responden keliru dengan kedudukan dalam fasa atau tidak memahami program pemulihan yang diikuti.

Jadual 4.22: Taburan Responden Mengikut Fasa Program PPI

Fasa Program Pemulihan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Fasa 1 – Orientasi	127	55
Fasa 2 – Pengukuhan Sahsiah	50	22
Fasa 3 – Aktiviti Kemahiran	19	8
Fasa 4 – Pra Bebas	21	9
Tidak Menjawab	13	6
Jumlah	230	100

4.4 Pesepsi Residivis Terhadap Pelaksanaan Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)

Tahap kebolehpercayaan dalam ujian rintis berkaitan dengan pembolehubah faktor persepsi atau pandangan responden terhadap pelaksanaan program PPI *cronbach alpha* ialah 0.88. Jadual 4.23 menunjukkan item-item tahap responden residivis terhadap pelaksanaan program tersebut.

Hasil kajian menunjukkan min persepsi responden terhadap pelaksanaan Program Pelan Pembangunan Insan (PPI) adalah tinggi iaitu 3.8 dengan nilai sisihan piawai 0.44. Ini membuktikan bahawa program PPI yang dijalankan di penjara mendapat tindak balas yang baik. Kebanyakan responden bersetuju bahawa pelaksanaan program ini dapat memberi kesedaran, dapat membentuk sikap, mentaliti dan tingkah laku mereka.

Keberkesanan pelaksanaan program PPI yang menjadi faktor residivisme ditentukan melalui aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam Modul Pelan Pembangunan Insan (PPI). Sebanyak 16 kenyataan atau item dikemukakan. Hasil analisis menunjukkan tidak ada faktor yang menjadi kekangan terhadap pelaksanaan program pemulihan. Ini bermakna dalam konteks pemulihan program PPI yang dijalankan di penjara mendapat respon yang sangat baik. Sebanyak 64 peratus bersetuju dan 25 peratus sangat bersetuju dan 10 peratus tidak pasti. Hanya 1 peratus tidak setuju. Ini bermakna bahawa program PPI sangat memberi faedah kepada mereka. Sebanyak 64 peratus setuju dan 26 peratus responden sangat setuju bahawa dengan mengikuti program PPI ini menjadikan diri mereka lebih berdisiplin. Sebanyak 80 peratus setuju dan 12 peratus sangat setuju bahawa mereka faham kelas bimbingan yang disampaikan oleh fasilitator. Manakala sebanyak 53 peratus bersetuju dan 21 peratus sangat bersetuju bahawa dengan mengikuti program PPI di penjara mereka akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan dapat menjauhkan diri dari kegiatan jenayah. Sebanyak 54 peratus setuju dan 27 peratus sangat bersetuju dengan mengikuti program PPI mereka mudah menyesuaikan diri dengan

masyarakat. Ini menunjukkan bahawa program PPI sangat memberi faedah kepada residivis khususnya. Kesemua responden menyatakan item-item bagi aktiviti PPI terhadap residivis adalah tersangat baik. Responden semua bersetuju pelaksanaan program PPI yang dijalankan berjaya memberi kesedaran, mengubah sikap dan pemikiran mereka. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada diri mereka sendiri untuk membuktikannya apabila bebas kelak.

Jadual 4.23: Persepsi Residivis Terhadap Program PPI
(n=230)

Persepsi Residivis Terhadap Program PPI	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Program pemulihan yang dijalankan sangat memberi faedah kepada saya.	2	1	2	1	22	10	146	64	58	25
Modul (Pelan Pembangunan Insan) yang disediakan dalam program pemulihan dapat saya fahami.	0	0	2	1	34	15	155	68	39	17
Kelas bimbingan yang disampaikan oleh fasilitator dalam Program PPI dapat saya fahami.	0	0	2	1	16	7	184	80	28	12
Aktiviti pemulihan yang diikuti dapat mengubah sikap saya.	0	0	5	2	43	19	127	55	50	22
Saya percaya dengan mengikuti program pemulihan semasa menjalani hukuman penjara dapat menjauhkan diri saya daripada terlibat dengan kegiatan jenayah.	4	2	6	3	56	24	116	50	48	21
Program pemulihan yang diikuti dapat mendisiplinkan saya.	0	0	2	1	23	10	146	64	59	26
Program pemulihan yang dijalankan dapat membentuk tingkah laku saya.	0	0	7	3	31	14	144	63	48	21
Masa mengikuti aktiviti keagamaan atau moral mencukupi.	4	2	13	6	37	16	143	62	33	14
Kemudahan yang disediakan bagi melaksanakan program pemulihan mencukupi.	3	1	25	11	54	24	128	56	20	9
Selepas mengikuti program pemulihan saya ingin menjadi warganegara yang lebih bertanggungjawab.	0	0	3	1	36	16	121	53	70	30
Latihan kemahiran yang diterima memudahkan saya berdikari semasa bebas.	3	1	5	2	54	24	109	47	59	26
Saya dapat mengikuti latihan kemahiran yang disediakan semasa menjalani hukuman.	5	2	10	4	30	13	144	63	41	18
Saya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pemulihan yang dijalankan.	4	2	7	3	31	14	138	60	50	22
Program pemulihan yang diikuti dapat menambah pengetahuan.	4	2	7	3	16	7	141	61	62	27
Saya dapat hadir dalam semua kelas bimbingan yang disediakan.	0	0	12	5	21	9	133	58	64	28
Aktiviti Pemulihan yang diikuti dapat membantu saya menyesuaikan diri dengan masyarakat.	5	2	8	4	30	13	124	54	63	27

*Jadual 4.24: Hubungan Silang Kekerapan dan Persepsi Residivis Terhadap Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)
(n=230)*

Pembolehubah	Persepsi Residivis Terhadap Program PPI				
	Kekerapan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Kali 1			2	4	6 (3%)
Kali 2		2	3	64	69 (30%)
Kali 3		1	5	35	41 (18%)
Kali 4		1	7	27	35 (15%)
Kali 5		1	2	19	22 (10%)
Kali 6		1	1	8	10 (4%)
Kali 7		1	3	8	12 (5%)
Kali 8		1	4	6	11 (5%)
Kali 9		1	2	3	6 (3%)
Kali 10			1	6	7 (3%)
>11 kali			3	7	10 (4%)
Tidak menjawab				1	1 (1%)
Jumlah		9	33	188	230
Peratus		(4%)	(14%)	(82%)	100%

Hasil analisis menunjukkan kebanyakan responden bersetuju program PPI yang dilaksanakan. Ini adalah kerana mereka percaya program tersebut boleh mengubah tingkah laku dan corak kehidupan mereka. Namun begitu kekuatan hubungan silang, kekerapan menjalani hukuman penjara dengan persepsi terhadap program PPI menunjukkan kebanyakan responden yang terlibat dalam program PPI ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kekerapan menjalani hukuman penjara bagi kali

kedua paling tinggi iaitu sebanyak 69 (30%), kali ketiga sebanyak 41 (18%) dan kali keempat 35 (15%) responden dan kali kelima sebanyak 22 responden (10%).

Persoalannya di sini ialah sekiranya residivis bersetuju bahawa program PPI itu baik dan memberi manfaat kepada mereka, dapat memberi kesedaran, keinsafan dan seterusnya dapat mengubah pemikiran mereka mengapakah kekerapan mereka melakukan kesalahan jenayah terus belaku?. Mengapakah mereka terus berulang kali masuk keluar penjara?. Dari pengamatan penyelidik, ini bermakna kesedaran itu wujud semasa residivis menjalani hukuman di penjara sahaja bukan timbul dari hati dan keinsafan yang sebenar. Residivis mempunyai jati diri yang lemah, gagal apabila menghadapi cabaran dan tekanan sekeliling. Persoalan ini disokong dengan pengakuan yang diberikan oleh responden RB dalam temubual yang diadakan;

‘Saya memang merasa menyesal dan insaf atas perbuatan saya yang lalu. Tetapi masalahnya, saya rasa kurang kepercayaan dan keyakinan pada diri sendiri, kadang-kadang saya bertanya pada diri saya sendiri adakah saya dapat mengubah tingkah laku saya apabila bebas. Saya kurang pasti kerana tahap keyakinan diri saya tidak begitu kuat. Saya telah beberapa kali janji pada diri sendiri untuk mengubah keadaan hidup, menjadi manusia yang baik tetapi tak berjaya. Sebenarnya saya menyesal penglibatan saya ini dalam kes kes jenayah, pecah rumah, mencuri, menagih dadah dan sebagainya. Tetapi keadaan sekeliling di luar penjara sebenarnya lagi mencabar untuk hidup. Masalah saya fikir tentang pekerjaan, tempat tinggal, takut terpengaruh dengan kawan-kawan lama yang kebanyakan penjenayah dan penagih, fikir tentang hubungan dengan keluarga dan banyak lagi. Saya merasakan tekanan keadaan sekeliling...

(Lampiran C1 - Temubual Responden RB, J112)

Hasil analisis penyelidikan juga menunjukkan sebanyak 127 responden (55%) hanya mengikuti Pelan Pembangunan Insan (PPI) hanya ke fasa 1, 49 responden (22%)

mengikuti PPI hingga ke fasa 2, sebanyak 20(8%) responden mengikuti hingga ke fasa 3 dan sebanyak 21(9%) responden mengikuti aktiviti sehingga ke fasa 4 (Rujuk Jadual 4.22). Hasil analisis menunjukkan lebih separuh daripada responden hanya mengikuti aktiviti PPI hanya fasa 1. Ini adalah kerana hampir separuh daripada responden iaitu sebanyak 42.6 peratus responden menjalani hukuman kurang daripada satu tahun.

Kajian ini mempunyai hubungan dan persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Solicitor General Canada (1999) bertajuk *'The Effects of Prison Sentences on Recidivism'* yang mengkaji kolerasi antara tempoh hukuman dan residivisme. Kajian mendapati bahawa kadar residivisme lebih tinggi bagi banduan yang menjalani tempoh hukuman pendek berbanding dengan banduan yang menjalani tempoh hukuman lama. Menurut Walker (1987) umur pesalah, sejarah kesalahan jenayah yang dilakukan dan pengalaman kepenjaraan mesti dikira sebagai *variables* masalah residivisme. Mereka yang pernah terlibat dengan kesalahan penyeluk saku, jenayah jalanan dan merompak mempunyai kadar residivisme yang tinggi berbanding dengan kesalahan yang lain.

Hasil kajian juga mendapati bahawa keberkesanan program pemulihan dengan kekerapan menjalani hukuman penjara mempunyai hubungan yang signifikan yang mempengaruhi masalah residivisme. Keadaan ini berlaku kerana;

Pertama, kebanyakan responden yang menjalani hukuman penjara kali kedua meletakkan harapan yang tinggi terhadap program pemulihan. Mereka berkeyakinan bahawa program pemulihan yang diikuti di penjara berupaya mengubah sikap dan tingkah laku negatif, walaupun mereka gagal kali pertama.

Kedua, mereka berjanji dan berikrar pada diri sendiri tidak akan terlibat lagi dengan kegiatan jenayah dan penagihan dadah selepas menjalani hukuman penjara. Mereka mengakui program pemulihan yang terdapat di penjara memang baik tetapi yang tidak baik adalah diri mereka sendiri yang sukar untuk berubah. Penemuan hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Patricia dan Robert (2005) yang menyatakan seseorang penagih yang sedang mendapat khidmat rawatan di pusat pemulihan biasanya mereka mempunyai keazaman dan keyakinan yang tinggi bahawa mereka akan berjaya menghindari diri daripada terjebak semula dengan penagihan dadah. Mereka mempunyai semangat yang kuat untuk pulih sebelum dibebaskan dari institusi koreksional. Namun setelah mereka tamat menjalani rawatan pemulihan dan dibebaskan keadaan berubah, mereka gagal. Keadaan di luar pusat pemulihan tidak menyokong seperti mana yang mereka harapkan. Situasi yang sama yang dihadapi oleh penagih relaps ini sama seperti mana yang dihadapi oleh residivis yang dibebaskan dari penjara.

Ketiga, keinsafan dan kesedaran untuk mengubah keadaan hidup ini akan semakin luntur atau berkurangan apabila semakin kerap residivis tersebut menjalani hukuman penjara. Kekurangan menghadapi kegagalan untuk mengubah keadaan hidup

menimbulkan perasaan kekecewaan yang mendalam dan seterusnya menjadi kekangan yang besar. Kegagalan yang berterusan menjadikan mereka lebih kecewa dan mangli dalam kehidupan mereka. Kekecewaan timbul apabila banyak janji kosong yang ditaburkan pada diri sendiri. Banyak janji yang dibuat semasa menjalani hukuman penjara tetapi tidak dapat ditunaikan apabila bebas. Lama atau singkat menjalani hukuman tidak lagi menjadi masalah. Akibatnya seseorang residivis itu akan terus masuk keluar penjara bermula dari peringkat umur remaja hinggalah dewasa. Keadaan ini diakui sendiri oleh responden RA. Harapan hanya tinggal harapan, hukuman penjara tidak menjadi pengajaran kerana tiada keazaman, kesedaran, kesabaran, hati yang tidak cecal untuk mengubah keadaan hidup selepas dibebaskan dari penjara. Oleh itu kecenderungan melakukan kesalahan terus bertambah.

Keempat, harapan untuk berubah hanya dirasai semasa menjalani hukuman penjara sahaja. Diri mereka sendiri yang sukar untuk berubah kerana mereka mempunyai keyakinan diri yang lemah. Residivis mengakui diri mereka boleh menjadi baik, sikap dan pemikiran mereka boleh berubah dalam institusi yang terkawal iaitu penjara. Dalam hubungan ini, menurut kajian Fauziah, Bahaman, Mansor dan Mohamad (2008) faktor menyumbang kepada penagihan relaps dalam kalangan penagih dadah mendapati 58 peratus penagih mempunyai keyakinan diri yang lemah. Maka penagih terperangkap semula ke alam penagihan relaps. Hanya peraturan dan undang-undang yang dapat mengawal tingkah laku mereka. Tetapi sebaliknya kehidupan dalam dunia luar yang bebas, mereka sukar mengawal diri. Mereka sukar

untuk mematuhi undang-undang, norma dan nilai-nilai dalam masyarakat walaupun mengetahui dan menyedari bahawa perbuatan mereka itu suatu kesalahan. Ini disokong dengan kenyataan responden RC.

'Tahap kesedaran dan keinsafan masa itu, semasa kali pertama saya menjalani hukuman penjara saya hanya merasakan sekadar menghabiskan hukuman sahaja kerana kesalahan yang dilakukan. Kali kedua menjalani hukuman mempunyai sedikit kesedaran dan kali ketiga tahap kesedaran itu semakin bertambah. Ini kerana tempoh hukuman agak lama'.

(Lampiran C1-Temubual Responden RC, J10)

Dalam konteks ini, adakah tempoh hukuman yang lama itu dapat memberi kesedaran kepada residivis?. Manakala residivis RB berumur 56 tahun, telah enam kali menjalani hukuman penjara sejak berumur 17 tahun di Sekolah Henry Gurney. Pernah menjalani hukuman seumur hayat kerana kesalahan di bawah Seksyen 4 – Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 disabitkan dan menjalani hukuman penjara sepanjang hayat, mendapat pengampunan, bebas bulan April 2010 setelah menjalani hukuman penjara 21 tahun 26 hari dengan jumlah 21 sebatan rotan. Merasa gembira dan terkejut kerana mendapat pengampunan daripada Sultan Perak, tetapi terlibat kembali dengan penagihan dadah, ditangkap, didakwa dan didapati bersalah menjalani semula hukuman penjara selama 1 tahun setelah beberapa bulan sahaja dibebaskan. Oleh kerana responden menjalani hukuman seumur hayat, tiada tarikh pembebasan maka responden tidak membuat persediaan yang secukupnya dari segi pengetahuan, penyesuaian diri dan pekerjaan. Tiada kekuatan dalaman, kurang keyakinan dan kepercayaan diri sendiri semasa bebas. Menurut responden ia lebih merasa sesuai, lebih selamat hidup dalam dunia kepenjaraan berbanding hidup

bersama keluarga, masyarakat dan dunia luar yang penuh dengan cabaran dan masalah. Keadaan ini memberi tekanan dalam hidupnya.

Kenyataan ini jelas disokong daripada apa yang dinyatakan oleh responden RA yang pernah menjalani hukuman penjara sebanyak 12 kali dengan jumlah hukuman selama hampir 40 tahun. Pernah menjalani 27 kali hukuman sebatan rotan. Kenyataan kedua yang diberikan oleh responden RB yang pernah menjalani hukuman penjara sebanyak 6 kali sejak umur 17 tahun. Jumlah tempoh merengkok dalam penjara selama lebih 21 tahun. Pernah menjalani hukuman penjara paling lama iaitu hukuman penjara seumur hayat. Dalam konteks ini, persoalan yang ditimbulkan oleh Beck dan Hoffman (1976), adakah tempoh hukuman itu memberi kesan terhadap residivisme, hasil penyaliaanya terhadap 1,546 banduan dewasa di United State selepas dua tahun pembebasan mendapati tidak ada perkaitan yang kukuh di antara tempoh menjalani hukuman dengan kadar residivism. Dalam konteks pemulihan, lama masa seseorang banduan atau residivis itu menjalani hukuman penjara tidak semestinya dapat memberi kesedaran dan keinsafan sekiranya residivis sendiri tidak mengambil iktibar atau pengajaran daripada hukuman penjara yang dialami. Oleh itu hukuman penjara yang bersifat '*deterrent*' gagal mencegah perlakuan jenayah berulang sekalipun residivis itu menjalani hukuman penjara yang lama.

Dalam hubungan ini pengaruh '*prisonization*' yang dikemukakan oleh Donald Clemmer (1940) dalam '*Prison Community*', yang mana budaya kepenjaraan telah

meresapi sepanjang kehidupannya ‘*rumah batu, jerjak besi*’, persekitaran penjara dan intraksi sosial bersama kawan di penjara adalah sebahagian daripada dunia hidupnya. Proses sosialisasi yang dialami sepanjang tempoh pemenjaraan nampaknya sudah cukup memberi penyesuaian dan keselesaan hidup. Teori pembelajaran sosial dan pengukuhan tingkah laku yang diperbincangkan oleh Skinner (1953) dan Donald Clemer (1940) berkaitan dengan permasalahan ini.

Menurut responden RB mendapat pembebasan bagi dirinya menjadi suatu masalah, hidup di dunia luar penuh dengan cabaran dan dugaan. Lebih membimbangkan ia merasa dirinya kurang selamat, takut dipengaruhi oleh kawan-kawan lama yang terdiri penagih dan penjenayah. Hidup di dunia luar penuh dengan konflik. Suatu suasana kehidupan yang memerlukan kekuatan fizikal, mental, kekuatan jiwa, semangat yang kental, jati diri yang kuat, kesabaran dan hati yang tabah. Situasi ini merupakan suatu cabaran dan bebanan yang perlu dihadapi. Apatah lagi beliau merupakan residivis yang memang dikenali umum oleh masyarakat sekitar Taiping dan Kemunting. Faktor sosial stigma masyarakat dan labeling menjadi kekangan besar bagi dirinya. Aktiviti pemulihan yang diikuti hanya sekadar untuk pengetahuan tetapi bukan untuk pengajaran. Kenyataan ini disokong oleh kaunselor ZZ di Penjara Taiping, menyatakan;

‘Mereka tidak mahu berubah walaupun diseru untuk berubah. Penyertaan program pemulihan di penjara adalah secara terpaksa tiada kehendak diri sendiri. Menyertai program pemulihan hanya untuk menghabiskan waktu terluang. Bagi residivis tegar mengikuti program atau tidak mengikuti program pemulihan sama sahaja bagi diri mereka. Residivis tetap menjalani hukuman dan tiada masalah bagi diri mereka berada di penjara. Dunia kepenjaraan sama seperti dunia luar. Keperluan yang kurang adalah kebebasan’.

Mereka kurang berminat menyertai program pemulihan. Tahap pemikiran mereka rendah. Kebanyakan banduan mempunyai tahap IQ rendah. Ini adalah kerana taraf pendidikan mereka rendah, biasanya menjadi di pelajar yang tercicir. Semasa menuntut mereka merupakan pelajar yang bermasalah dan tidak minat belajar. Tiada kesedaran diri dan tidak mahu berubah. Tiada jati diri yang kukuh. Mudah kecewa apabila menghadapi konflik atau cabaran. Penyertaan dalam program pemulihan khususnya PPI adalah secara terpaksa bukan di atas kehendak diri sendiri. Mereka merasakan aktiviti yang dijalankan itu hanya untuk menghabiskan waktu yang terluang semasa mereka menjalani hukuman. Mereka bersikap tidak bersungguh-sungguh untuk berubah...

(Lampiran C2-Temubual Staf ZZ, J7)

Kenyataan ini disokong oleh pegawai penjara Bahagian Pemulihan menyatakan ;

Banduan kategori ini memang tidak boleh berubah kerana berulang kali melakukan jenayah, berulang kali menjalani hukuman penjara. Berulang kali telah diberi nasihat dan bimbingan tetapi bagai mencurahkan air di daun keladi...

(Lampiran C2- Temubual Staf SB, J8, para 13)

Berdasarkan kenyataan yang diberi oleh dua orang pegawai penjara ini seolah-olah menggambarkan suatu harapan yang sukar, suatu perasaan kekecewaan yang lahir daripada pegawai pemulihan. Tiada keyakinan bahawa residivis dapat berubah sikap dan akhlak mereka walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mengubah keadaan hidup yang lebih baik. Segala usaha baik yang dilakukan nampaknya sia-sia dan tidak berhasil.

Namun bagitu sejauhmanakah keberkesanan program ini dapat memberi pengajaran dan berfaedah terhadap kehidupan mereka selepas mereka dibebaskan?. Persoalan ini berkaitan dengan kekerapan residivis ini terlibat semula dengan melakukan

kesalahan jenayah, terlibat dengan kes penagihan dan pengedaran dadah. Hasil analisis kajian menunjukkan sebanyak 83 peratus residivis terlibat semula dengan jenayah, ditangkap dan menjalani semula hukuman penjara dalam tempoh 36 bulan selepas dibebaskan. (Rujuk Jadual 4.19).

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan program PPI mendapat persepsi positif dalam kalangan residivis tetapi mereka tidak mendapat peluang secukupnya untuk mengikuti program tersebut kerana tempoh hukuman berbeza. Situasi ini menyebabkan pelaksanaan program pemulihan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

4.5 Faktor Diri Residivis

Dalam kajian ini tahap kebolehpercayaan dalam ujian rintis berkaitan dengan pemboleh ubah faktor diri residivis, *cronbach alpha* ialah 0.88. Min bagi faktor diri residivis adalah tinggi iaitu 3.67 dan nilai sisihan piawai 0.43.

Hasil analisis kajian menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa faktor diri residivis sendiri menjadi penyebab mereka terlibat dengan masalah residivisme. Sebanyak 152 responden bersamaan 66 peratus menyatakan sedemikian. Sebanyak 46 responden bersamaan 20 peratus menyatakan tidak pasti dan sebanyak 31 responden bersamaan 13 peratus menyatakan tidak setuju.

Penemuan ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Chuah (1990) 'Keyakinan Diri Penagih Dadah' dan kajian yang dijalankan oleh Fauziah, Bahaman, Mansor dan Mohamad (2008) 'Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN Di Semenanjung Malaysia, Menurut kajian yang dilakukan oleh Brady et al. (1995) terhadap 82 orang penagih dadah mendapati 60 peratus mempunyai harga diri yang rendah. Faktor kurang keyakinan diri yang merupakan faktor utama yang menjadi penyumbang terbesar terhadap kecenderungan penagih relaps. Hasil kajian itu mendapati 58 peratus bersetuju bahawa residivis tidak mempunyai tahap keyakinan diri yang mantap sehingga mendorong mereka terjebak semula dengan dadah.

Daripada 17 pernyataan yang terdapat dalam faktor diri residivis, hanya 2 pernyataan sahaja responden tidak setuju bahawa pernyataan tersebut menjadi punca kepada mereka terlibat dengan masalah residivisme. Ini bermakna 15 pernyataan lain responden faktor menyebabkan mereka melakukan jenayah berulang. Antara pernyataan tersebut iaitu '*saya merasa kehidupan saya di penjara lebih terjamin berbanding kehidupan saya di luar penjara*' didapati 19 peratus responden sangat tidak setuju, 27 peratus tidak setuju, 22 peratus tidak pasti, 24 peratus setuju dan sebanyak 8 peratus responden sangat setuju.

Sementara itu, bagi kenyataan '*saya merasa keperluan asas di dalam penjara lebih teratur*'. Sebanyak 49 peratus menyatakan setuju, 13 peratus sangat setuju, 13 peratus tidak pasti, 13 peratus tidak setuju dan 12 peratus sangat tidak setuju bahawa

mereka merasa keperluan asas di dalam penjara lebih teratur berbanding keperluan tersebut di luar penjara. Kesimpulannya, ini bermakna hampir 62 peratus responden bersetuju bahawa kehidupan di penjara lebih terjamin dan teratur berbanding dengan kehidupan di luar penjara. Keperluan asas dan layanan yang diterima adalah baik. Situasi ini disokong dengan kenyataan yang diberikan oleh responden RA semasa ditemu bual menyatakan hidup dalam penjara tiada masalah, makan minum ada pada masa-masa yang ditetapkan. Begitu juga dengan kenyataan yang diberikan oleh responden RB merasakan hidup dalam penjara lebih selamat berbanding dengan dunia luar yang penuh dengan cemuhan dan prejudis walaupun di dalam penjara tiada kebebasan.

Masuk penjara tak rugi. Bagi saya penjara ini bukan neraka, ini tempat kita belajar. Betul apa-apa kita buat silap. Semua orang nak jadi baik, nak tukar perangai jadi baik. Tapi kita tak boleh paksa orang jadi baik, kalau diri orang itu sendiri tidak mahu jadi baik... Bagi saya duduk mana penjara sama juga. Tiada masalah.

(Lampiran C1 - Temubual Respondan RA – J8)

Berhubung dengan kenyataan samaada '*benar-benar insaf selepas menjalani hukuman penjara yang lalu*' hasil kajian mendapati 14 peratus responden sangat setuju, 44 peratus setuju, 33 peratus tidak pasti, 6 peratus tidak setuju dan 4 peratus sangat tidak setuju.

Penemuan penyelidikan ini menunjukkan bahawa hampir 60 peratus responden merasa insaf selepas mereka menjalani hukuman penjara. Ketidakpastian yang agak tinggi kerana kurang kepercayaan dan keyakinan terhadap diri sendiri. Mungkin

residivis telah beberapa kali mencuba untuk mengubah keadaan hidup tetapi gagal. Sebanyak 55 peratus setuju dan 27 peratus sangat setuju untuk berbuat demikian.

Sebenarnya residivis merasa menyesal penglibatan mereka dalam kes-kes jenayah berulang yang dilakukan. Sebanyak 59 peratus setuju dan 24 peratus sangat setuju, mereka rasa menyesal dan mempunyai keazaman yang tinggi untuk mengubah tingkah laku mereka. Perasaan insaf dan menyesal ini hanya menebal semasa residivis menjalani hukuman penjara sahaja. Keperitan hidup menjalani hukuman penjara tanpa kebebasan menjadi suatu tekanan dalam hidup mereka. Sebenarnya residivis tidak mempunyai jati diri yang kukuh. Mereka kurang mempunyai kekuatan fizikal, mental dan kekuatan kerohanian untuk mengawal diri daripada melakukan kesalahan apabila berhadapan dengan masalah hidup yang mencabar.

Hasil kajian juga mendapati 47 peratus setuju, 25 peratus sangat setuju, 15 peratus tidak pasti dan 13 peratus tidak setuju bahawa maruah diri mereka tercemar kerana berulang kali menjalani hukuman penjara. Sebanyak 46 peratus setuju dan 17 peratus sangat setuju dan merasa malu dan rendah diri apabila dibebaskan dari penjara. Ini bermakna kesan melakukan kesalahan jenayah itu juga melibatkan maruah diri dan harga diri tercemar. Perasaan rendah diri, malu dan menyesal ini merupakan suatu hukuman akan akan terus dipikul selepas bebas. Tidak seratus peratus residivis beragama Islam bertaubat tetapi hanya 45 peratus setuju, 14 peratus sangat setuju dan 36 peratus tidak pasti tidak akan melakukan jenayah lagi. Keadaan ini menunjukkan residivis kurang keinsafan, kesedaran, kepercayaan diri sendiri dan

kehendak yang bersungguh-sungguh untuk melakukan kebaikan dan menghindar diri daripada melakukan kemungkaran.

Kelemahan jati diri residivis sendiri menghadapi tekanan hidup, kurang keinsafan, kesungguhan dan keazaman untuk berubah dari kepompong penyelewengan menyebabkan mereka kembali melakukan jenayah atau penagihan dadah semula.

Kenyataan yang diberikan oleh kaunselor menyokong masalah ini.

Tiada kesedaran diri dan tidak mahu berubah. Tiada jati diri yang kukuh. Mudah kecewa apabila menghadapi konflik atau cabaran... Penyertaan dalam program pemulihan khususnya PPI adalah secara terpaksa bukan di atas kehendak diri sendiri. Mereka merasakan aktiviti yang dijalankan itu hanya untuk menghabiskan waktu yang terluang semasa mereka menjalani hukuman. Mereka bersikap tidak bersungguh-sungguh untuk berubah...

(Lampiran C2 - Temubual Kakitangan ZZ- J 6 (iii) & (iv))

Walaupun residivis nampak benar-benar insaf dan bertaubat tidak akan mengulangi lagi kegiatan jenayah semasa menjalani hukuman penjara tetapi setelah bebas mereka terlibat semula dengan kegiatan jenayah, penagihan dadah dan penegedaran dadah. Akhirnya ditangkap dan menjalani semula hukuman penjara. Ini mungkin kerana lebih 32 peratus residivis merasakan kehidupan mereka di penjara lebih terjamin berbanding dengan kehidupan di luar penjara. Sebanyak 59 peratus merasa menyesal di atas penglibatan mereka dengan jenayah. Sebanyak 44 peratus bersetuju mereka insaf selepas menjalani hukuman penjara tetapi disebabkan pengaruh persekitaran sosial yang tidak dapat dikawal, tekanan persekitaran dan kelemahan diri mereka sendiri menyebabkan mereka mengulangi semula kegiatan jenayah. Oleh itu, kajian Foong Kin dan Navaratnam (1987) mendapati penagih dadah yang

dipenjarakan serta penagih dadah yang ditahan polis, antara tahun 1985 hingga 1986, menagih dadah melalui pengaruh rakan sebaya untuk mencari keseronokan selaras dengan kajian ini. Kajian Navaratnam, Foong Kin dan Kulalmoli (1992) menunjukkan bekas pelatih menagih semula disebabkan rakan. Kajian ini menyokong bahawa. Hasil kajian menyokong dan mempunyai persamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Penjara Malaysia (2008) bahawa konflik dalaman menyumbang kepada faktor residivisme.

Rakan sebaya dan perasaan ingin tahu mempunyai hubungan dengan penagih dadah. Kajian oleh Abraham dan Teplin (1990) ke atas 728 pelatih pusat pemulihan Department of Correction (CCDC) di Chicago antara 1983 dan 1984 mendapati perlakuan ganas dan jenayah mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah penagih dadah. Mereka mempunyai harga diri yang negatif. Residivis mempunyai jati diri yang rendah, persepsi terhadap diri sendiri adalah negatif.

Jadual 4.25: Faktor Diri Residivis
(n=230)

Faktor Diri Residivis	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Saya benar-benar insaf selepas menjalani hukuman penjara yang lalu.	8	4	14	6	75	33	102	44	31	14
Saya dapat mematuhi peraturan dan disiplin yang ditetapkan.	6	3	4	2	26	11	154	67	40	17
Saya merasa menyesal di atas penglibatan diri saya dengan kes jenayah yang lalu.	4	2	7	3	30	13	135	59	54	24
Sebelum bebas dari penjara bagi kesalahan yang lalu saya telah membuat perancangan masa depan secukupnya.	6	3	15	7	63	27	110	48	36	16
Saya merasa diri saya telah dipulihkan selepas menjalani hukuman.	2	1	10	4	95	41	92	40	31	14
Saya mengambil peluang yang terbaik semasa menjalani hukuman untuk mengikuti program pemulihan.	0	0	8	4	29	13	145	63	48	21
Saya mempunyai keazaman yang tinggi untuk mengubah tingkah laku saya.	0	0	6	3	34	15	127	55	63	27
Saya gagal mengawal diri daripada dipengaruhi oleh rakan sebaya semasa menjalani hukuman penjara pada masa lalu.	10	4	42	18	77	34	79	34	22	10
Selepas menjalani hukuman penjara yang lalu saya bertaubat dan tidak akan mengulangi lagi kegiatan jenayah.	2	1	10	4	82	36	104	45	32	14
Saya merasa malu dan rendah diri apabila dibebaskan dari penjara.	12	5	39	17	36	16	105	46	38	17
Saya gunakan sepenuhnya tempoh menjalani hukuman untuk membetul tingkah laku saya bagi membina kehidupan baru.	5	2	6	3	23	10	142	62	54	24
Saya merasa kehidupan saya dipenjara lebih terjamin berbanding kehidupan saya di luar penjara.	44	19	63	27	50	22	55	24	18	8
Saya banyak mempelajari perlakuan jenayah daripada kawan-kawan semasa menjalani hukuman penjara.	37	16	70	30	49	21	1	27	13	6
Saya merasa keperluan asas kehidupan saya di dalam penjara seperti makan minum lebih teratur.	29	12	30	13	30	13	112	49	29	13
Saya menyedari bahawa saya perlu lebih bertanggungjawab kepada keluarga yang saya tinggalkan.	1	1	4	2	13	6	119	52	93	40
Saya mampu membentuk jati diri yang unggul selepas mengikuti program pemulihan.	2	1	3	1	41	18	142	62	42	18
Saya merasa maruah diri saya tercemar apabila berulang kali menjalani hukuman penjara.	7	3	22	10	35	15	108	47	58	25

Berkaitan dengan kenyataan '*saya banyak mempelajari perlakuan jenayah daripada kawan-kawan semasa menjalani hukuman penjara*' didapati 16 peratus responden sangat tidak setuju, 30 peratus tidak setuju, 21 peratus tidak pasti, 27 peratus bersetuju dan 6 peratus sangat setuju. Ini bermakna lebih 50 peratus responden tidak bersetuju bahawa mereka banyak mempelajari perlakuan jenayah daripada kawan-kawan semasa menjalani hukuman penjara. Perlakuan jenayah berulang bukan sahaja boleh dipelajari di dalam penjara tetapi juga dipelajari semasa berada di luar penjara. Kedua-dua kenyataan item tersebut bukanlah punca yang kukuh menyebabkan masalah residivisme. Jadual 4.25 memerihalkan dapatan kajian bagi pernyataan faktor diri residivis. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan responden yang menyatakan bersetuju bahawa faktor diri residivis penyebab kepada mereka terlibat dengan masalah tersebut terdiri daripada mereka telah menjalani hukuman penjara kali ke dua, iaitu sebanyak 30 peratus, kali ketiga sebanyak 18 peratus dan kali keempat sebanyak 15 peratus.

*Jadual 4.26: Jadual Silang Hubungan Kekerapan dan Faktor Diri Residivis
(n=230)*

Kekerapan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Jumlah
Kali 1	1	2	3	6 (3%)
Kali 2		17	52	69 (30%)
Kali 3		19	22	41 (18%)
Kali 4		11	24	35 (15%)
Kali 5		6	16	22 (10%)
Kali 6		4	6	10 (4%)
Kali 7		7	5	12 (5%)
Kali 8		3	8	11 (5%)
Kali 9		1	5	6 (3%)
Kali 10		3	4	7 (3%)
Lebih 11 kali		0	11	11 (4%)
Jumlah	1	73	156	230
Peratus	(0.5%)	(31.7%)	(67.8%)	(100%)

Hasil kajian ini menunjukkan hubungan silang kekerapan residivis menjalani hukuman penjara dengan faktor diri residivis mempunyai hubungan yang signifikan. Sebanyak 67.8 peratus setuju, 31.7 peratus tidak pasti bahawa faktor kelemahan diri menyebabkan mereka melakukan kesalahan berulang kali. Jadual 4.26 memerihalkan dapatan jadual silang hubungan kekerapan menjalani hukuman penjara dan faktor diri residivis.

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa kelemahan diri residivis sendiri menjadi faktor yang kuat menyebabkan berlakunya masalah residivisme. Mereka kurang keyakinan dan kepercayaan diri untuk bertindak bagi menghadapi cabaran dan perubahan.

4.6 Faktor Keluarga dan Masyarakat

Dapatan daripada hasil keseluruhan purata kajian menunjukkan bahawa faktor keluarga dan masyarakat bukanlah menjadi penyebab utama kepada masalah residivisme. Analisis dapatan kajian menunjukkan faktor keluarga dan masyarakat adalah sederhana iaitu min 2.89 dengan nilai sisihan piawai 0.79. Sebanyak 89 responden (39%) tidak bersetuju dengan faktor itu menyebabkan masalah tersebut, 86 responden (37%) setuju dan 55 responden (24%) tidak pasti. Jadual 4.27 menunjukkan item-item yang terdapat dalam faktor keluarga dan masyarakat.

Hasil analisis yang dijalankan berkaitan dengan faktor keluarga bagi item *'selepas saya dibebaskan dari penjara bagi kesalahan yang lalu, keluarga saya sukar menerima saya'*, analisis menunjukkan seramai 136 responden (60%) daripada jumlah responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju, manakala 61 responden (27%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan seterusnya 33 responden (14%) tidak pasti kenyataan itu menjadi penyebab kepada masalah residivisme. Ini bermakna hubungan dengan keluarga tiada masalah dan keluarga sedia menerima residivis apabila dibebaskan dari penjara.

Jadual 4.27: Faktor Keluarga dan Masyarakat
(n=230)

Faktor Keluarga dan Masyarakat	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Selepas saya dibebaskan dari penjara bagi kesalahan yang lalu, keluarga saya sukar menerima saya.	68	30	68	30	33	14	46	20	15	7
Saya merasa tertekan tinggal bersama keluarga.	73	32	93	40	22	10	36	16	6	3
Saya merasa diri saya dipandang rendah oleh keluarga dan masyarakat.	46	21	64	28	55	24	54	24	11	5
Saya cuba membina keyakinan dan hubungan baik dengan keluarga tetapi gagal.	34	15	82	36	53	23	49	21	12	5
Saya merasa tanggungjawab kepada keluarga tidak dijalankan dengan sempurna.	17	7	44	19	56	24	96	42	17	7
Saya jarang terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan ditempat saya.	21	9	61	27	47	20	82	36	19	8
Masyarakat sering melabel diri saya sebagai bekas banduan.	24	10	42	18	66	29	77	34	21	9
Masyarakat nampaknya kurang memberi kepercayaan dan sokongan kepada saya.	20	9	48	21	59	26	75	33	28	12
Masyarakat merasa kurang senang dan selamat apabila saya dibebaskan dari penjara.	29	13	57	25	72	31	56	24	16	7
Saya cuba membina kepercayaan dan menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat tetapi gagal.	20	9	17	7	52	23	70	30	75	33
Saya cuba menjauhkan diri dari rakan sebaya daripada terlibat dengan gejala negatif tetapi gagal.	21	9	34	15	55	24	94	41	26	11
Saya merasa tertekan apabila berada dalam masyarakat.	24	10	81	35	68	30	46	20	11	5
Saya sering menjadi perhatian masyarakat apabila dibebaskan dari penjara.	17	7	48	21	83	36	62	27	20	9

Dapatan daripada analisis juga mendapati kebanyakan responden menyatakan persepsi tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap item '*saya merasa tertekan tinggal bersama keluarga*' yang mempengaruhi menyebabkan masalah residivisme.

Hasil analisis menunjukkan bahawa 73 responden (32%) menyatakan sangat tidak

setuju, manakala selebihnya iaitu seramai 93 responden (40%) menyatakan setuju dan 22 responden (10%) tidak pasti, 36 responden (16%) setuju dan 6 responden (3%) sangat setuju. Ini bermakna 19 peratus residivis merasa tertekan tinggal bersama keluarga selepas dibebaskan dari penjara. Manakala 72 peratus keluarga sedia menerima walaupun mereka berulang kali melakukan kesalahan dan menjalani hukuman penjara. Sebanyak 10 peratus yang tidak pasti merasa tertekan atau tidak mungkin tidak tinggal bersama keluarga selepas bebas dari penjara.

Analisis juga menunjukkan sebanyak 110 responden (49%) menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap item '*saya merasa diri saya dipandang rendah oleh keluarga dan masyarakat*' menjadi punca kepada masalah residivisme. Didapati 64 responden (28%) menyatakan tidak setuju, sebanyak 46 responden (21%) sangat tidak setuju, dan 54 responden (24%) setuju dan 11 responden (5%) sangat setuju. Ini bermakna keluarga tidak memandang rendah terhadap residivis, keluarga sedia menerima mereka sekiranya mereka benar-benar insaf dan tidak lagi terlibat dengan kegiatan jenayah atau penagihan dadah. Perkara yang tidak boleh diterima oleh kerluarga ialah perbuatan mereka, tingkah laku dan sikap residivis yang gagal berubah bukan diri residivis.

Begitu juga item '*saya cuba membina keyakinan dan hubungan baik dengan keluarga tetapi gagal*'. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 34 responden (15%) sangat tidak setuju, sebanyak, 82 responden (36%) tidak setuju, sebanyak 53 responden (23%) menyatakan tidak pasti, sebanyak 49

responden (21%) setuju dan sebanyak 11 responden (5%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Ini adalah kerana bagi residivis selepas bebas daripada penjara ada juga peluang telah diberikan oleh keluarga untuk mengubah diri mereka menjadi lebih baik. Mereka tidak akan mengulangi perbuatan seperti sebelum ini. Ini menunjukkan hampir 50 peratus cuba menjalin hubungan baik dengan keluarga selepas bebas tetapi gagal dan separuh lagi dapat menjalin hubungan baik dengan keluarga. Masalah hubungan kekeluargaan ini disokong berdasarkan kajian yang dijalankan Fauziah dan rakan-rakan (2008) faktor penyumbang kepada penagihan releps dikalangan penagih menyatakan 57 peratus responden tidak merasa selesa menceritakan masalah kepada keluarga. Sementara itu, Mohd Taib dan Mohd Khairi (2000) melaporkan wujud komunikasi yang longgar dan interaksi yang kurang berkesan dalam kalangan ahli keluarga.

Lawatan keluarga residivis semasa mereka menjalani hukuman memberi impak positif dan dapat merapatkan hubungan kekeluargaan. Tetapi bagi residivis yang tidak pernah dilawati oleh keluarga semasa menjalani hukuman penjara, ini menimbulkan masalah apabila bebas. Menurut laporan Pegawai Rekod Penjara Taiping dari riaksi yang ditunjukkan oleh keluarga semasa lawatan kerumah keluarga RB untuk menerima kembali bekas banduan adalah sukar. Menurut beliau, agak sukar mendapat persetujuan waris residivis RB yang akan dibebaskan setelah mendapat pengampunan untuk menerima kembali tinggal bersama mereka. Persetujuan menerima adalah dalam keadaan terpaksa. Bukan dengan respons yang positif tetapi dengan dilema dan masalah.

Dalam konteks ini, sokongan daripada keluarga sangat penting bagi membantu menjayakan proses pemulihan. Sokongan yang berterusan akan lebih mudah mengintegrasikan residivis ke dalam masyarakat.

Begitu dengan faktor '*saya merasa tertekan apabila berada dalam masyarakat*', kebanyakan responden menyatakan tidak setuju iaitu seramai 81 (35%), sangat tidak setuju 24 responden (10%), tidak pasti 68 responden (30%), setuju 46 (20%) dan sangat setuju 11 (5%) responden menyatakan sedemikian. Ini menunjukkan apabila mereka dibebaskan dari penjara mereka akan berfikiran positif iaitu mereka merasa diri mereka tidak tersisih dan kurang merasakan tekanan hidup dari persekitaran masyarakat sekeliling. Keadaan ini agak bertentangan dengan penemuan kajian Mahmood (1996), Fauziah (2000) yang melaporkan 63.8 peratus kurang diterima baik oleh masyarakat sekeliling dan pengakuan yang diberikan oleh residivis RA semasa temubual menyatakan;

'Mereka tahu kita bekas banduan... Apa-apa hilang mereka tuduh kita... Kita ingat susah juga mahu hidup macam ini. Kita terpaksa jumpa kawan-kawan lama juga yang sama macam kita. Tak ada orang lagi yang boleh kita kawan'.

(Lampiran C1- Temubual RA, J12 - J13)

'Saya ingat apabila bebas mahu tinggal di rumah orang tua. Anak bini pun tak tahu mana dia orang duduk. Saya ingat tak mahu balik ke Batu Gajah lagi kerana takut jumpa kawan-kawan lama nanti terlibat balik dengan kes jenayah. Saya hendak tinggal di rumah orang-orang tua di Taiping atau mana-mana tempat'.

(Lampiran C1-Temubual RC, J13)

Namun begitu, kenyataan '*masyarakat merasa kurang senang dan selamat apabila saya dibebaskan dari penjara*', kebanyakan responden menyatakan mereka tidak pasti sama ada masyarakat dapat menerima mereka kembali atau tidak. Hasil analisis menunjukkan seramai 72 responden (31%) menyatakan tidak pasti, 29 responden (13%) sangat tidak setuju, 57 responden (25%) tidak setuju, 56 responden setuju (24%) dan 16 responden (7%) sangat setuju. Ini bermakna masyarakat dan residivis masing-masing merasa sedikit kebimbangan untuk kembali dalam hidup dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 7 item yang menunjukkan kebanyakan responden menyatakan setuju penyebab kepada mereka terlibat dengan masalah residivisme. Antaranya kenyataan '*saya merasa bertanggungjawab kepada keluarga tidak dijalankan dengan sempurna*', didapati 96 responden (42%) setuju, 7% sangat tidak setuju, 19% tidak setuju, 24% tidak pasti dan 7% sangat setuju bahawa kenyataan tersebut. Ini bermakna responden merasakan diri mereka masih mempunyai tanggungjawab kepada keluarga dan masyarakat tetapi tidak dapat dijalankan.

Kajian di Malaysia mengenai pengaruh masyarakat terhadap penagih dadah yang dijalankan oleh Dittmar, Ratnasingam dan Navaratnam (1984), Navaratnam, Foong Kin dan Kulalmoli (1992) dan Abdullah Al Hadi dan Iran Herman (1997) yang melihat dari sudut pandangan penagih dadah dan sudut pandangan masyarakat dalam aspek moral dan etika mendapati penagih telah menunjukkan sikap yang positif

tetapi keadaan ini bertentangan dengan masyarakat yang mana penagih dadah sering dianggap menentang dan mengabaikan nilai-nilai masyarakat. Sikap negatif ahli masyarakat terhadap residivis penagih dadah menyebabkan mereka merasa terasing dan akan mengulangi tabiat penagihan semula dadah untuk mencari ketenangan dan menyelesaikan konflik diri. Apa yang dihadapi oleh responden ada kebenaran dengan kajian ini.

Menurut laporan Noor Azniza Ishak Ketua Penyelaras, Program Psikologi & Kaunseling, Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia menyatakan untuk mengurangkan masalah residivisme dan memaksimumkan koreksional atau pemulihan, terdapat tiga faktor utama yang perlu diberi perhatian iaitu penyediaan pekerjaan, sokongan keluarga dan penempatan. Ini bermakna faktor penempatan atau tempat tinggal mempengaruhi dan menyebabkan masalah residivisme yang mana keperluan asas mereka gagal dipenuhi seperti tiada pekerjaan, gagal mendapat sokongan serta kasih sayang daripada keluarga dan persepsi negatif masyarakat. Akibatnya bekas banduan ini terlibat semula dengan jenayah.

Begitu juga item '*saya cuba membina keyakinan dan hubungan baik dengan keluarga tetapi gagal*', hasil analisis menunjukkan sebanyak 82 responden (36%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut kerana bagi mereka selepas keluar daripada penjara ada juga peluang telah diberikan oleh keluarga untuk mengubah diri mereka menjadi lebih baik dan tidak akan mengulangi perbuatan seperti sebelum ini.

Begitu juga dengan kenyataan, *saya jarang terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan*, menunjuk seramai 82 (36%) responden setuju bahawa kenyataan tersebut menjadi mereka terlibat semula dengan perlakuan jenayah. Mereka merasakan diri mereka sudah tidak bermakna hidup dengan masyarakat. Masyarakat memandang sinis, intraksi dengan masyarakat berkurangan dan renggang. Keadaan ini apa yang diperkatakan oleh Gendreau (1999) sebagai suatu '*sanction*' terhadap residivis. Sokongan daripada keluarga merupakan elemen penting bagi mengatasi masalah residivisme Noor Azniza (2010). Budaya tidak mahu menerima bekas banduan sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat, dendam dan konsep 'padan muka' dan hukuman psikologi perlu dikikis dan digantikan dengan budaya menerima, memberi peluang dan bantuan. Ini bermakna ada sebahagian ahli masyarakat menerima dan sebahagian menolak residivis.

Analisis juga menunjukkan responden berasa tertekan, akibatnya terlibat kembali dengan jenayah. Masyarakat sering melabel diri residivis bekas banduan. Hasil analisis kajian menunjukkan kebanyakan mereka iaitu seramai 77 responden (34%) setuju yang menyatakan item tersebut punca kepada masalah residivisme.

Sama juga dapatan daripada hasil analisis item '*masyarakat nampaknya kurang memberi kepercayaan dan sokongan kepada saya*' menunjukkan sebanyak 75 responden (33%) setuju, 28 responden (12%) sangat setuju, 59 responden (26%) tidak pasti, 48 responden (21%) tidak setuju dan 20 responden (9%) sangat tidak

setuju dengan kenyataan tersebut. Kenyataan temubual responden RB menyokong permasalahan ini;

Bekas banduan macam saya ini hidup di luar memang susah. Kadang-kadang masyarakat pandang 'satu macam' saja. Ada sesetengah orang pandang bukan dengan pandangan untuk membantu tetapi pandang dengan penuh rasa curiga dan takut. Hidup saya penuh dengan cabaran dan tekanan. Kalau hati tidak kuat, tidak sabar, fikiran singkat, boleh terpengaruh balik dengan perangai kita yang lama. Tekanan dan cabaran ada di mana-mana disekeliling kita terutama daripada kawan-kawan lama yang menjadi penagih. Ada yang pernah keluar masuk penjara. Apabila fikir ini semua, saya rasa hidup di penjara lebih selamat, walaupun tempat ini orang tak suka.

(Lampiran C1 Temubual Responden RB, J14 para 19)

Hasil analisis ketiga-tiga persepsi tersebut menunjukkan kebanyakan responden setuju bahawa kenyataan tersebut juga menjadi punca kepada masalah residivisme.

Pengakuan yang diberi oleh responden RC menyatakan ;

'Saya ingin mengubah keadaan hidup tetapi halangan yang dihadapi semasa berada ditengah-tengah masyarakat ialah tekanan sekeliling persekitaran hidup. Masyarakat sering 'cakap belakang' tentang perkara-perkara buruk tentang diri saya, maklumlah saya bekas banduan dan bekas penagih pula. Masyarakat sekeliling jarang memberi kepercayaan, dorongan dan sokongan. Keadaan ini memberi tekanan kepada saya. Saya merasa bosan (fed up) dan seterusnya bawa diri dari masyarakat, campur balik dengan kawan-kawan lama yang mempunyai tabiat menagih dadah di kawasan Grik dan Kuala Kangsar, Perak dan terlibat kembali dengan penagihan dadah'.

(Lampiran C1-Temubual Responden RC, J11)

Pernyataan di atas menyokong kajian Chein (1984) iaitu apabila masyarakat tidak memberi sokongan dan memandang serong terhadap penagih, keadaan ini

menyebabkan tekanan, kurang keyakinan diri dan lemah untuk menghadapi cabaran dan tekanan hidup. Faktor tekanan masyarakat menyebabkan residivisme.

Begitu juga pengakuan yang diberikan oleh responden RA, ibunya meninggal dunia sewaktu melahirkannya, bapanya menyerahkan kepada bapa saudaranya sejak lahir. Sebanyak 12 kali menjalani hukuman penjara, 27 kali menjalani hukuman sebatan rotan dan jumlah hukuman penjara bagi semua kesalahan hampir 40 tahun. Terlibat dengan kesalahan merompak bersenjata, pecah rumah, bergaduh, mencuri dan sebagainya.

Masalah yang disuarakan oleh dua responden di atas ada kebenarannya dan disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Daley (1987), Hawkin dan Fraser (1987), Miller (1992), Yahaya dan Mahmood (2002), Fauziah dan rakan-rakan (2008) faktor yang menyumbang kepada penagihan relaps. Sokongan yang lemah daripada ahli keluarga dan masyarakat menyebabkan residivis kembali kepada penagihan dadah dan perlakuan jenayah. Situasi dan pola yang sama berlaku terhadap banduan kes dadah yang dibebaskan dari penjara. Intraksi dan sokongan yang lemah menyebabkan mereka menjadi residivis. Manakala menurut Box (1971) masalah stigmatisasi dan penolakan sosial merupakan masalah utama yang dihadapi oleh bekas banduan. Manakala menurut Lailly, Cullen dan Ball (2007) residivis sering menghadapi masalah pengasingan daripada masyarakat. Teori labeling yang dikemukakan oleh Tannenbaum (1938), Lemert (1951), Baker (1963) berkaitan dengan permasalahan ini. Seseorang itu menjadi penjenayah apabila ahli masyarakat atau individu yang

berpengaruh melebihi seseorang itu sebagai penjenayah. Situasi ini memberi kesan terhadap residivis.

Berlaku juga stigmatasi dan lebeling daripada kakitangan

Cara penyampaian anggota kurang berkesan. Secara umum kurang komitment daripada staf. Tiada kesungguhan anggota memikul tugas dan tanggungjawab. Anggapan banduan residivis ini memang tidak boleh berubah.

(Lampiran C2 , Temubual ZZ – J6)

Responden mengetahui bahawa beliau adalah anak angkat melalui Surat Beranak. Namun begitu kasih sayang yang diberikan oleh bapa saudara Gunasamy a/l Vello (bukan nama sebenar) kepadanya dengan anak-anaknya yang lain tiada berbeza tetapi hubungan dengan isteri bapa saudaranya tidak begitu baik. Responden RA dapat merasakan berlaku layanan yang berbeza, berlaku pilih kasih dengan anak-anaknya terutama terutama dalam perkara makan minum dan sebagainya.

Responden masih teringat ungkapan yang diberitahu oleh Mak Ciknya semasa kanak-kanak, semasa waktu makan menyatakan:

'kalau dengar periuk diketuk tiga kali, ini bermaksud nasi telah habis'.

(Lampiran C1 - Temubual RA, J2)

Ungkapan ini masih subur dalam ingatannya sehingga hari ini. Ia teringat beberapa kali tidak dapat makan kerana nasi telah habis. Makanan tersebut terlebih dahulu diberikan kepada anak-anak mak ciknya.

Menyingkap kembali keperitan hidupnya ini timbul rasa marah, kecil hati, pernah beberapa kali tidak dapat makan. Tekanan perasaan ini cuba disembunyikan daripada bapa saudaranya. Oleh kerana itu responden merasa kecewa, hidupnya tertekan, hatinya tidak merasa gembira tinggal bersama bapa saudaranya, keadaan hidupnya terbiar, ada perasaan pilih kasih daripada mak ciknya. Akhirnya mengambil keputusan keluar dari rumah menjadi kanak-kanak terbiar.

Responden lari ke Malim Nawar tinggal bersama seorang lelaki India dan bekerja memelihara lembu. Kandang lembu menjadi rumahnya hampir 4 tahun. Ia menjadi kanak-kanak yang terbiar tanpa pendidikan, kasih sayang dan perhatian daripada penjaga. Cuba mencari tempat tinggal yang selamat, tempat yang tiada penjenayah tetapi gagal. Menurut responden RA, sekiranya pihak polis menerima laporan daripada orang awam berlaku kes pecah rumah, samun dan sebagainya namanya sering menjadi perhatian pihak polis. Kadang kala ia ditahan di lokap untuk siasatan oleh pihak polis selama dua atau tiga minggu kemudian dibebaskan kerana tiada bukti untuk didakwa. Sekiranya mempunyai bukti, ia akan disabitkan dengan kes jenayah yang berlaku. Beberapa kes yang lain akan menyusuli dan responden disabitkan walaupun responden tidak melakukan semua kesalahan jenayah tersebut. Responden merasa tidak puas hati tentang pertuduhan seperti ini kerana beliau tidak terlibat tetapi terpaksa mengaku salah kerana dipujuk secara paksa oleh pihak polis. Sekiranya beliau mengaku salah semua pertuduhan akan selesai dan hukuman akan berjalan serentak. Menurut responden inilah cara pihak polis menyelesaikan kes-kes jenayah yang berlaku. Maka beliau akan menjadi mangsa '*kambing hitam*' bagi kes-

kes jenayah. Dalam situasi yang dinyatakan, semasa temu bual didapati berlaku apa yang dikatakan runding akuan (*plea bargain*) Reid (1982) dalam sistem keadilan jenayah dalam proses pendakwaan.

Menurut responden apabila beliau dijatuhkan hukuman maka beberapa Waran Pemenjaraan akan menyusuli yang disabitkan dengan kesalahan dan hukuman. Namun begitu subjek merasa dirinya masih baik berbanding dengan kawan-kawanya yang lain kerana ia tidak menjadi 'kaki botol', tidak merokok dan tidak menagih dadah. Merompak untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan harian untuk hidup dan 'enjoy'. Bukan untuk kesenangan.

Hasil analisis kes ini dapat dirumuskan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan masalah residivisme adalah seperti berikut;

Pertama, keadaan kehidupan residivis yang tidak teratur di peringkat kanak-kanak, remaja dan sehinggalah dewasa. Hidupnya dalam keadaan terbiar sejak kecil tanpa mendapat kasih sayang ibu bapa, tiada didikan yang sempurna, tiada tempat tinggal yang selamat, tanpa makan minum yang cukup dan teratur menyebabkan responden menjadi kanak-kanak yang terbiar dan terpinggir. Menghadapi tekanan dalaman dan luaran sejak kecil sehingga dewasa. Maka dalam keadaan ini responden mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif. Perkembangan fizikal, mental dan pembentukan tingkah laku bukan dalam acuan yang diperlukan oleh masyarakat.

Teori hirarki keperluan asas manusia yang diasaskan oleh Maslow (1954) tentang keperluan fisiologi jelas membuktikan masalah yang dinyatakan.

Menurut Gad dan Johnson (1980) mengatakan kesalahan berulang berlaku disebabkan oleh masalah gangguan psikologi dalam proses penyesuaian emosi dalam peringkat umur terutama di peringkat remaja. Jika seseorang itu masih belia kemungkinan untuk mengulangi perlakuan penyelewengan seperti menagih dadah dan melakukan jenayah adalah tinggi. Ini adalah kerana pada tahap umur ini seseorang itu mudah terpengaruh dengan rakan sebaya. Pengakuan responden RA bahawa umurnya semakin tua, tenaganya semakin kurang dan tidak mahu lagi terlibat dengan apa-apa kegiatan jenayah membuktikan bahawa faktor umur juga mempengaruhi masalah residivisme. Manifestasi pengakuan ini menggambarkan suatu penyesalan dan keinsafan dari perlakuan jenayah yang lalu dan kemungkinan mengulangi perbuatan tersebut adalah rendah kerana umurnya semakin tua dan tenaga fizikal semakin kurang. Perpecahan dan krisis keluarga juga menyumbang kepada masalah yang sama.

Kajian yang dilakukan oleh Marvin (1972) dalam mengkaji awal masalah pesalah remaja mempunyai persamaan dengan kes ini. Dalam kajian masalah residivisme di Pennsylvania oleh David dan Daniel (2009; 9) dalam tajuk '*Measuring and Analyzing Juvenile Recidivism in Rural and Urban Pennsylvania*' dari tahun 1997–2005, hasil penyelidikan ini mendapati 3 peratus hingga 30 peratus serta pendapatan perkapita yang rendah menyebabkan remaja terlibat dengan kegiatan jenayah dan tingkah laku

negatif. Didapati kadar residivism di luar bandar agak rendah iaitu 16 peratus berbanding kawasan bandar sebanyak 20 peratus.

Kedua, faktor persekitaran sosial dan pengaruh rakan sebaya sangat kuat mempengaruhi pembentukan tingkah laku jenayah seperti mencuri, rompakan bersenjata, samun berkumpulan, peras ugut dan sebagainya. Teori behaviorisme yang dikemukakan oleh Thondike (1958) menegaskan persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan personaliti dan proses pembelajaran seseorang. Pembentukan tingkah laku boleh terbentuk melalui proses pelaziman. Oleh itu persekitaran sosial yang tidak selamat boleh menyebabkan masalah residivisme.

Ketiga, masalah tiada pekerjaan yang tetap, tempat tinggal yang selamat dan penjagaan yang sempurna menyebabkan berlaku masalah residivisme. Kegiatan jenayah seperti jenayah mencuri, merompak bukan untuk mendapat kemewahan hidup tetapi untuk mendapatkan keperluan asas untuk hidup seperti makan minum, pakaian, perlindungan, keselamatan dan sebagainya. Masalah ini disokong dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Noor Azniza (2010) yang menekankan bahawa untuk menangani residivisme keperluan pekerjaan, penempatan dan sokongan daripada keluarga amat diperlukan. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah & rakan (2008) berkaitan dengan faktor penyumbang kepada penagihan relaps dalam kalangan penagih dadah, kurang interaksi dan komunikasi penagih dengan selain daripada faktor kurang keyakinan diri dan persekitaran sosial.

Keempat, tempoh hukuman penjara yang dilalui lebih kurang berjumlah 40 tahun. Ini merupakan suatu tempoh hukuman yang cukup lama. Walaupun hukuman sebat dikenakan untuk memberi kesedaran, keinsafan dan membentuk tingkah lakunya yang keras bagi membentuk supaya menjadi manusia yang baik, tetapi gagal. Dari perspektif psikologi sosial yang dikemukakan oleh Edwin dan Donald (1978) yang menyatakan bahawa residivisme terbentuk dari ‘*simple habit formation*’ yang mana perlakuan jenayah yang berterusan menjadi suatu kebiasaan. Hukuman penjara dan sebatan rotan tidak menjadi suatu yang menakutkan atau ‘*deterrent*’ kerana hukuman dan situasi seperti itu telah berkali kali dilalui dan dirasai. Kajian yang dilakukan oleh Glueck dan Sheldon (1978) menyatakan penglibatan seseorang dengan kegiatan jenayah dipengaruhi tahap usia dalam hidupnya mungkin ada kebenaran dengan pengakuan yang diberikan oleh responden. Ini berasaskan pengakuan responden RA sendiri yang menyatakan program pemulihan di penjara memang baik tetapi katanya:

‘Kita tidak boleh paksa orang jadi baik, kalau diri orang itu sendiri tidak mahu jadi baik. Penjara memang baik, ada kerja, ada makan cukup, kalau ikut itu tiada masalah’... Bagi saya mana penjara sama juga, tiada masalah’.
(Lampiran C1 - Temubual RA, J8)

Daripada kenyataan ini, jelas membuktikan bahawa wujud kesedaran, keinsafan, kesungguhan, keazaman dan kekuatan jati diri residivis sendiri untuk mengubah pandangan hidup. Ada keinginan untuk mengubah tingkahlaku bagi menjadi residivis yang berjaya. Harapan dan keazaman ini memerlukan bimbingan dan sokongan pihak penjara, keluarga, masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan kerajaan serta bukan kerajaan. Menyedari umurnya semakin tua, tenaga semakin kurang,

rakan karibnya baru meninggal dunia di penjara, situasi ini telah menimbulkan rasa insaf kepadanya untuk membentuk corak hidup baru apabila dibebaskan kelak. .

Berkaitan hubungan silang kekerapan menjalani hukuman penjara dengan faktor keluarga dan masyarakat adalah seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.28 seperti berikut;

Jadual 4.28: Jadual Silang Kekerapan dan Faktor Keluarga & Masyarakat

Pembolehubah	Faktor Keluarga dan Masyarakat			Jumlah
	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	
Kali 1	4	2	0	6 (3%)
Kali 2	26	34	9	69 (30%)
Kali 3	14	19	8	41 (18%)
Kali 4	4	21	10	35 (15%)
Kali 5	6	7	9	22 (10%)
Kali 6	1	4	5	10 (4%)
Kali 7	2	9	1	12 (5%)
Kali 8	0	6	5	11 (5%)
Kali 9	1	3	2	6 (3%)
Kali 10	2	3	2	7 (3%)
> 11 kali	3	4	4	11 (4%)
Jumlah	63	112	55	230
Peratus	(27.4%)	(48.7%)	(23.9%)	(100%)

Hasil kajian menunjukkan seramai 112 orang responden bersamaan 48.7 peratus menyatakan tidak pasti bahawa faktor keluarga dan masyarakat penyebab kepada mereka terlibat dengan masalah residivisme. Keadaan ini mungkin kerana pada peringkat permulaan residivis terlibat dengan jenayah keluarga masih boleh menerima tetapi apabila perbuatan yang sama berulang penolakan keluarga mungkin berlaku. Selebihnya mereka tidak setuju sebanyak 27.4 peratus dan setuju sebanyak 23.9 peratus. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan responden yang menyatakan tidak pasti faktor keluarga dan masyarakat menjadi penyebab masalah tersebut terdiri daripada mereka telah menjalani hukuman penjara kali kedua, iaitu seramai 69 orang responden bersamaan 30 peratus. Hasil kajian dapatan jadual silang menunjukkan kebanyakan responden yang menjalani hukuman penjara kali kedua menyatakan faktor keluarga dan masyarakat bukanlah menjadi penyebab kepada mereka terlibat dengan masalah residivisme, iaitu seramai 34 orang responden bersamaan 30 peratus tidak pasti dan 41 peratus tidak setuju menyatakan sedemikian. Hasil kajian juga menunjukkan kekerapan menjalani hukuman penjara bagi kali kedua dan ketiga, yang mana responden meletakkan harapan yang tinggi kepada keluarga dan masyarakat agar terus menerima dan memberi sokongan kepada mereka bagi membina hidup baru.

Kesimpulannya, faktor keluarga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah residivisme. Hasil kajian yang dibincangkan diatas menyokong faktor ini. Sokongan daripada keluarga amat diperlukan bagi menzahirkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat yang harmoni.

4.7 Faktor Persekitaran Sosial

Dalam kajian ini, tahap kebolehpercayaan dalam ujian rintis berkaitan dengan pemboleh ubah faktor persekitaran sosial '*cronbach alpha*' ialah 0.88. Hasil keseluruhan bagi faktor persekitaran sosial menunjukkan seramai 95 responden (41%) menyatakan faktor tersebut menjadi punca kepada mereka dalam masalah residivisme. Min bagi faktor persekitaran sosial adalah sederhana iaitu 2.97 dengan nilai sisihan piawai 0.72.

Daripada kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam faktor tersebut hanya 3 item menunjukkan responden tidak setuju penyebab mereka kepada masalah residivisme iaitu '*Saya merasa diri saya tidak selamat tinggal di tempat tinggal sekarang*'. '*Saya tidak mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat*'. '*Saya tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap*', bukanlah punca utama masalah residivisme. Jadual 4.29 memerihalkan dapatan kajian bagi item-item dalam faktor persekitaran sosial.

Hasil analisis 46 peratus setuju dan 11 peratus responden sangat setuju bahawa tempat tinggal mereka terdapat ramai penjenayah dan penagih dadah. Mereka bukan sahaja tinggal di persekitaran sosial yang tidak selamat malah hubungan sosial juga terdapat ramai penjenayah dan penagih dadah. Sebanyak 24 peratus responden tidak pasti dan 16 peratus tidak setuju bahawa faktor persekitaran sosial yang menyebabkan mereka menjadi residivis. Kesimpulannya, hasil analisis dalam kenyataan ini menunjukkan kawasan persekitaran sosial memainkan peranan penting mempengaruhi perlakuan residivis.

Jadual 4.29: Persepsi Responden Terhadap Faktor Persekitaran Sosial
(n=230)

Faktor Persekitaran Sosial	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Tempat tinggal saya terdapat ramai penjenayah dan penagih dadah.	7	3	37	16	54	24	106	46	26	11
Kebanyakan kawan saya adalah penagih dadah dan penjenayah.	25	11	57	25	51	22	80	35	17	7
Saya merasa diri saya tidak selamat tinggal di tempat tinggal sekarang.	23	10	70	30	55	24	60	26	22	10
Saya merasa sukar mendapat pekerjaan selepas bebas dari penjara.	12	5	55	24	44	19	86	37	30	13
Saya tidak mempunyai hubungan yang baik dengan majikan tempat saya bekerja.	26	11	21	9	76	33	82	36	35	15
Saya tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.	16	7	47	20	39	17	94	41	34	15
Saya tidak mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat.	28	12	76	33	65	28	53	23	8	4
Saya jarang ke masjid atau rumah ibadat semasa bebas.	25	11	67	29	44	19	79	34	15	7
Saya tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.	66	29	93	40	26	11	39	17	6	3

Hasil penyelidikan berhubung dengan faktor persekitaran sosial kenyataan 'tempat tinggal terdapat ramai penjenayah dan penagih dadah' menyebabkan masalah residivisme mendapati 106 responden bersamaan 46 peratus setuju, 11 peratus sangat setuju, 24 peratus tidak pasti, 16 peratus tidak setuju dan 3 peratus sangat tidak setuju bahawa tempat tinggal mereka terdapat ramai penagih dadah dan penjenayah.

Ini bermakna separuh daripada responden tinggal dipersekitaran sosial yang kurang selamat. Akibatnya mereka mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang mempunyai rekod jenayah lampau dan penagihan dadah. Ini disokong dengan kenyataan '*kebanyakan kawan saya adalah penagih dadah dan penjenayah*'. Hasil kajian mendapati 80 responden bersamaan 35 peratus setuju, 7 peratus sangat setuju, 22 peratus tidak pasti, 25 peratus tidak setuju dan 11 peratus sangat tidak setuju. Keadaan persekitaran sosial yang kurang selamat menyebabkan mereka terlibat semula dengan kegiatan jenayah. Hasil kajian ini ada persamaan dan perkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh Hamzani di Penjara Marang menyatakan 60 peratus banduan di penjara tersebut menagih semula dan 5 peratus disebabkan pengaruh kawan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Zawawi (2008) IPPM Serawak, punca-punca residivisme menyatakan 27 peratus disebabkan pengaruh kawan dan 18 peratus masalah dadah.

Berhubung dengan '*saya merasa diri saya tidak selamat tinggal ditempat tinggal sekarang*' sebanyak 70 responden bersamaan 30 peratus tidak setuju, 10 peratus sangat tidak setuju, 24 peratus tidak pasti, 26 peratus setuju dan 10 peratus sangat setuju, merasakan diri mereka tidak selamat tinggal ditempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara. Keadaan dan kebimbangan ini berlaku kerana persekitaran tempat tinggal terdapat ramai penagih dadah dan penjenayah. Keadaan persekitaran yang kurang selamat ini boleh mendorong kepada masalah residivisme. Pengakuan yang diberi oleh residivis RB dan RC yang ditemubual menyokong permasalahan yang wujud.

'Di luar untuk hidup kita kena cari kerja. Kena cari makan minum sendiri. Perkara ini memang sukar kerana bekas banduan macam saya ini orang kurang percaya untuk beri kerja yang sesuai. Kalau tak dapat kerja yang tetap, terpaksa buat kerja sementara yang sesuai, untuk hidup, untuk mendapatkan wang. Bekas banduan macam saya ini hidup di luar memang susah.... sesetengah orang pandang bukan dengan pandangan untuk membantu tetapi pandang dengan penuh rasa curiga dan takut.... kalau hati tidak kuat, tidak sabar, fikiran singkat, boleh terpengaruh balik dengan perangai kita yang lama.... Apabila fikir ini semua saya rasa hidup di penjara lebih selamat, walaupun tempat ini orang tak suka.

(Lampiran C1-Temubual Responden RB, J14)

Persekitaran tempat tinggal tak berapa baik, ada ramai penagih. Selain itu masyarakat sering 'cakap belakang' tentang perkara-perkara buruk tentang diri saya, maklumlah saya bekas banduan dan bekas penagih pula. Masyarakat jarang memberi kepercayaan, dorongan dan sokongan. Keadaan ini memberi tekanan kepada saya. Saya merasa bosan (fed dup) dan seterusnya bawa diri, campur balik dengan kawan-kawan lama yang mempunyai tabiat menagih dadah di kawasan Grik dan Kuala Kangsar, Perak.

(Lampiran C1-Temubual Responden RC, J11)

Responden RB yang bebas dari Penjara Taiping setelah mendapat pengampunan, menghadapi masalah penempatan tempat tinggal. Tidak dapat tinggal bersama dengan kakaknya yang telah tua malah sukar menerimanya kembali. Responden terpaksa tinggal di pondok tanah perkuburan di Kemunting. Bekerja sebagai penggali kubur dan mencari sisa besi buruk, bahan-bahan buangan untuk dijual.

Berhubung dengan kenyataan '*saya sukar mendapat pekerjaan selepas bebas dari penjara*', hasil kajian mendapati 86 responden bersamaan 37 peratus setuju, 30 responden bersamaan 13 peratus sangat setuju, 19 peratus tidak pasti, 24 peratus tidak setuju dan 5 peratus sangat tidak setuju. Ini bermakna lebih kurang 50 peratus

responden mempunyai pekerjaan selepas bebas, samaada bekerja sendiri, nelayan, swasta pekerja kilang, buruh kontrek atau berniaga secara kecilan. Lebih separuh daripada responden tidak mempunyai pekerjaan semasa bebas. Hampir 30 peratus mempunyai hubungan baik dengan majikan. Sebanyak 41 peratus tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Dalam rangka strategi mengurang residivisme di Amerika Syarikat yang dijalankan oleh Center for Impact Research (CIR) Lise McKean and Charles Ransford (2004) merumuskan residivis yang menyertai program pekerjaan kadar residivisme 14 peratus dan tidak menyertai program pekerjaan 41 peratus. Ini membuktikan bahawa program pekerjaan untuk banduan yang bakal dibebaskan adalah penting.

Berhubung faktor persekitaran sosial dengan aspek kerohanian sama ada responden ke masjid atau ke rumah ibadat, didapati 34 peratus setuju, 7 peratus sangat setuju bahawa mereka jarang pergi ke masjid, surau atau ke rumah ibadat semasa bebas. Manakala 19 peratus tidak pasti, 29 peratus tidak setuju, dan 11 peratus sangat tidak setuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan hampir 70 peratus responden tidak melibatkan diri dengan aktiviti keagamaan. Mereka tidak mempunyai Taiping. mempunyai asas agama yang kukuh. Oleh sebab itu mereka lebih mudah terjebak dengan kegiatan jenayah dan penagihan dadah .

Hasil kajian menunjukkan tidak semua responden beragama Islam mempunyai pengetahuan asas agama seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan tidak

boleh membaca Al Quran. Masalah ini diakui sendiri oleh guru agama, pembantu guru agama Penjara Taiping serta Pegawai Parol Daerah Grik yang mendapat maklum balas daripada bekas banduan yang yang dibebaskan semasa menerima program ini di penjara. Beliau memohon agar pendidikan agama di Unit Halaqah dapat dilaksanakan secara lebih intensif melalui pendekatan individu dan kumpulan. Menurut pembantu guru agama kebanyakan residivis tidak mempunyai pengetahuan asas dalam agama Islam, kebanyakan banduan 'buta Al Quran', tidak dapat mengenal huruf dan membaca, tidak mengetahui rukun Islam, rukun iman, pengetahuan asas fardhu ain dan sebagainya. Masalah ini juga dikenalpasti melalui temuduga penilaian kenaikan fasa yang dilakukan setiap bulan oleh Lembaga Penilaian PPI Penjara Taiping. Oleh itu mereka tidak mempunyai benteng kerohanian yang kukuh dengan itu mudah terlibat dengan kegiatan jenayah. Ini diakui sendiri oleh residivis Fauzi (bukan nama sebenar) dari Unit Halaqah menyatakan;

'Walaupun saya dihukum penjara selama 3 tahun' tetapi saya rasa beruntung kerana di penjara saya dapat belajar agama, belajar sembahyang, belajar membaca Al Quran dan mengetahui sedikit sebanyak hukum hakam kerana sebelum ini diri saya 'kosong' dalam hal-hal agama'

Penemuan penyelidikan ini adalah selaras dengan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Ezani Yaakub, Mohd Takiyuddin, Kamariah Yusoff (2005) dari Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomesilan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, dalam laporan penyelidikan '*Latar Belakang Pendidikan Agama Banduan Jatuh Hukum Di Penjara Kajang, Taiping dan Marang*'. Sebanyak 234 responden muslim dipilih, dalam hipotesisnya menyatakan individu yang tidak mendapat

didikan agama yang baik banyak melakukan jenayah. Terdapat fakta yang jelas bahawa banduan yang menghayati pendidikan agama minima kerap mengulangi kesalahan jenayah terutama banduan yang terlibat dengan kes najis dadah. Pendidikan agama amat mempengaruhi perlakuan jenayah. Terdapat hubungan yang signifikan berkaitan dengan latar belakang dan tahap pendidikan agama serta program pemulihan yang dijalankan.

Begitu juga bagi responden beragama Hindu, Buddha dan Kristian. Mengikut laporan yang diberikan oleh pembantu pengajar agama Hindu dari penjara Koprul Elengovan dan tenaga pengajar sukarela agama Kristian dari luar penjara mendapati tahap pengetahuan agama banduan amat rendah. Oleh itu residivis lebih mudah terpengaruh melakukan jenayah.

*Jadual 4.30: Jadual Silang Kekerapan dan Faktor Persekitaran Sosial
(n=230)*

Pembolehubah	Faktor Persekitaran Sosial			Jumlah
	Kekerapan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	
Kali 1	1 (2%)	3 (2%)	2 (4%)	6 (3%)
Kali 2	14 (31%)	46 (34%)	9 (18%)	69 (30%)
Kali 3	10 (22%)	23 (17%)	8 (16%)	41 (18%)
Kali 4	5 (10%)	20 (15%)	10 (20%)	35 (15%)
Kali 5	2 (4%)	15 (11%)	5 (10%)	22 (10%)
Kali 6	4 (8%)	5 (4%)	1 (2%)	10 (4%)
Kali 7	2 (4%)	8 (6%)	2 (4%)	12 (5%)
Kali 8	1 (2%)	4 (3%)	6 (12%)	11 (5%)
Kali 9	1 (2%)	3 (2%)	2 (4%)	6 (3%)
Kali 10	2 (4%)	3 (2%)	2 (4%)	7 (3%)
> 11 kali	4 (6%)	4 (3%)	3 (6%)	11 (4%)
Jumlah	46	135	49	230
	(20%)	(58.7%)	(21.3%)	(100%)

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa dalam konteks faktor persekitaran sosial ini kurang pengetahuan agama, kurang penglibatan dengan aktiviti keagamaan, persekitaran yang tidak selamat, masalah pekerjaan dan pengaruh rakan sebaya telah menyebabkan mereka terlibat kembali melakukan kegiatan jenayah dan

penyalahgunaan dadah. Secara tidak langsung memberi impak negatif terhadap program pemulihan yang diterima di penjara.

4.8 Rumusan

Berikut adalah rumusan hasil penyelidikan yang dijalankan berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan masalah residivisme. Faktor-faktor yang menyebabkan residivisme ini dikaji dari sudut keberkesanan pelaksanaan program pemulihan, faktor diri residivis, faktor keluarga dan masyarakat dan faktor persekitaran sosial. Hasil penyelidikan ini dapat dirumuskan seperti yang tercatat dalam Jadual 4.31.

*Jadual 4.31: Faktor-Faktor Masalah Residivisme
(n=230)*

Faktor–Faktor Masalah Residivisme	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	f	%	f	%	f	%
Persepsi Residivis Terhadap Pelaksanaan Program PPI	9	4	33	14	188	82
Faktor Diri Residivis	31	13	47	20	152	66
Faktor Keluarga dan Masyarakat	89	39	55	24	86	37
Faktor Persekitaran Sosial	86	37	49	21	95	41

Persepsi Residivis Terhadap Pelaksanaan Program PPI mendapati 82 peratus responden bersetuju, sebanyak 14 peratus tidak pasti dan hanya 4 peratus sahaja tidak setuju. Ini bermakna program PPI yang dirancang terhadap residivis semasa

mereka menjalani hukuman penjara sememang baik. Aktiviti-aktiviti pemulihan yang dijalankan dalam Modul Pelan Pembangunan Insan dapat memberi faedah besar kepada mereka. Respoden mengakui bahawa aktiviti-aktiviti pemulihan yang dirancang boleh memberi kesedaran, keinsafan, pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap, tingkah laku dan membantu mereka merancang masa depan yang lebih baik. Namun '*kek pemulihan*' tidak dapat dinikmati oleh semua residivis kerana tempoh hukuman berbeza dan tidak dapat melengkapinya fasa-fasa pemulihan yang ditetapkan. Aktiviti pemulihan dengan memupuk kesedaran, keinsafan dan membentuk akhlak yang baik hanya tercatat dalam modul tetapi tidak terpahat dihati mereka. Kebanyakan residivis yang menyertai aktiviti pemulihan adalah kerana terpaksa bukan di atas kesedaran atau kerelaan hati dan kehendak diri sendiri. Mereka terpaksa mengikut program kerana undang-undang dan peraturan penjara yang ditetapkan.

Dapatan kajian menunjukkan **faktor-faktor diri residivis** yang menyebabkan masalah residivisme. Hasil kajian menunjukkan faktor diri residivis merupakan faktor utama yang menyebabkan masalah residivism berbanding dengan faktor lain . Analisis kajian menunjukkan seramai 66 peratus setuju faktor tersebut menjadi penyebab utama menyebabkan mereka berulang kali melakukan jenayah dan menjalani hukuman penjara. Sebanyak 20 peratus tidak pasti dan 13 peratus tidak setuju.

Kelemahan jati diri residivis sendiri menghadapi tekanan hidup, kurang keinsafan, kesungguhan dan keazaman untuk berubah dari kepompong penyelewengan menyebabkan mereka kembali melakukan jenayah atau penagihan dadah semula. Walaupun hasil penyelidikan mendapati residivis benar-benar nampak insaf dan bertaubat tidak akan mengulangi lagi kegiatan jenayah semasa menjalani hukuman penjara tetapi setelah bebas mereka terlibat semula dengan kegiatan jenayah. Mereka mempunyai harga diri yang negatif. Residivis mempunyai jati diri yang rendah, persepsi terhadap diri sendiri adalah negatif.

Faktor Keluarga dan Masyarakat menjadi penyebab masalah residivisme tetapi faktor ini bukanlah menjadi faktor utama. Ini bermakna ada faktor-faktor lain yang menyebabkan residivisme. Hubungan residivis dengan keluarga masih wujud walaupun intraksi untuk membincangkan masalah peribadi agak berkurangan. Hasil kajian ini membuktikan bahawa Program Pemulihan Dalam Komuniti yang dilancarkan oleh Jabatan Penjara dalam Majlis Jalinan Kasih memberi impak positif kepada masyarakat. Program Pendidikan Komuniti (Arahan 5/2008 – Pendidikan Komuniti) yang dilaksanakan oleh Pegawai Parol di setiap daerah berbentuk ceramah dan pameran kepada masyarakat telah memberi kesan positif. Bagitu juga program Mesej Dari Penjara, *'We Care'* dan *'Community Care'* telah berjaya mengubah persepsi masyarakat. Ibu bapa bekas banduan dan masyarakat telah sedar bahawa peluang kedua harus diberikan kepada residivis khususnya untuk memperbetulkan kesilapan dan tingkah laku mereka yang lalu. Masyarakat mempunyai konsensus bersama dengan memberi sokongan sosial, moral, kerjasama

tanpa sikap prejudis. Sokongan seumpama ini membolehkan bekas banduan dapat hidup bersama sebagai anggota masyarakat.

Selain daripada itu, impak dari Program Jalinan Kasih, sambutan hari-hari perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha, Deepavali, Sambutan Tahun Baru Cina, Hari Krishmas, Sambutan Hari Ibu, Hari Bapa dan kejayaan yang dicapai oleh bekas banduan bukan sahaja dapat mengiratkan hubungan kekeluargaan malah telah dapat mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap bekas banduan atau residivis. Penerimaan dan keperluan hubungan kasih sayang daripada keluarga memberi kesan yang mendalam kepada residivis. Mereka merasa diri mereka dihargai, mereka merasakan diri mereka ada nilai disisi keluarga dan masyarakat walaupun mereka berulang kali melakukan kesalahan jenayah atau menjalani hukuman penjara. Secara tidak langsung meningkatkan penghargaan sendiri (*self esteem*) residivis. Mereka tetap menjadi aset penting untuk pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Faktor Persekitaran Sosial menjadi penyebab yang agak kuat mempengaruhi residivis terlibat semula dengan perlakuan jenayah dan penyalahgunaan dadah. Ketidakpastian yang tinggi juga bermakna bukan faktor persekitaran sahaja yang menyebabkan masalah residivisme tetapi disebabkan faktor-faktor lain. Tekanan persekitaran, pengaruh persekitaran, masalah labeling dan sosial stigma masyarakat tetap masih menjadi faktor yang mempengaruhi masalah residivisme.

BAB LIMA

CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1 Pendahuluan

Residivisme merupakan suatu indikator penting dalam menentukan pencapaian pelaksanaan program pemulihan. Meningkat atau menurun kadar residivisme juga menentukan keberkesanan pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan di penjara. Malah ianya merupakan 'output' penting dalam pelaksanaan dasar kepenjaraan keseluruhan, khusus dalam konteks pemulihan. Ini adalah selaras dengan fungsi penjara untuk memberi perkhidmatan perlindungan kepada masyarakat dan negara. Maka adalah dicadangkan tindakan-tindakan berikut bolehlah diambil untuk meningkatkan keberkesanan program pemulihan dan taraf profesionalisma kepenjaraan, bagi mencapai objektif, visi dan misi jabatan.

5.2 Menjelaskan Semula Konsep Residivisme

Berhubung dengan perkara ini, persoalan pertama, adakah pengukuran residivisme bagi banduan yang dijatuhkan hukuman, masuk semula ke penjara dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembebasan terakhir masih relevan dengan masalah semasa?. Persoalan ini difokuskan kerana masih ramai residivis yang melakukan jenayah, melanggar undang-undang, disabitkan dengan kesalahan dan menjalani semula hukuman penjara **selepas** tempoh 3 tahun dari tarikh pembebasan terakhir dari penjara (Rujuk Rajah 5.1). Hasil penyelidikan yang dijalankan menunjukkan lebih kurang 17 peratus residivis terlibat semula melakukan kesalahan jenayah selepas 3 tahun dibebaskan dari penjara iaitu dalam tempoh 37 bulan sehingga 49 bulan. Pola

ini menunjukkan **selepas** tempoh 3 tahun kumpulan **residivis tegar** yang masuk semula ke penjara agak tinggi. Perkara ini tentu sekali memberi impak terhadap keberkesanan program pemulihan. Adakah pengukuran residivisme tidak mengambil kira kemasukkan residivis tegar. Jika pengukuran residivisme tidak mengambil kira kumpulan ini, bermakna pengukuran residivisme belum mencapai sasaran sebenarnya. Persoalan ini perlu dihalusi kerana ianya memberi impak terhadap pencapaian sebenar keberkesanan program pemulihan. Pengukuran tempoh 3 tahun dari tarikh pembebasan menyebabkan pengukuran mungkin lebih kompleks. Menurut Maltz (2001) dalam '*The Model Underlying The One Year Recidivism Rate*' dalam membuat pengukuran tempoh ini mesti ditetapkan. Rekod dan sejarah residivis diperlukan. Perkara ini mencakupi maklumat seperti tarikh residivis dibebaskan dari penjara, tarikh tamat perintah pengawasan atau parol, tarikh berakhir penyeliaan dan tarikh bila individu ini menjadi residivis. Tempoh 3 tahun sebagai pengukuran harus dikaji. Tempoh pulih bukanlah menjadi pengukuran sebenar tetapi keupayaan penjara memulihkan akhlak, pemikiran, sikap dan pandangan hidup yang positif untuk menjadi warganegara yang produktif kepada keluarga, masyarakat dan negara merupakan elemen atau petunjuk kejayaan yang penting bagi menangani masalah residivisme.

Merujuk Laporan Tahunan Bahagian Pemulihan Penjara Taiping statistik jumlah kemasukan semula residivis bagi tempoh lebih 12 bulan bagi tahun 2008 berjumlah 295 orang. Bagi tahun 2009 berjumlah 372 orang. Bagi tahun 2009 jumlah kemasukan banduan ialah 1793 orang. Banduan kali pertama menjalani hukuman


penjara berjumlah 924 orang residivis bagi tempoh 3 tahun dari tarikh pembebasan terakhir berjumlah 372 bersamaan 42.8 peratus dan residivis tegar yang masuk semula ke penjara selepas tempoh 3 tahun yang terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah berjumlah 497 orang bersamaan 57.2 peratus.

Manakala tahun 2010 menunjukkan jumlah kemasukan populasi banduan ialah 1806 orang. Banduan residivis berjumlah 520 bersamaan 28.8 peratus dan bukan residivis berjumlah 1286 bersamaan 71.2 peratus. Pecahan mengikut etnik Melayu 67.1 peratus, Cina 14.2 peratus, India 17.7 peratus dan bangsa lain bangsa termasuk warganegara asing 0.9 peratus. Kemasukan banduan residivis mengikut tempoh kemasukan semula bagi tempoh kurang 6 bulan sebanyak 18.1 peratus (94), bagi tempoh 6–12 bulan sebanyak 25.6 peratus (133) dan bagi tempoh lebih 12 bulan sebanyak 56.3 peratus (293). Sementara kekerapan residivis menjalani hukuman penjara bagi kali ke 2 sebanyak 27.9 peratus, kali ke 3 sebanyak 22.9 peratus, kali ke 4 sebanyak 18.7 peratus, kali kelima sebanyak 12.5 peratus, kali ke 6 sebanyak 6.3 peratus, kali ke 7 sebanyak 5 peratus, kali ke 8 sebanyak 2.5 peratus dan selebihnya kali ke 9 hingga kali ke 19 sebanyak 8.8 peratus.

Perkara ini perlu diberi penekanan dan penilaian semula dalam merangka strategi pemulihan oleh Seksyen Penilaian Residivis, Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Penekanan perlu diberikan kepada residivis tegar, agar masalah residivisme boleh terus dikurangkan. Perkara ini setidak-tidaknya dapat mengurangkan residivis yang sama, yang berulang kali melakukan jenayah dan menjalani hukuman penjara dalam

tempoh yang ditetapkan. Residivis tegar ini sekiranya tidak diasingkan ia akan mempengaruhi banduan yang lain.

Kategori residivis tegar ini memerlukan suatu program pemulihan yang khusus untuk membentuk akhlak, pemikiran dan pandangan hidup mereka. Kategori residivis ini telah beberapa kali gagal mengubah keadaan hidup, gagal mengubah sikap dan tingkah laku mereka. Mereka pernah menjalani hukuman di penjara yang sama atau di penjara-penjara lain di Malaysia. Suatu program pembentukan tingkah laku, pemikiran yang lebih intensif boleh dirancang atau penambahbaikkan program residivis yang sedia ada dari segi pendekatan dan pelaksanaannya. Tanggungjawab ini adalah selaras dengan misi jabatan untuk melindungi masyarakat dengan menyediakan penahanan yang selamat dan program pemulihan yang efektif.



Rajah 5. 1: Taksiran Residivis

Isu kedua, residivisme mempunyai pengukuran yang kompleks dan subjektif. Terdapat pelbagai pandangan terutama dalam membuat pengukuran yang berkaitan dengan residivisme. Dalam sistem keadilan jenayah, seseorang yang melakukan kesalahan pasti mempunyai rekod kesalahan jenayah, apatah lagi mereka yang berulang kali melakukan kesalahan jenayah. Rekod jenayah ini dapat dikesan oleh pihak mahkamah atau pihak polis melalui Borang Cap Jari (R. J. 1) atau melalui nombor Kad Pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Jenayah Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Manakala bagi bagi Jabatan Penjara Malaysia kemasukkan banduan ke penjara dapat dikesan melalui Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah (S.M.P.P.) atau melalui Cap Jari (R.J. 2) banduan. Sistem ini mula diperkenalkan di Penjara Kajang, Penjara Pulau Pinang dan Penjara Taiping dalam tahun 2001 dan penggunaan sepenuhnya dalam tahun 2004. Hanya satu nombor pendaftaran diberi kepada banduan yang menjalani hukuman di mana-mana penjara di Malaysia. Kemasukkan semula banduan di mana-mana penjara dapat dikesan melalui sistem ini. Namun begitu pengukuran masalah residivisme dalam kes-kes berikut menjadi persoalan. Perkara ini harus juga dikaji:

5.2.1 Bagaimanakah dengan kedudukan residivis yang terlibat dengan jenayah atau penagihan dan pendedaran dadah **selepas** tempuh 3 tahun?. Kumpulan ini merupakan residivis tegar. Apakah status dan bentuk program pemulihan berkesan yang perlu dijalankan bagi memulihkan akhlak mereka.

5.2.2 Bagaimanakah dengan kedudukan residivis yang berulang kali melakukan kesalahan jenayah yang berlainan seperti perogol bersiri, mencuri kenderaan bermotor (Ruj. CIP No. 0xxx1, 0xxx5 dan 0xxxx6) tetapi kali pertama menjalani hukuman penjara. Adakah banduan ini dikategorikan sebagai residivis?. Biasanya hukuman bersambung dan dengan hukuman yang sedia ada.

5.2.3 Bagaimanakah dengan kedudukan banduan yang pertama kali menjalani hukuman penjara tetapi melakukan jenayah berulang yang berlainan seperti kes mencuri, dengan sengaja menyebabkan cedera parah dan cuba membunuh. Tiga kesalahan dan hukuman berjalan serentak dalam satu Waran Pemenjaraan.

Maka berdasarkan persoalan yang dinyatakan di atas suatu pengukuran antarabangsa yang standard atau '*international benchmarking*' tentang residivisme harus dilakukan, terutama isi-isu yang berkaitan dengan statistik, kes jenayah dan tempoh masa pengukuran.

5.3 Kajian Masalah Residivisme Mengikut Jenis Kesalahan Jenayah dan Tempoh Menjalani Hukuman

Adalah dicadangkan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang perlu dilakukan bagi menentukan pencapaian dan keberkesanan program pemulihan di masa akan datang. Penyelidikan jangka panjang termasuk jenis kesalahan yang

melibatkan kes-kes jenayah kekerasan yang serius seperti rogol, bunuh, rompakan bersenjata, rompakan berkumpulan, dan jenayah jalanan. Umpamanya penyelidikan berkaitan masalah residivisme yang bersabit kes jenayah seksual oleh golongan remaja atau golongan dewasa yang dijalankan oleh Worling dan Curwen (2011) dengan melibatkan 191 sampel remaja lelaki yang terlibat dengan jenayah seksual tentang '*Prospective Validity of the Estimate of Risk of Adolescent Sexual Offence*' (ERASOR). Oleh kerana peratusan kesalahan jenayah seksual agak tinggi maka kajian boleh dijalankan di Sekolah Hendry Guney dan di penjara. Bentuk kajian seumpama ini boleh dilakukan dalam jangka panjang. Adakah jenayah seksual yang melibatkan golongan remaja ini terus berulang yang menyebabkan mereka melakukan kesalahan jenayah yang sama setelah mereka dewasa?. Kajian juga boleh dijalankan kesan daripada kesan daripada pindaan kanun kesiksaan yang bersabit dengan jenayah seksual yang memperuntukan hukuman lebih berat.

Adalah dicadangkan penyelidikan jangka pendek boleh juga ditumpukan kepada kes-kes jenayah harta benda yang kurang serius seperti kes mencuri, menyimpan barang curi, pecah rumah dan jenayah jalanan sapertimana yang diberi penekanan dalam NKRA. Tempoh hukuman boleh dijadikan sebagai indikator yang melibatkan hukuman lama dan hukuman singkat.

Kajian masalah residivisme mengikut tempoh hukuman ini boleh dijalankan terhadap residivis yang menjalani hukuman lama (HL) dan hukuman singkat (HS). Apakah tempoh hukuman penjara mempengaruhi kesedaran, keinsafan kepada

residivis. Adakah hukuman yang berat dapat menghindarkan atau mengurangkan masalah jenayah?. Maka penyelidikan yang dilakukan dari sudut tempoh hukuman ini kita akan dapat menentukan, adakah tempoh hukuman itu mempengaruhi keberkesanan program pemulihan. Adakah hukuman yang lama itu dapat mengatasi masalah residivism?. Maka penemuan penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi menentukan hala tuju pembentukan polisi jabatan.

5.4 Kajian Edah (*Cohorts*) Pembebasan Residivis Terlibat Semula Dengan Kesalahan Jenayah

Adalah dicadangkan bidang penyelidikan tentang '*cohorts*' pembebasan residivis atau banduan yang pertama kali menjalani hukuman penjara, terlibat semula dengan kesalahan jenayah di masa hadapan harus dikaji mencakupi sudut pengukuran berikut:

5.4.1 Banduan yang pertama kali menjalani hukuman penjara kemudian mengulangi melakukan kesalahan jenayah dan menjalani semula hukuman penjara.

5.4.2 Residivis yang berulang kali menjalani hukuman penjara **dalam tempoh 3** tahun dibebaskan. Pengukuran mengikut bulan atau tahun (Maltz, 2001).

- 5.4.3** Mengapakah **Residivis tegar** yang pernah berulang kali menjalani hukuman penjara bebas **selepas 3 tahun** tetapi terus juga melakukan kesalahan jenayah dan menjalani hukuman penjara.
- 5.4.4** **Residivis tegar** yang pernah menjalani human penjara **lebih daripada tiga kali** dan terlibat dengan kesalahan jenayah harta benda dan jenayah kekerasan.
- 5.4.5** Oleh kerana lebih lima puluh peratus residivis yang menjalani hukuman penjara terlibat dengan kes-kes penagihan dan pengedaran dadah bawah kesalahan Akta Dadah Berbahaya 1952 mereka juga terlibat dengan jenayah harta benda, maka adalah dicadangkan kajian mendalam bagi kumpulan residivis kes dadah dan jenayah harta benda ini diberi penekanan utama. Kekerapan melakukan kesalahan jenayah boleh dikaji dari tempoh tahanan atau dalam tempoh '*cohorts*'. Ini merupakan suatu cabaran bagi Jabatan Penjara kerana perlakuan jenayah yang mana mereka kembali melakukan jenayah dan penagihan dadah setelah menjalani pemulihan(*vicious circle of crime and addiction*). Seterusnya mereka berkali-kali menjalani hukuman penjara. Impak aliran residivisme ini akan menjejaskan pengurusan layanan, keadilan dan keselamatan. Keadaan seumpama ini berlaku di penjara Thailand. Menurut Somphog Rujjanave (2005) dari Department of Correction (DOC) melaporkan pada tahun 2003 daripada

104,999 pesalah, 70 peratus pesalah terlibat dengan kes dadah.

5.4.6. Menurut laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pengarah Parol, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Aziz (2010) statistik menunjukkan Orang Dalam Parol (ODP) menjalani perintah parol dari tahun 2008 hingga Julai 2010 yang dibebaskan dari seluruh Penjara Malaysia pada tahun 2008 berjumlah 199 orang, tahun 2009 berjumlah 722 orang dan sehingga 13 Julai 2010 berjumlah 512 orang. Jumlah keseluruhan sepanjang tempuh tersebut ialah 1433 orang. Daripada jumlah tersebut didapati ODP yang melakukan pelanggaran dan pembatalan perintah parol berjumlah 37 orang bersamaan 2.6 peratus. Seramai 75.6 peratus (28) yang melanggar perintah parol ini terlibat semula dengan kes penagihan dadah, 5.3 peratus (2) mencuri, 2.7 peratus (1) melakukan keganasan rumah tangga dan 16.2 peratus (6) menghilangkan diri. Daripada jumlah tersebut 83.8 peratus (31) adalah etnik Melayu. Sementara itu ODP yang bebas setelah menjalani Perintah Parol, masuk semula ke penjara sebagai residivis berjumlah 0.9 peratus (13) orang. Seramai 0.4 peratus (6) orang melakukan kesalahan dadah dan 0.5 peratus (7) orang terlibat dengan kesalahan jenayah.

Oleh yang demikian, skop penyelidikan boleh difokuskan kepada;

- i) Orang Dalam Penyelian (ODP) yang melanggar syarat-syarat pembebasan parol.
- ii) Jenis-jenis kesalahan parole semasa menjalani hukuman penjara.

iii) Tempoh hukuman semasa menjalani perintah parol.

5.4.7. Residivis yang pernah menjalani hukuman sebatan rotan bersabit dengan kesalahan jenayah harta benda, jenayah kekerasan dan pengedaran dadah. Langkah ini akan dapat menentukan keberkesanan hukuman dan masalah lain yang dihadapi oleh residivis.

Penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data yang sistematik dari semua insituti Penjara Malaysia supaya dapat penilaian keberkesanan program pemulihan dan punca masalah residivism yang sebenar. Bahagian Sistem Maklumat di peringkat pusat dan institusi memainkan peranan utama dalam mengurus maklumat residivis. Langkah ini dapat membantu jabatan dalam merangka plan strategik dasar pemulihan dan mengukur masalah residivisme di masa akan datang berasaskan cadangan yang dinyatakan diatas.

5.5 Tempoh Mengikuti Fasa Program PPI Perlu Dikaji Semula

Masalah residivism mempunyai kaitan yang rapat dengan keberkesanan pemulihan. Hasil penyelidikan yang dijalankan mendapati daripada 230 responden sebanyak 55 peratus responden menamatkan PPI sehingga fasa 1 iaitu program orientasi, sebanyak 22 peratus responden mengikuti program sehingga ke fasa 2, sebanyak 8 peratus responden mengikuti program ke fasa 3, sebanyak 9 peratus responden mengikuti program sehingga ke fasa 4 dan seramai 6 peratus responden tidak menjawab mungkin tidak mengetahui sehingga ke fasa berapa mereka mengikuti

program (Rujuk Jadual 4.22). Ini bermakna lebih separuh daripada responden tidak menyertai program pemulihan PPI dengan sepenuhnya mengikut sepertimana tempoh yang dirangka. Keadaan ini berlaku kerana:

Pertama, situasi ini berlaku kerana tempoh hukuman residivis berbeza. Walaupun residivis dijatuhkan hukuman lama oleh mahkamah tetapi baki hukuman untuk menyertai program pemulihan adalah singkat. Hukuman dijatuhkan itu dikira bermula dari tarikh responden ditangkap. Aktiviti PPI dijalankan semasa ditahan di blok reman bagi peringkat orientasi selama dua minggu. Kedua, residivis dihukum penjara dengan mengambil kira tempoh tahanan reman yang bermula dari tarikh ditangkap. Ketiga, terdapat juga residivis setelah dijatuhkan hukuman dibebaskan di mahkamah, setelah mengambil kira hukuman dari tarikh ditangkap. Kesalahan jenayah tetap direkodkan oleh pihak polis, mahkamah dan penjara. Perkara ini menjadi persoalan bagi menentukan keberkesanan program pemulihan dan pengukuran masalah residivisme.

Permasalahan dan persoalan yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa, untuk memastikan semua residivis mengikuti semua fasa program pemulihan adalah sukar. Ini adalah kerana setiap residivis mempunyai tempoh hukuman yang berbeza. Ianya tidak seperti dalam sistem pendidikan di sekolah umpamanya, di mana penuntut mempunyai tahap pembelajaran yang sama, tempoh masa pembelajaran yang sama, pelaksanaan modul menjadi lebih mudah dan pencapaian pelajar lebih mudah diukur. Modul PPI sebagai panduan memanglah diperlukan tetapi

pelaksanaan secara praktikal menjadi kekangan untuk mencapai objektif pemulihan kerana tempoh hukuman berbeza.

Oleh itu, tempoh masa mengikuti fasa program PPI ini perlu dihalusi dan disemak semula dengan tujuan untuk mengwujudkan sistem pemulihan yang lebih berkesan. Tindakan berikut dicadangkan;

Pertama, residivis tegar adalah kumpulan residivis '*hard core*' yang perlu diberi penekanan khusus dalam skop pemulihan. Walaupun modul yang khusus telah disediakan tetapi pendekatan pemulihan hendaklah berorientasikan pembangunan diri, pembentukan sahsiah yang berteraskan kepada nilai dan keagamaan. Ini adalah kerana sebahagian besar residivis kurang mempunyai asas pendidikan agama. Kelemahan benteng kerohanian ini menyebabkan mereka mudah terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang tidak sihat. Keupayaan fasalitor menyalurkan kesedaran, pengetahuan dan memberi motivasi perlu diberi penekanan. Oleh yang demikian suatu semakan semula perlu dilakukan terutama dalam pelaksanaan Modul PPI kerana ketidakberkesanan program pemulihan akan memberi impak terhadap sistem kepenjaraan.

Kedua, mengklasifikasikan mana-mana banduan yang berminat sahaja mengikuti program PPI dan banduan yang tidak menunjukkan minat hendaklah diberi latihan kemahiran yang bersesuaian. Ini adalah kerana residivis yang tidak berminat dalam aktiviti yang berbentuk akademik perlu diterapkan dengan skil kemahiran tertentu.

Mana-mana banduan yang gagal tidak melepasi tahap poenilaian yang dikehendaki di Fasa I hendaklah mengulangi fasa sebagaimana biasa tetapi sekiranya tiada menampakkan perubahan, tidak perlu diteruskan. Skil kemahiran yang bersesuaian hendaklah diberi kepada mereka. Bagi banduan bermasalah atau tidak berminat ini diberi motivasi sehingga mereka benar-benar boleh menerima dan mempunyai kesedaran untuk berubah seterusnya mengenalpasti sikap, pengetahuan dan kemahiran bagi penyertaannya di dalam program.

5.6 Meningkatkan Pendidikan Agama Dalam Insitusi Penjara

Banduan di penjara terdiri daripada pelbagai kaum, agama, kepercayaan dan latar belakang sosial yang berbeza. Jika banduan ini mengamalkan agama dengan menurut dan mematuhi nilai-nilai murni yang ditetapkan maka mereka akan dapat menjauhkan diri daripada melakukan jenayah berulang. Hasil penyelidikan menunjukkan 28 peratus responden tidak mempunyai asas agama. Sebanyak 72 peratus mempunyai sedikit asas agama tetapi jarang mengamalkannya.

Oleh kerana agama merupakan tiang asas kehidupan, maka nilai-nilai aqidah dan keimanan dalam jiwa perlu diperkuatkan. Akhlak para Nabi perlu dijadikan contoh. Manakala Al Quran dan Hadis menjadi panduan hidup. Nilai-nilai agama harus dijadikan sebagai suatu strategi dalam menangani masalah pelakuan jenayah berulang atau residivisme. Keluarga dan masyarakat memainkan peranan utama dalam menangani masalah jenayah. Menurut Nur Hayati Muhamed (1995) semasa berucap di Kolokium Yayasan Mencegah Jenayah Malaysia menyatakan jika setiap

penganut agama mengamalkan nilai-nilai murni dalam agama yang dianuti ia akan dapat mengelakkan diri mereka dari terlibat dalam kegiatan jenayah. Kekurangan atau tiada pengetahuan asas agama menyebabkan seseorang itu tiada panduan hidup. Mereka mudah terpengaruh dengan kegiatan penyelewengan yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang. Allah berfirman dalam Al Quran, Surah Israa', ayat 72;

Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (mata hatinya) maka ia juga buta diakhirat dan lebih sesat lagi jalannya.

Kesedaran dan keinsafan perlu diterapkan kepada residivis melalui pendidikan agama agar mereka tidak terus 'buta mata hati'. Pengetahuan agama dan Al Quran harus dijadikan panduan hidup. Ini bermakna sesiapa yang semasa hidupnya didunia buta mata hatinya, dari memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah dan jalan yang membawa keselamatannya jalan iman dan amal salih, maka ia juga buta pada hari akhirat dan lebih sesat lagi. Pendidikan agama dapat membendung perlakuan jenayah. Ibadah dapat membentuk akhlak manusia. Ibadah juga dapat melembutkan budi pekerti kerana orang beribadah itu akan sentiasa melatih diri untuk taat kepada perintah Allah serta mencari keredhaanNya dalam semua bidang kehidupan. Akhlak manusia boleh berubah dan dibentuk dengan didikan dan latihan agama yang berterusan.

Oleh itu bagi menangani masalah residivisme ini, residivis yang beragama Islam wajib diberi asas pendidikan agama secara konsisten dari aspek teori dan praktikal. Bagitu juga bagi banduan atau residivis yang bukan muslim. Aktiviti agama perlu

dipergiatkan. Pendidikan rohani bukan sahaja dapat membersihkan jiwa, menginsafkan residivis tetapi juga akan dapat meningkatkan keyakinan dan jati diri. Kekuatan rohani, iman dan amalan akan dapat mengelak diri daripada terlibat dengan kemungkaran termasuk jenayah. Program 3T (talaqqi, tadarus dan tahfiz) yang dilancarkan oleh Komisioner General Penjara, di Penjara Seremban bertepatan dengan keperluan semasa. Menurut beliau, '*modul berkenaan diyakini mampu menjadi medium pendidikan rohani yang menginsafkan mereka*' (Utusan Malaysia 29.12.2010). Melalui modul ini residivis perlu dibahagikan mengikut tahap pengetahuan agama. Ini adalah kerana lebih separuh dalam kalangan residivis dan banduan bukan residivis mempunyai tahap pengetahuan agama yang rendah. Langkah ini akan memudahkan pengajaran dan pembelajaran agama. Program tadarus dan qiamullail kepada residivis Islam diteruskan kerana ini akan memberi impak keinsafan yang mendalam dihati mereka. Melalui aktiviti keagamaan yang dijalankan seperti sembahyang sunat taubat, tahajud dan zikir yang dilakukan bukan sahaja akan memberi pengetahuan tetapi dapat meningkatkan keimanan, muhasabah diri dan mengelak daripada terus terlibat dengan jenayah.

5.7 Meningkatkan Pendidikan dan Pencegahan

Hukuman penjara yang dikenakan terhadap penjenayah atau residivis bukan sahaja bertujuan untuk memberi keinsafan, kesedaran, pengajaran, mengubah sikap dan tingkah laku kerana kesalahan jenayah yang dilakukan tetapi impak hukuman itu juga untuk memberi kesedaran kepada banduan dan masyarakat. Ianya merupakan suatu pendekatan pencegahan jenayah. Residivis mesti mempunyai kesedaran untuk

berubah. Masyarakat juga perlu sedar bahawa residivis ini perlu dibantu dan sedia menerima kembali sebagai anggota masyarakat. Kedua pihak mesti mempunyai perasaan kasih sayang, kerjasama, saling menghormati dan sedia menerima walau dalam keadaan apa sekalipun.

Menerapkan kesedaran dan keinsafan kepada residivis amat penting. Hukuman lebih bersifat pencegahan dan pengajaran. Apabila berlakunya masalah residivism, hukuman penjara nampaknya seolah-olah bukan lagi menjadi langkah tindakan penyelesaian masalah jenayah, terutama penjenayah yang mempunyai latar belakang penagihan dan pengedaran dadah. Mereka ini lebih kerap melakukan kesalahan dan menjalani hukuman penjara. Kajian yang dilakukan oleh Solicitor General Canada bertajuk *‘The Effects of Prison Sentences on Recidivism’* yang mengkaji korelasi antara tempoh hukuman dan residivisme. Kajian mendapati bahawa kadar residivisme lebih tinggi bagi banduan yang menjalani tempoh hukuman pendek berbanding dengan banduan yang menjalani tempoh hukuman yang lama. Kajian mendapati dalam tempoh tiga tahun atau mungkin dalam setiap tahun terdapat residivis kerap menjalani hukuman penjara. Penemuan kajian mendapati 23 peratus responden ditangkap atau menjalani semula hukuman penjara selepas kurang 6 bulan dibebaskan dari penjara dan sebanyak 20 peratus ditangkap selepas 7 hingga 12 bulan dibebaskan.

Dalam konteks ini pelaksanaan program pemulihan sangat baik. Perancangan program secara teori nampak berjaya dan harus diteruskan dengan lebih progresif

dan pragmatik. Namun keinsafan, kesedaran, keazaman untuk berubah dalam kaloangan residivis ini hanya dalam institusi yang terkawal sahaja, hanya dalam tembok penjara sahaja. Harapan dan perancang untuk membina kehidupan yang harmoni ini akan cair seperti 'bongkah salji apabila terkena sinar matahari'. Harapan akan lebur apabila berhadapan dengan cabaran dan godaan dari luar penjara. Harapan ini cair dan tumbang selepas beberapa bulan dan tahun bebas, beraada di dunia luar kerana residivis tiada keyakinan dan kepercayaan pada diri sendiri, takut menghadapi cabaran dan tekanan, serta menghadapi konflik diri.

Sebelum residivis dibebaskan mesti ada suatu program orientasi samaada dari pendekatan psikologikal dan kerohanian untuk memupuk dan membangunkan kesedaran. Pendekatan itu haruslah dapat memupuk perasaan sayang pada diri sendiri, perasaan menyesal kerana terus melibatkan diri dengan jenayah, bertaubat tidak mengulangi lagi kegiatan penyelewengan, rasa malu kerana berulang kali melakukan kesalahan dan menjalani hukuman penjara. Langkah ini dijangka dapat mengilap harapan dan keyakinan baru apabila diintegrasikan semula dalam masyarakat.

Langkah pemantauan dalam masyarakat juga boleh dilakukan oleh pegawai parol daerah. Suatu mekanisma penyeliaan lanjutan dapat dilakukan. Semangat, motivasi diri perlu dipupuk bagi mencegah pengaruh negatif. Suatu sistem pemantauan residivis perlu dilakukan bagi memantau residivis yang dibebaskan dari penjara.

Langkah ini akan dapat mengesan pencapaian sebenar program pemulihan dalam jangka panjang.

5.8 Mengkaji Semula Pelaksanaan Program Kemasyarakatan

Untuk menjadikan penjara sebagai institusi koreksional bertaraf dunia menjelang tahun 2020, dan memastikan masalah residivisme dapat dikurangkan, maka Jabatan Penjara telah mereformasikan program pemulihan yang sedia ada. Antaranya memperkenalkan sistem parol, melaksanakan program kemasyarakatan, melaksanakan projek khidmat bakti, program mesej dari penjara, mengadakan Rumah Perantaraan (*Half Way House*) untuk bekas banduan, menubuhkan Pusat Kehadiran Wajib (*Cumpulsary Attendance Centre*), Majlis Jalinan Kasih sejak Jun 2003 memberi impak positif kepada masyarakat. Program Pendidikan Komuniti (Arahan 5/2008–Pendidikan Komuniti) mengadakan Program Perjumpaan Bersemuka antara banduan dengan keluarga semasa sambutan hari-hari perayaan, dan menjalin kerjasama dengan pihak NGO, seperti PEMADAM, Kelab Sahabat, dan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan.

Mengikut Laporan Persidangan APCCA ke 19, untuk mengurangkan residivisme ianya bukan menjadi tanggungjawab institusi koreksional semata mata tetapi menjadi tanggungjawab agensi yang terlibat dan masyarakat. Sistem koreksional mesti direformasikan. Di China pendekatan menggabungkan hukuman, pendidikan dan kemahiran dipraktiskan. Di Indonesia pendekatan integrasi sosial juga

dilaksanakan. Manakala Canada dan Hong Kong masalah residivisme dapat dilakukan mengikut fasa dan memerlukan masa.

Kajian yang komprehensif memerlukan rekod pelaksanaan dan data-data yang lengkap. Umpamanya;

5.8.1 Statistik banduan yang menyertai program pada sesuatu tahun dan menjadi residivis. Merujuk laporan yang dikemukakan oleh Pengarah Parol, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Abdul Aziz Mohamad (2010) statistik menunjukkan, Orang Dalam Parol (ODP) menjalani perintah parol dari tahun 2008 hingga Julai 2010 yang dibebaskan dari seluruh Penjara Malaysia. Sementara itu merujuk laporan statistik daripada Unit Kesalahan dan Tatatertib banduan yang melakukan kesalahan melanggar tatatertib perkara 122 dan 123 bagi tahun 2008 di Penjara Taiping seramai 116 orang, 44 orang (37.9%) melibatkan residivis. Lebih 40 peratus jenis kesalahan yang dilakukan ialah menyeludup artikel larangan ke dalam penjara. Kesalahan yang dilakukan oleh residivis ini bukan kerana kejahilan mereka tentang undang-undang dan peraturan penjara tetapi kerana kepentingan diri sendiri.

5.8.2 Jumlah banduan yang mendapat pekerjaan tetapi terlibat kembali dengan jenayah. Jarak masa atau edah penglibatan semula dengan perlakuan jenayah. Maklumat ini boleh dijadikan pengukuran residivisme.

5.8.3 Jumlah residivis yang berjaya membina hidup baru yang boleh dijadikan model kejayaan program pemulihan.

5.8.4 Jumlah residivis atau banduan yang mengikuti Program Parol, Rumah Perantaraan, Pusat Terpaksa Hadir, menyertai Program Kemasyarakatan tetapi menjadi residivis tegar.

Pelaksanaan program yang berkesan memerlukan konsensus, kerjasama, integriti dan komitmen daripada semua pihak. Sekiranya matlamat dapat dicapai, bermakna Jabatan Penjara dapat meletakkan martabatnya di mata dunia. *‘Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati’*.

5.9 Meningkatkan Taraf Professionalisme Kakitangan

Memulih banduan adalah tugas dan tanggungjawab semua pihak bukan pihak tertentu sahaja. Dari pengamatan yang dilakukan didapati keupayaan pegawai penjara yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan banduan amnya terutama residivis adalah satu tanggungjawab yang berat. Tugas dan tanggungjawab ini mestilah disertai dengan ilmu dan latihan secukupnya. Pengalaman dan ilmu merupakan dua elemen yang amat penting untuk membentuk akhlak manusia. Adunan ilmu dan kemahiran penting untuk membentuk sikap, pemikiran dan akhlak residivis supaya menjadi manusia yang produktif. Langkah ini adalah selaras dengan keperluan semasa. Walaupun sebahagian kursus koreksional telah dipraktikan sekarang tetapi skala penyertaan perlu lebih luas bagi semua peringkat kakitangan.

Langkah penerapan dan penghayatan falsafah koreksional harus difahami dan dihayati oleh semua peringkat kakitangan supaya pencapaian objektif, misi dan visi jabatan menjadi lebih mudah. Kakitangan perlu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan fungsi dan polisi jabatan. Kerangka pemikiran atau paradigma staf tentang konsep pemulihan harus diubah mengikut keperluan semasa. Konflik kepentingan harus ditangani. Falsafah pemulihan dan penahanan itu perlu benar-benar difahami oleh semua peringkat staf. Maka fungsi kepenjaraan itu dapat dipraktikkan secara lebih mudah dan berkesan.

Oleh itu dalam proses pembangunan insan memerlukan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Adalah dicadangkan latihan kakitangan dalam bidang psikologi, pengurusan kerja sosial, kriminologi, undang-undang, hubungan interpersonal, komunikasi, pengurusan organisasi dan sebagainya yang bersesuaian perlu dilakukan dari masa ke semasa. Peningkatan ilmu dan kemahiran akan meningkatkan taraf profesionalisma jabatan.

5.10 Meningkatkan Latihan Kemahiran Vokasional

Menyedari bahawa pembangunan sendiri amat penting di kalangan residivis untuk menyambung kehidupan apabila dibebaskan kelak, maka Jabatan Penjara Malaysia telah membantu mereka dengan memberikan latihan-latihan kemahiran dan vokasional. Maka untuk merealisasikan konsep pemulihan, moto KASIH (*Knowledge, Attitude, Skill, Intelligence and Humanity*) telah diperkenalkan oleh Bahagian Pemulihan sebagai strategi bagi mewujudkan program pemulihan yang

- J12; Mereka tahu kita bekas banduan. Apa-apa hilang mereka tuduh kita. Kita ingat susah juga mahu hidup macam ini. Kita terpaksa jumpa kawan-kawan lama juga yang sama macam kita. Tak ada orang lagi yang boleh kita kawan.
- S13; Apakah rancangan masa hadapan awak apabila bebas ?.
- J13; Sekarang umur sudah tua. Sudah 57 tahun. Kita tidak boleh curi, samun lagi. Saya ingat apabila bebas mahu tinggal di rumah orang tua. Anak bini pun tak

tahu mana dia orang duduk. Saya ingat tak mahu balik ke Batu Gajah lagi kerana takut jumpa kawan-kawan lama nanti terlibat balik dengan kes jenayah. Saya hendak tinggal di rumah orang-orang tua di Taiping atau mana-mana tempat. Saya boleh buat apa-apa kerja yang patut, gunting rambut pun boleh.

Kurupaya, saya ingat setakat ini dulu temubual pada hari ini. Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana beri kerjasama yang baik semasa temubual ini. Lain kali kalau perlu dan ada peluang kita boleh bincang lagi.

Penyelidik : P, Soalan = S , Jawapan = J

Responden: **RB** – Zailan Abidin bin Othmani (Bukan nama sebenar)

Tarikh Temubual: 26 .Jun.2010

Masa: 9.00- 11.00 pagi

Tempat: Pejabat Unit Rundingcara, Bahagian
Rawatan dan Pemulihan Penjara
Taiping, Perak

- S1. Assalamualaikum, Apa khabar, Bagaimana dapat saudara mengukuti semua aktiviti pemulihan di penjara ini ?,
- J1. Baik, macam biasa , tiada apa-apa masalah. Semua aktiviti pemulihan saya dapat ikutinya dengan baik.
- S2 Tujuan saya berjumpa dengan saudara pada pagi ini ialah hendak mendapat sedikit maklumat tentang latar belakang diri saudara. Kita ingin berkongsi maklumat tentang apakah sebabnya seseorang itu berulang kali melakukan kesalahan jenayah dan berulang kali. Hasil maklumat temu bual ini ialah untuk membuat kajian sebab seseorang itu kerap terlibat dengan kesalahan jenayah. Semua maklumat ini hanya untuk penyelidikan sahaja. Harapan saya hasil dari penyelidikan ini akan dapat dijadikan panduan kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia bagi merancang program pemulihan yang lebih baik dan sesuai di masa-masa akan datang. Sebaik-baiknya hasil kajian ini dapat dijadikan panduan hidup bagi orang lain. Menjadi pengajaran bagi diri mereka menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan jenayah atau penagihan dadah. Boleh saudara terangkan secara ringkas tentang latar belakang hidup saudara?.
- J2 Saya berumur 56 tahun. belum berkahwin. Lahir di Kemunting, Perak. Anak kedua daripada empat orang adik beradik. Kini menjalani hukuman penjara tahun terlibat dengan kes dadah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sehingga sekarang telah enam kali menjalani hukuman penjara. Pernah terlibat dengan kes pecah rumah, mencuri dan samuan.

- S3 Boleh saudara terangkan, sejak bila saudara terlibat dengan kegiatan jenayah ?.
- J3 Saya mula terlibat dengan kesalahan jenayah semasa berumur 17 tahun, Kesalahan mencuri seksyen 379 Kanun Kesiksaan. Menjalani hukuman di Sekolah Henry Gurney, Melaka selama 3 tahun. Kali kedua menjalani hukuman selama 2 tahun di Penjara Taiping. Kerna kesalahan pecah rumah seksyen 457 Kanun Kesiksaan. Kali ketiga menjalani hukuman 3 tahun dan 1 sebatan di Penjara Taiping kerana kesalahan pecah rumah. Kali keempat melakukan kesalahan yang sama, pecah rumah dan menjalani hukuman selama 2 dibawah Ordinan Darurat Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1959 (Prevention of Crime Ordinance (PCO)). Saya telah di buang daerah di Gua Musang selama 2 tahun. Kemudian saya telah melanggar syarat Perintah Sekatan yang dikenakan didapati bersalah seterusnya dijatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun. Saya menjalani hukuman di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan.
- S4 Setelah menyemak rekod kemasukkan saudara di penjara, saudara didapati pernah menjalani hukuman penjara seumur hayat. Boleh saudara terangkan secara ringkas sejak bila menjalani hukuman tersebut ?.
- J4 Saya menjalani hukuman penjara seumur hayat sejak tahun 1986 kerana kesalahan memiliki senjata api secara haram. Saya telah didakwa di bawah Seksyen 4 – Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971) didapati bersalah dan menjalani hukuman di Penjara Taiping, Perak. Saya bebas setelah mendapat pengampunan daripada Lembaga Pengampunan Negeri Perak pada bulan April 2009 setelah menjalani hukuman penjara selama 21 tahun 26 hari dengan jumlah 21 sebatan rotan.
- S5 . Boleh saudara terangkan bagaimana perasaan saudara apabila mendapat pengampunan tersebut?.

- J5 Saya merasa gembira dan terkejut apabila mendapat pengampunan daripada Lembaga Pengampunan Negeri Perak. Saya sama sekali tidak sangka akan mendapat pengampunan seperti itu. Ketika itu perasaan saya bercampur-campur. Perasaan gembira kerana mendapat pengampunan. Merasa bimbang dan takut kerana tak tahu apa yang hendak saya lakukan apabila bebas. Bimbang dan takut terlibat kembali dengan jenayah kerana ramai kawan saya di Kemunting menjadi menagih dan terlibat dengan jenayah. Pada masa itu saya sendiri tidak tahu hendak tinggal di mana. Semasa menjalani hukuman penjara pun tak ada saudara datang melawat. Hubungan saya dengan kakak di Kemunting baik tetapi tak begitu rapat sangat. Maklumlah sudah lama tidak tinggal bersama dengan mereka. Jadi pada masa bebas dahulu saya tinggal sementara dengan kakak. Dia pun tinggal bersama dengan anak cucunya yang ramai.
- S6 Bagaimana perasaan dan hubungan saudara semasa tinggal bersama kakak ?.
- J6 Saya merasa tidak begitu selesai kerana kakak saya juga mempunyai anak cucunya yang agak ramai. Hubungan dengan keluarga baik tapi ada juga perasaan bimbang. Apatah lagi saya bekas banduan. Bukan sahaja saya sendiri rasa tak selesai tapi orang pun rasa bimbang, takut dan rasa macam tak selamat. Jadi saya mengambil keputusan bawa diri tinggal bersama kawan, bekas tentera di Kemunting Jaya, Kemunting, bekas tentera. Saya kenal dengan dia sejak kecil dahulu semasa kami sama-sama belajar agama dan mengaji Al-Quran. Saya tinggal dengannya lebih kurang 3 bulan. Kemudian saya pindah, tinggal dengan kawan, dia seorang bomoh di Kampung Pinang, Kemunting, Perak. Saya tinggal dengannya tak lama kemudian dia meninggal dunia. Saya tak tahu lagi nak tinggal di mana, akhirnya saya pindah ke rumah kosong di kawasan tanah perkuburan Kampung Pinang, dan tinggal di rumah tersebut.

- S7 Bagaimana dengan keadaan hidup saudara ketika itu ?
- J7 Keadaan saya agak susah. Tiada tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap. Ketika itu saya bekerja sebagai penggali kubur bersama Pak Long dan saya juga bekerja jual bunga di kubur. *Kalau ada orang mati adalah sedikit rezeki.* Untuk mendapatkan wang lebih, saya kerja sambilan cari besi-besi buruk untuk dijual. Keadaan hidup ketika ini sebenarnya memang susah. Saya mula ‘pening’, fikiran mula kacau.
- S8 Apa maksud saudara pening dan kacau itu ?
- J8 Maksudnya fikiran saya menjadi kusut, bercelaru, tak boleh nak fikir dengan baik. Kerja tak ada, wang tak ada, macam mana nak hidup. Makan minum perlu. Kadang-kadang kawan-kawan lama bantu.
- S9 Bagaimana hubungan saudara dengan keluarga dan masyarakat sekeliling semasa dibebaskan dahulu ?
- J9 Saya merasakan pembebasan bagi diri saya nampaknya menjadi macam suatu masalah. Pada pandangan saya, hidup di dunia luar penuh dengan cabaran, dugaan, lebih membimbangkan, merasa kurang selamat, takut dipengaruhi oleh kawan-kawan lamanya. Hidup di dunia luar penuh dengan konflik. Suatu suasana kehidupan yang memerlukan kekuatan fizikal, mental, kekuatan jiwa, semangat yang kental, jati diri yang kuat. Selain itu memerlukan kesabaran dan hati yang tabah. Situasi ini merupakan suatu bebanan dan cabaran hidup yang perlu dihadapi. Apatah lagi saya memang dikenali umum oleh masyarakat sekitar Taiping dan Kemunting sering melakukan jenayah dan keluar masuk penjara. Keluarga nampak macam tak senang hati apabila saya bebas dari penjara. Begitu juga masyarakat sekeliling. Walaupun saya mempunyai niat yang baik tetapi pandangan masyarakat sekeliling nampak macam tidak percaya terhadap bekas banduan macam saya. Kalau ada kes kehilangan barang, pecah rumah dan sebagainya, saya kadang-kadang jadi sasaran. Polis, orang kampung tak nampak orang lain lagi. Saya bekas banduan sering jadi perhatian. Walaupun dalam penjara tiada kebebasan saya merasakan hidup dalam penjara lebih

selamat berbanding dengan dunia luar yang penuh dengan cemuhan dan tekanan masyarakat. Banyak buruk sangka terhadap bekas banduan, mereka kurang percaya, kurang beri sokongan. Ingat nak jadi baik, ubah keadaan hidup tetapi banyak cabaran.

- S10 Apakah pengetahuan dan kemahiran yang awak perolehi semasa menjalani hukuman penjara seumur hayat dan apakah persediaan sebelum bebas?.
- J10 Saya tidaklah membuat persediaan yang secukupnya semasa menjalani hukuman. Saya cuma mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak penjara. Saya menerima latihan kemahiran di bengkel tukang kayu dan bengkel rotan. Saya belajar sedikit pengetahuan agama dan mendengar ceramah agama di surau. Adalah sedikit kemahiran. Saya mungkin lama lagi akan mendapat pengampunan jadi tidaklah membuat persediaan yang secukupnya. Lagi pun saya tidak tahu bila tarikh saya akan dibebaskan. Dalam penjara saya tiada masalah. Saya sudah biasa dengan keadaan hidup di penjara, termasuk hubungan dengan kawan-kawan.
- S11 Bagaimana dengan program pemulihan di penjara sekarang, khususnya Program Pelan Pembangunan Insan (PPI)? . Dapat saudara ikuti ?.
- J11 Saya tiada masalah. Saya dapat mengikuti semua aktiviti. Program pemulihan yang diadakan sekarang ini memang baik dan lebih teratur. Ada kelas agama, ceramah agama, latihan kemahiran di bengkel-bengkel, sukan dan sebagainya. Semua banduan wajib mengikuti program pemulihan. Mereka kena mengikuti program ini melalui fasa-fasa. Apa pun PPI ini memang baik. Terpulang pada kita sendiri, bagaimana kita menerima dan menilainya untuk menjadi panduan hidup. Suka atau tak suka, susah atau senang kita kena ikut. Ini peraturan penjara. Ada sesetengah orang boleh menerima, ada sesetengah sukar menerima, memakan masa untuk faham. Ini terpulanglah kepada seseorang itu. Apa pun aktiviti yang penjara buat tentunya untuk kita semua di penjara ini jadi baik.

- S12 Adakah saudara benar-benar insaf semasa menjalani hukuman penjara yang lalu?’
- J12 Saya memang merasa menyesal dan insaf atas perbuatan saya yang lalu. Tetapi masalahnya saya rasa kurang kepercayaan dan keyakinan pada diri sendiri, kadang- kadang saya bertanya pada diri saya sendiri adakah saya dapat mengubah tingkah laku saya apabila bebas. Saya kurang pasti kerana tahap keyakinan diri saya tidak begitu kuat. Saya telah beberapa kali janji pada diri sendiri untuk mengubah keadaan hidup, menjadi manusia yang baik tetapi tak berjaya. Sebenarnya saya menyesal penglibatan saya ini dalam kes-kes jenayah, pecah rumah, mencuri, menagih dadah dan sebagainya. Tetapi keadaan sekeliling di luar penjara sebenarnya lagi mencabar untuk hidup. Masalah saya fikir tentang pekerjaan, tempat tinggal, takut terpengaruh dengan kawan-kawan lama yang kebanyakan penjenayah dan penagih, fikir tentang hubungan dengan keluarga dan banyak lagi. Saya merasakan tekanan keadaan sekeliling yang dihadapi semakin hebat.
- S13 Apa perasaan saudara apabila berulang kali melakukan kesalahan jenayah dan kerap keluar masuk penjara?.
- J13 Memang saya merasa malu keluar masuk penjara berulang kali melakukan kesalahan kerana melibatkan maruah diri. Saya rasa menyesal apabila dibebaskan dari penjara tidak juga dapat mengubah keadaan hidup. Saya akui ini berpunca dari kelemahan diri saya sendiri. Hati tak kuat dan bersungguh-sungguh nak ubah perangai saya yang lama. Siapa yang tidak mahu jadi baik, semua orang hendak jadi baik, ingin berubah tapi untuk berubah orang macam saya ini bukan mudah, banyak cabaran, memang banyak halangan. Cabaran dan tekanan hidup itu ada disekeliling. Saya rasa diri ini macam sampah masyarakat sahaja. Banyak menyusahkan keluarga dan masyarakat. Kadang-kadang rasa rendah diri, rasa malu, rasa keluarga pun tak suka kita, apatah lagi masyarakat sekeliling. Hidup rasa tertekan. Kadang-kadang fikiran jadi buntu. Tak tahu apa nak buat. Susah nak buktikan bahawa kita berubah insaf dan

ingin jadi baik, tidak melakukan jenayah tetapi susah juga orang nak percaya.

S14 Saudara menjalani hukuman agak lama berbanding dengan banduan yang lain. Boleh saudara terangkan sedikit bagaimana keadaan hidup di dalam penjara berbanding dengan kehidupan di luar penjara. ?

J14 Saya merasa kehidupan saya di penjara lebih terjamin berbanding kehidupan saya di luar penjara. Ada banyak perkara yang saya pelajari dalam hidup. Ada perkara yang baik dan ada perkara yang buruk. Dalam penjara bercampur dengan kawan-kawan semuanya bukan baik sangat. Macam-macam cerita tentang hidup boleh kita dengar, terpujanglah pada kita sendiri, yang mana hendak ambil sebagai panduan hidup, untuk jadi pengajaran. Semua kisah hidup manusia bermasalah. Walaupun di dalam penjara tiada kebebasan seperti di luar penjara. Di penjara ada undang-undang dan peraturan. Mahu tidak mahu kita terpaksa patuh, ikut undang-undang dan peraturan. Semua peraturan ini untuk menjadikan kita berdisiplin, melatih diri patuh undang-undang dan untuk membentuk sikap dan tingkah laku kita menjadi manusia yang berguna. Bagi saya semua ini tiada masalah untuk patuh kerana saya telah biasa dengan keadaan dan faham peraturan yang ada. Sesiapa yang melanggar peraturan pasti akan dikenakan hukuman. Di luar penjara walaupun ada kebebasan tetapi tidak sepenuhnya, kita terpaksa patuh juga pada undang-undang dan peraturan yang ada. Siapa yang melanggar undang-undang pasti akan menerima hukuman. Kalau bersalah di sinilah tempatnya. Di luar untuk hidup kita kena cari kerja. Kena cari makan minum sendiri. Perkara ini memang sukar kerana bekas banduan macam saya ini orang kurang percaya untuk beri kerja yang sesuai. Kalau tak dapat kerja yang tetap, terpaksa buat kerja sementara yang sesuai, untuk hidup, untuk mendapatkan wang. Bekas banduan macam saya ini hidup di luar memang susah. Kadang-kadang masyarakat pandang '*satu macam*' saja. Ada sesetengah orang pandang bukan dengan pandangan untuk membantu tetapi pandang dengan penuh rasa curiga dan takut. Hidup saya penuh dengan cabaran dan tekanan.

Kalau hati tidak kuat, tidak sabar, fikiran singkat, boleh terpengaruh balik dengan perangai kita yang lama. Tekanan dan cabaran ada di mana-mana. Apabila fikir ini semua saya rasa hidup di penjara lebih selamat, walaupun tempat ini orang tak suka.

- 15 Saya rasa setakat ini dahulu perbualan kita pada pagi ini. Saya ucapkan
berbanyak terima kasih di atas kerjasama yang saudara berikan. Semoga
apa yang berlaku dalam hidup saudara akan menjadi pengajaran. Perkara
yang baik itu kita jadikan tauladan dan yang buruk itu dijadikan sempadan.
Semua yang berlaku dalam hidup saudara boleh dijadikan panduan hidup
orang lain. Saya harap saudara dapat mengikuti program pemulihan di
penjara dengan baik. Jadikanlah sebagai pengajaran dan panduan hidup
apabila bebas kelak. Ada apa-apa perkara yang nak cakap.
- J15 Tidak ada. Saya juga ucap terima kasih.

Penyelidik = P Soalan = S, Jawapan = J

Respondan: **RC** - Abdul Jalil bin Halim

No. Pendaftaran Respondan: R2: 11-06-0044

Tarikh: 23/8/2010

Masa: 9.30- 10.35 pagi

Tempat: Pejabat Unit Rundingcara, Penjara Taiping, Perak

S1 : Apa khabar, bagaimana hari ini, boleh ikuti program

J1 Baik, tiada apa-apa masalah

S2 : Tujuan saya berjumpa dengan saudara pagi ini hendak mendapat sedikit maklumat tentang diri saudara yang berulang kali menjalani hukuman penjara. Boleh saudara terangkan sedikit secara ringkas tentang latar belakang hidup saudara.

J2 Saya tinggal di Kampung Kuak, Kuala Kangsar, Perak, berumur 34 dengan kes memiliki dan menagih dadah Seksyen 12 (3) Akta Dadah Berbahaya 1952. Sekarang menjalani hukuman penjara selama 2 tahun kerana terlibat dengan kes mencuri wang di kedai makan seksyen 379 kanun kesiksaan. Telah berkahwin dan mempunyai 1 orang anak.). Hubungan dengan isteri dan keluarga baik tiada masalah.

S3 : Selain daripada menjalani hukuman di Penjara Taiping, saudara pernah menjalani hukuman di penjara mana?.

J3: Pernah menjalani hukuman di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Batu Gajah 2006, Perak selama 2 tahun.

S4: Semasa ditahan di PPA saudara ada mengikuti apa-apa program pemulihan ?.

J4: Ya ada, saya mengikuti program PPI tapi tak faham sangat. Faham sedikit sahaja.

S5: Selepas bebas dari PPA Batu Gajah, saudara bekerja atau tidak

- J5: Selepas bebas dari PPA Batu Gajah saya bekerja di bengkel kimpalan bersama ayah saya, Selain itu kerja pelihara ikan dalam sangkar di Tasik Raban, Daerah Lenggung, Perak.
- S6: Bagaimana boleh terlibat dengan kes jenayah ini
- S6: Kerana saya terlibat dengan dadahlah yang menyebabkan saya terlibat balik dengan kes curi. Tidak ada duit nak beli dadah.
- S7: Semasa tahan di PPA Batu Gajah apa yang saudara pelajari?.
- J7: Banyak perkara saya belajar. Belajar pengetahuan agama peringkat asas. Perkara ini tidak pernah diambil peduli semasa berada di luar penjara. Masuk dalam penjara baru mula belajar sikit-sikit pengetahuan agama ini.
- S8: Sekarang di penjara ada mengikuti program PPI
- J8: Ada, pagi berkumpul, beratur, menyanyi lagu Negara Ku, baca ikrar kawad, mandi, kemudian pergi kelas dengar cikgu bagi ceramah. Lepas itu pergi ke surau penjara belajar agama, ustaz bagi ceramah agama kadang-kadang belajar ikraq. Belajar sembahyang.
- S9: Faham atau tidak ceramah cikgu dan ustas itu.
- J9: Faham juga, sikit-sikit. Di luar tak belajar apa langsung.
- S10: Setakat mana tahap kesedaran atau keinsafan saudara semasa kali pertama menjalani hukuman penjara.
- J10: Tahap kesedaran dan keinsafan saya masa itu, semasa kali pertama menjalani hukuman penjara hanya merasakan sekadar menghabiskan hukuman sahaja kerana kesalahan yang dilakukan. Kali kedua menjalani hukuman sedikit kesedaran dan kali ketiga tahap kesedaran itu semakin bertambah. Ini mungkin kerana hukuman agak lama.

S11: Apa rancangan masa hadapan saudara

J11 Tentu ada, saya ingin ubah keadaan hidup, tetapi halangan yang saya dihadapi semasa berada di tengah-tengah masyarakat dahulu ialah tekanan daripada masyarakat sekeliling. Persekitaran tempat tinggal tak berapa baik, ada ramai penagih. Selain itu masyarakat sering '*cakap belakang*' tentang perkara-perkara buruk tentang diri saya, maklumlah saya bekas banduan dan bekas penagih pula. Masyarakat jarang memberi kepercayaan dorongan dan sokongan. Keadaan ini memberi tekanan kepada saya. Saya merasa bosan (*fed dup*) dan seterusnya bawa diri, campur balik dengan kawan-kawan lama yang mempunyai tabiat menagih dadah di kawasan Grik dan Kuala Kangsar, Perak. Akibatnya saya terlibat kembali dengan penagihan dadah.

S12: Apakah rancangan masa depan saudara apabila bebas nanti.

J12: Kalau boleh tidak mahu lagi terlibat dengan kegiatan jenayah atau penagihan dadah. Saya juga ingin bina hidup baru macam orang lain. Nak cari apa-apa kerja yang sesuai untuk jaga anak isteri.

Saya rasa setakat ini dulu temu bual kita pada pagi ini. Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan. Jadikanlah hukuman ini sebagai suatu pengajaran.

LAMPIRAN C2

TEMUBUAL DENGAN KAKITANGAN PENJARA TAIPING (BAHAGIAN PEMULIHAN)

Penyelidik : P, Soalan = S , Jawapan = J

Nama Staf : **(ZZ)** – Bahagian Pemulihan

Tarikh Temubual: 25.9.2010

Masa: 9.00- 11.00 pagi

Tempat: Pejabat Unit Rundingcara, Bahagian
Rawatan dan Pemulihan Penjara
Taiping, Perak

S1. Berapa lama telah berkhidmat di Jabatan Penjara Malaysia ?.

J 1. Telah berkhidmat selama lebih 20 tahun.

S2. Bahagian atau Unit yang pernah bertugas

J2 Saya pernah bertugas di Pejabat Rekod, Pejabat Perusahaan, Bengkel dan
Pejabat Rundingcara.

S3. Penjara yang pernah bertugas?.

J3 Penjara Johor Bahru, PPA Batu Gajah dan Penjara Taiping.

S4. Mengikut pandangan anda apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya
masalah residivisme di penjara?.

J4 Dari pandangan saya berlakunya masalah residivisme di penjara disebabkan
oleh beberapa faktor;

a) Perilaku penagih dadah di mana pengaruh persekitaran amat kuat terutama
rakan-rakan penagih yang lain masih mempengaruhi mereka untuk terus
mengambil dadah (relapse) atau bergiat semula melakukan jenayah.

b) Berlakunya konflik keluarga dan perhubungan yang kurang baik mengakibatkan pengambilan dadah semula dengan tujuan penyelesaian masalah atau stress. Mereka yang menghadapi konflik ini dianggarkan lebih kurang sepuluh peratus.

c) Kesukaran banduan mendapat pekerjaan selepas mereka dibebaskan. Ini menyebabkan mereka terjebak semula dalam kancuh jenayah untuk mendapatkan wang dan sebagainya. Akhirnya mereka ditangkap dan meringkuk semula di dalam penjara. Masalah mendapat pekerjaan ini lebih kurang sepuluh peratus.

d) Stigma segelintir masyarakat termasuk keluarga mereka sendiri yang masih tidak dapat menerima kehadiran bekas banduan walaupun mereka telah insaf. Mereka memandang serong dan ada dicemuh malah dipersalahkan jika berlakunya sebarang kecurian di kampung atau ditempat tinggal mereka walaupun mereka tidak melakukannya. Dianggarkan sepuluh peratus menghadapi masalah seumpama ini.

e) Terdapat sesetengah banduan atau residivis yang menghadapi masalah kehidupan di luar penjara seperti tempat tinggal, pekerjaan dan sebagainya, mengakui bahawa setelah dibebaskan mereka akan tetap terus melakukan jenayah kerana ingin memasuki semula ke penjara. Bagi mereka layanan yang diterima semasa menjalani hukuman lebih baik dari di luar penjara. Contohnya dari segi makanan, rawatan kesihatan, ada tempat tinggal dan sebagainya.

S5. Pada pandangan anda adakah faktor sosial dan ekonomi yang menyebabkan seorang banduan itu sering melakukan jenayah dan berulang kali menjalani hukuman penjara?

J5 Ya, taraf sosioekonomi kebanyakan banduan boleh dikatakan berada pada tahap yang rendah. Kebanyakan mereka mempunyai jumlah keluarga yang

agak ramai, taraf kehidupan daif dan terdesak. Peratusan besar mereka juga mempunyai taraf pendidikan rendah. Begitu juga tahap pendidikan keagamaan, sangat rendah. Bagi yang beragama Islam tiada diberi atau menerima pendidikan pengetahuan asas agama di peringkat awal seperti belajar membaca Al-quran, ilmu tauhid, fiqah dan sejarah islam bagi tujuan amal ibadat tidak diketahui.

Keseluruhan mengakui bahawa mereka mula belajar atau memahami ilmu keagamaan semasa berada di penjara ini. Di sini jelaslah bahawa faktor kemiskinan yang menyebabkan kepentingan pendidikan formal dan keagamaan diketepikan. Pengabaian keluarga yang juga berada dalam ruang hidup tradisi sebegitu menyebabkan ia sukar diubah. Tiada peluang dan ruang terbuka kerana ditutupi oleh kehidupan yang terdesak pada peringkat awal dan seterusnya leka dengan pengaruh persekitaran yang dilalui. Memandangkan faktor-faktor tersebut menyebabkan mereka terjebak dengan perlakuan jenayah .

- S6. Saudara mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepenjaaraan khususnya dalam aspek pengurusan keselamatan dan pelaksanaan program pemulihan. Pada pandangan anda adakah pelaksanaan program pemulihan terhadap banduan residivis berkesan?. Boleh saudara terangkan..
- J6 Penilaian keberkesanan atau tidak program pemulihan banduan dapat dilihat melalui peratusan kemasukkan semula banduan ke penjara selepas dibebaskan. Ketika ini pada kadar kemasukkan semula banduan di Penjara Malaysia 16.8 peratus. Sasaran dalam NKRA iaitu tidak melebihi 17 peratus. Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharapkan kadar ini wajar diturunkan lagi atas faktor kesesakan, beban kewangan dan impak keselamatan. Antara kemungkinan menjadi penyebab kurangnya berkesan program ini dapat dilihat dari 2 sudut sudut iaitu Banduan dan staf;
Dari pihak banduan di dapati:-

- i) Mereka kurang berminat menyertai program pemulihan.
- ii) Tahap pemikiran mereka rendah. Kebanyakan banduan mempunyai tahap IQ rendah. Ini adalah kerana taraf pendidikan mereka rendah, biasanya menjadi pelajar yang tercicir, Semasa menuntut mereka merupakan pelajar yang bermasalah dan tidak minat belajar.
- iii) Tiada kesedaran diri dan tidak mahu berubah. Tiada jati diri yang kukuh. Mudah kecewa apabila menghadapi konflik atau cabaran.
- iv) Penyertaan dalam program pemulihan khususnya PPI adalah secara terpaksa bukan di atas kehendak diri sendiri. Mereka merasakan aktiviti yang dijalankan itu hanya untuk menghabiskan waktu yang terluang terluang semasa mereka menjalani hukuman. Mereka bersikap tidak bersungguh-sungguh untuk berubah, berserah pada nasib.

Sekiranya dilihat dari sudut **Staf** pula didapati;

Cara penyampaian anggota kurang berkesan. Secara umum kurang komitment daripada staf. Tiada kesungguhan anggota memikul tugas dan tanggungjawab. Anggapan banduan residivis ini memang tidak boleh berubah.

- S7 Pada pendapat saudara, apakah faktor-faktor yang menjadi kekangan terhadap kejayaan program pemulihan?.
- J7 Terdapat banyak faktor juga yang menjadi kekangan kejayaan program pemulihan di penjara;
- i) Kurang penglibatan dan sokongan daripada kakitangan daripada unit lain.
 - ii) Kekurangan Pegawai
 - iii) Kekurangan fasarana dan kelengkapan untuk melaksanakan sesi ceramah atau penerangan.
 - iv) Pegawai penjara kurang kemampuan pegawai untuk melaksanakan program pemulihan kerana kurang pengetahuan dan kefahaman pegawai yang terlibat
 - v) Peruntukan Bahagian Pemulihan tidak mencukupi.

- vi) Kemasukan banduan yang tidak menentu.
- vii) Tiada penyusunan semula penempatan pegawai mengikut prioriti .
- viii) Kurangnya latihan yang bersesuaian bagi anggota mengikut pengkhususan kerja. Kakitangan bekemahiran sering bertukar apabila berlaku kenaikan pangkat.

S8. Apakah pandangan anda terhadap banduan yang berulang kali masuk penjara?

J8. Pandangan saya terhadap banduan seperti ini mereka sudah hilang maruah dan harga diri. Bagi mereka hidup didalam penjara mahupun di luar penjara sama sahaja. Mereka tidak bertanggungjawab atas diri mereka, keluarga, masyarakat dan juga agama. Sebaikmana atau berkualitinya program pemulihan yang pihak penjara laksanakan jika mereka hilang maruah dan harga diri yang disebutkan tadi adalah sukar untuk mencapai kejayaan sepenuhnya. Walaubagaimanapun sebagai manusia, kita hanya mampu merancang hanya Tuhan yang menentukannya. Dalam hadis ada menyebut Tuhan tidak akan mengubah sesuatu kaum itu melainkan mereka yang berusaha untuk mengubah diri sendiri.

S9. Apakah cadangan bagi mengatasi masalah residivisme dalam kalangan banduan yang berulang kali masuk keluar penjara?

J9. 1. Saya berpendapat sebagai contoh bagi mengatasi masalah ini kita perlu mengklasifikasikan mana-mana banduan yang berminat sahaja mengikuti program PPI. Mana-mana banduan yang tidak menunjukkan minat diberi satu program yang bersesuaian agar tidak menjadi satu pembaziran. Mana-mana banduan yang tidak melepasi tahap penilaian yang dikehendaki di Fasa I hendaklah mengulangi fasa sebagaimana biasa tetapi sekiranya tiada menampakkan perubahan tidak perlu diteruskan. Pihak penjara perlu

mencari inisiatif bagi mengelak kesesakan di penempatan berkenaan. Penilaian semestinya telus bukan dibuat atas desakan blok berkenaan ataupun kemahuan pihak tertentu. Program bagi banduan bermasalah atau tidak berminat ini diberi motivasi sehingga mereka benar-benar menerima dan mempunyai kesedaran untuk berubah seterusnya mengenalpasti sikap, pengetahuan dan kemahiran bagi penyertaannya didalam program pemulihan.

2. Memberi pendidikan dan pengetahuan agama yang lebih konsisten kepada banduan ini agar meningkatkan kesedaran. Ini adalah kerana sebahagian besar banduan beragama islam dan dan bukan islam tidak mempunyai pengetahuan asas agama. Oleh itu mereka mudah terjebak dengan perlakuan jenayah kerana kurang amalan agama.

3. Banduan diberi motivasi oleh bekas banduan yang berjaya meneruskan haluan kehidupan tanpa melibatkan diri dengan sebarang jenayah dan penagihan. Pihak penjara terutama anggota parol selain menyelia parolee hendaklah terus memantau dan mengikuti perkembangan bekas banduan berkenaan.

Penyelidik : P, Soalan = S , Jawapan = J

Nama Staf : **SB** – Bahagian Pemulihan

Tarikh Temubual: 27.9.010

Masa: 10.30 pagi- 12.15 th

Tempat: Pejabat Unit Rundingcara, Bahagian
Rawatan dan Pemulihan Penjara Taiping, Perak

S1: Assalamualaikum, apa khabar,

J1: Waalaikumsalam, alhamdulillah, baik, sihat

S2: Tujuan saya berjumpa dengan saudara pada pagi ini untuk temubual mendapat sedikit maklum balas tentang pelaksanaan program pemulihan kepada banduan residivis di penjara ini, khususnya berkaitan dengan pelaksanaan Program PPI di Penjara Taiping mengikut sepertimana diarahkan. Maklumat ini hanya untuk tujuan pengajian dan penyelidikan. Saya juga ingin berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam hal ini. Saya ingin tahu dengan lebih mendalam mengapa banduan residivis ini berulang kali keluar masuk penjara selepas mengikuti program pemulihan. Saya harap tiada masalah kita dapat kongsi pengalaman dan pengetahuan.

J2: Ya, saya tiada masalah dan sedia membantu.

S3: Boleh terangkan secara ringkas latar belakang profession saudara.

J3 Saya telah berkhidmat di Jabatan Penjara Malaysia selama 21 tahun Mempunyai pengalaman yang agak luas dalam bidang kepenjaraan. Pernah bertugas di Unit Setor, Pejabat Ditol, Unit Keselamatan Penjara, Unit Agama dan Unit Pemulihan. Pernah bertugas Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting dan Penjara Taiping. Sekarang bertugas di Bahagian Pemulihan di Unit Pelan Pembangunan Insan (PPI).

S4 : Pada pandangan saudara, apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah residivisme di penjara.

J4: Pada pandangan saya, masalah pertama penerimaan keluarga. Terdapat keluarga kurang menerima kepulauan banduan ke pangkuan keluarga kerana

kesalahan-kesalahan silam yang pernah dilakukan oleh banduan tersebut. Kebiasaanya banduan ini apabila dibebaskan akan pulang ke tempat asal mereka dimana kawan-kawan lama masih ada. Pengaruh kawan-kawan dikatakan antara faktor yang paling dominan dalam berlakunya masalah residivisme. Bagi sesetengah banduan merasakan penjara adalah rumah yang selesa bagi mereka merasakan lebih susah berada di luar penjara berbanding dalam penjara. Semua keperluan asas untuk hidup ada di penjara kecuali kebebasan.

- S5 : Adakah faktor sosial dan ekonomi yang menyebabkan seseorang banduan itu sering melakukan jenayah dan berulang kali menjalani hukuman penjara?
- J5 : Sememangnya tidak dinafikan bahawa faktor sosial dan ekonomi menjadi penyebab utama kepada berulangnya perlakuan jenayah dalam kalangan banduan. Kebanyakan banduan ini hidup dalam kelompok masyarakat yang di kategorikan miskin. Dengan taraf hidup yang rendah begini, seseorang banduan itu mudah terdedah kepada melakukan jenayah. Selain itu, keluarga yang bermasalah atau berpecah juga turut menjadi penyumbang seseorang banduan itu berulang kali melakukan jenayah. Keluarga yang pincang boleh menyebabkan perhubungan antara ahli keluarga menjadi renggang dan pendidikan tidak sempurna di mana akhirnya perkara ini akan merangsang seseorang banduan itu melakukan jenayah. Faktor ekonomi seperti ketiadaan pekerjaan tetap dan tempat tinggal yang dapat menjamin kelangsungan hidup seseorang banduan itu. Di zaman yang kos kehidupan menjadi semakin tinggi, sesuatu pekerjaan itu amat perlu dalam usaha untuk membina sebuah kehidupan yang baik lebih-lebih lagi bagi mereka yang telah berkeluarga.
- S6 : Adakah pelaksanaan pemulihan terhadap banduan residivis berkesan?.
- J6 : Pada pandangan dan penilaian saya pelaksanaan pemulihan terhadap banduan masih kurang berkesan kerana beberapa faktor:

Banduan terpaksa mengikuti program pemulihan bukan kesedaran dan kehendak diri sendiri. Setiap banduan memang diwajibkan mengikuti program PPI tanpa pilihan kecuali sakit. Pegawai atau fasilitator yang bertugas kurang berkemahiran dalam bidang yang dipertanggungjawabkan. Masalah *labelling* juga wujud dalam kalangan pegawai penjara terhadap residivis yang berulang kali keluar masuk penjara kerana banyak nasihat dan bimbingan telah diberikan kepada mereka pada masa lalu tetapi mereka masih terus melakukan jenayah. Persepsi awal ini secara tidak langsung telah mengurangkan semangat dan iltizam pegawai berkenaan dalam usaha memulih tingkah laku banduan semasa menjalankan tugas.

S7 : Apakah faktor-faktor yang menjadi kekangan terhadap kejayaan program pemulihan?

7 : Ada banyak faktor yang menjadi kekangan. Antara faktor-faktor berkaitan:

Pertama pegawai yang di lantik ke Unit Pemulihan kebanyakannya masih tiada pengalaman dalam bidang pemulihan. Kursus-kursus yang berkaitan pemulihan juga kurang dianjurkan. Pertukaran pegawai-pegawai yang telah lama bertugas dalam Unit Pemulihan juga turut memberikan impak yang ketara. Samada pertukaran kerana kenaikan pangkat atau ditukarkan ke institusi lain atas arahan jabatan. Bagi situasi pertukaran pegawai, ianya berkaitan juga dengan ketiadaan pegawai pelapis yang sepatutnya mampu menggalas tanggungjawab untuk mengendalikan program pemulihan. Kalau ada pun pengganti yang di lantik secara 'tangkap muat' adalah daripada mereka yang belum ada pengalaman dalam bidang pemulihan. Ini sudah pastinya akan memberikan impak yang kurang baik bagi program pemulihan yang dijalankan.

istem fasa yang diwujudkan dalam program pemulihan memang sesuatu yang baik namun perlaksanaannya menjadi persoalan. Persoalannya ialah apakah setiap fasa yang dijalankan itu benar-benar mengikut arahan yang dikeluarkan atau ianya dijalankan hanya sekadar mengisi slot yang

dipertanggungjawabkan. Isu ini adalah kesinambungan dari isu yang dinyatakan diatas iaitu isu tempoh masa penahanan banduan yang tidak menentu. Ada yang di tahan dalam satu jangkamasa yang pendek, sekitar 3-4 bulan dan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti program pemulihan sepenuhnya.

S8 : Apakah pandangan anda terhadap banduan yang berulang kali masuk penjara?

J8 ; Pada pandangan saya, banduan ini boleh dikategorikan kepada dua kelompok utama iaitu kelompok optimis dan kelompok pesimis. Bagi kelompok optimis, mereka ini menerima takdir diri dengan baik dan sentiasa bersangka baik terhadap ketentuan apa yang berlaku. Mereka sedar tentang kesalahan yang telah dilakukan dan akan berusaha untuk mengubah sikap, nasib diri di masa depan. Malangnya kelompok ini adalah terlalu sedikit dari jumlah keseluruhan banduan yang ada di kini yang boleh dinisbahkan 1:100. Kelompok pesimis menjadi majoriti dalam kumpulan banduan ini. Mereka inilah yang hampir keseluruhan jumlah banduan yang ada. Mereka inilah telah berputus asa untuk membina sebuah kehidupan yang sempurna dan lengkap. Bagi mereka tujuan hidup adalah untuk memenuhi tuntutan nafsu semata-mata. Banduan kategori ini memang tidak boleh berubah kerana berulang kali melakukan jenayah, berulang kali menjalani hukuman penjara. Berulang kali telah diberi nasihat dan bimbingan tetapi ‘ bagai mencurah air di daun keladi. Golongan ini memang tidak mahu hendak berubah walaupun hakikatnya Jabatan Penjara telah berusaha mengadakan program pemulihan untuk membantu mereka agar boleh kembali ke pangkuan masyarakat sebagai rakyat yang berguna. Namun segalanya ini bagaikan di pandang sepi oleh banduan golongan pesimis ini dan tidak memberikan kesan kepada mereka kerana mereka telah menganggap penjara itu sebagai rumah pertama bagi mereka. Ini adalah kerana di dalam penjara segala keperluan asas hidup dapat diperolehi secara percuma. Tidak perlu bersusah payah mencari wang kerana penjara telah menyediakan segalanya. Makan, minum, rawatan hospital malah ubat-ubatan semuanya percuma. Keselesaan ini menjadikan mereka tidak kisah atau tidak perlu lagi kepada suasana kehidupan yang lebih

baik. Kesimpulannya, menyediakan keselesaan kepada banduan di dalam penjara ini adalah satu keperluan yang baik tetapi keselesaan tidak seharusnya dibiarkan berterusan sehingga mereka bergantung kepada penjara yang boleh mengurangkan rasa insaf. Perkara ini perlu di kaji semula oleh pihak-pihak yang berkenaan seandainya kita mahu melihat pengurangan jumlah mereka yang berulang-kali masuk penjara.

S9 : Apakah cadangan bagi mengatasi masalah banduan berulang kali masuk penjara?

J9 : Di sini, apabila direnungkan kembali kepada sejarah perundangan yang lama, saya berpendapat kaedah ' *menghukum* ' yang berpaksikan penderaan masih perlu digunakan kerana sifat manusia itu sendiri sebenarnya perlu di kawal dengan suatu kaedah yang dapat mendisiplinkan mereka. Konsep pemulihan yang menjadi teras pentadbiran dan pengurusan di jabatan penjara kini perlu perkemaskan lagi dengan kaedah ' *regimental system* '. Kita tidak boleh menjadikan mereka merasa sangat selesa berada di dalam penjara. Penjara bukan lagi sebuah tempat yang menggerunkan seperti suatu ketika dulu. .

Disamping itu, kita perlu memaksimumkan penguasaan ilmu terutama berkaitan dengan bidang pemulihan dan kaunseling. Pegawai-pegawai yang di lantik mestilah dari kalangan mereka yang telah didedahkan lebih awal dengan ilmu-ilmu berkenaan supaya setiap slot atau program yang dijalankan akan dapat mencapai matlamatnya. Modul-modul yang sedia ada di dalam program PPI kini hendaklah diteliti semula kesesuaiannya. Pada pandangan saya, biar sedikit sahaja modul yang dijalankan namun ianya mampu memberikan impak yang baik. Kaedah mentor-mentee juga boleh dimanfaatkan dimana kita menggunakan khidmat bimbingan bekas-bekas banduan yang berjaya dalam hidup selepas dipenjarakan. Kaedah ini dirasakan lebih sesuai kerana banduan-banduan ini dibimbing oleh bekas banduan yang mempunyai pengalaman sama seperti mereka juga serta lebih memahami jiwa seseorang yang bergelar banduan.

LAMPIRAN D

Reliability

PRE TEST - RESIDIVISME

Scale: ALL VARIABLES

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	13	86.7
	Excluded ^a	2	13.3
	Total	15	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.884	54

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
C1	172.6445	299.740	-.017	.886
C2	172.5676	299.398	.012	.885
C3	172.1830	290.194	.738	.881
C4	172.6445	290.709	.332	.882
C5	173.1830	306.840	-.209	.892
C6	172.6445	286.797	.423	.881
C7	172.6445	286.797	.423	.881
C8	172.5676	300.443	-.050	.886
C9	173.0292	311.860	-.340	.894
C10	172.6445	283.539	.539	.880
C11	172.7984	295.368	.232	.884
C12	173.1061	286.360	.306	.883
D1	173.8753	275.692	.569	.878
D2	174.0292	275.389	.747	.876
D3	173.5676	288.566	.329	.882
D4	173.9522	279.595	.547	.879
D5	173.4907	280.305	.512	.879
D6	173.3369	286.317	.409	.881
D7	173.0292	275.540	.625	.877
D8	173.1061	282.744	.400	.881
D9	173.6445	274.810	.645	.877
D10	173.2599	278.501	.639	.878
D11	172.7215	284.331	.574	.879
D12	173.8753	290.509	.253	.884

E1	173.1830	277.590	.591	.878
E2	173.4138	276.135	.604	.878
E3	173.7984	293.444	.185	.884
E4	173.1061	300.146	-.038	.888
E5	173.7984	302.699	-.115	.889
E6	173.0292	287.733	.450	.881
E7	173.4138	297.229	.075	.885
E8	173.2599	292.241	.139	.887
E9	174.0292	281.084	.469	.880
F1	172.8753	293.572	.255	.883
F2	172.2599	292.734	.734	.882
F3	172.3369	298.914	.026	.885
F4	172.4138	289.543	.595	.881
F5	173.0292	291.078	.386	.882
F6	172.6445	293.444	.275	.883
F7	172.4907	298.876	.058	.885
F8	172.6445	296.837	.163	.884
F9	172.8753	289.975	.539	.881
F10	173.0292	288.468	.364	.882
F11	172.7984	306.122	-.193	.892
F12	173.4907	284.738	.356	.882
F13	173.8753	283.131	.482	.880
F14	173.7215	270.775	.752	.875
F15	172.1061	296.618	.196	.884
F16	172.5676	294.195	.358	.883
F17	172.6445	285.278	.477	.880
KEBERKESANAN	172.7215	294.309	.416	.883
keluarga	173.4907	280.526	.757	.877
PERSEKITARAN	173.4480	289.065	.625	.880
DIRI	172.8120	291.001	.766	.881

LAMPIRAN E1

Penjara Taiping 1990




Penjara Taiping Kini



Sumber: Bahagian Pentadbiran Penjara Taiping, Perak.

LAMPIRAN E2

Lokasi Penjara Taiping



Sumber: Bahagian Pentadbiran Penjara Taiping, Perak.